

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 15)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003	(Halaman 15)
Rang Undang-undang Pemegang Pajak Gadai (Pindaan) 2003	(Halaman 33)
Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003	(Halaman 44)
Rang Undang-undang Kewangan 2003	(Halaman 54)
Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 2003	(Halaman 58)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh,
P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- “ Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit (Dilantik)
- “ Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- “ Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh (Johor)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng (Dilantik)
- “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
- “ Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
- “ Puan Lim Kee Moi (Johor)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)

- Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
- “ Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
- “ Dato Mohamad Taha Ariffin (Sarawak)
- “ Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Tuan M. Krishnan (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- ” Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
- “ Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
- “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
- “ Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
- “ Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Dipilih)
- “ Tuan Saravanan a/l Murugan (Dipilih)
- “ Dato’ Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- “ Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- “ Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Udam @ George Adam Talek (Dilantik)
- “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- ” Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman**Penolong Setiausaha**Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng**PETUGAS-PETUGAS****UNIT CETAK**Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor**JURUBAHASA SERENTAK**Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed**BENTARA MESYUARAT**Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PERUNDANGAN**Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 20 November 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kedudukan sebenar tentang tabung penanaman semula pokok kelapa sawit tua yang bernilai RM300 juta itu dan adakah skim ini akan diteruskan atau diperluaskan dengan menambahkan peruntukannya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2000 akhir Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah melancarkan satu dana yang dinamakan Skim Pinjaman Mudah Tanam Kelapa Sawit Pekebun Kecil yang bertujuan untuk menggalakkan dan membantu para pekebun kecil membiayai kerja menanam semula pokok kelapa sawit yang tua dan tidak lagi produktif.

Kos atau dana asal bagi skim ini adalah berjumlah RM350 juta. Ia dikendalikan oleh Bank Pertanian Malaysia, kadar pinjaman yang diberi ialah RM6 ribu sehektar mengikut sistem Al-Bait Bithaman Ajil yang perlu dibayar balik dalam masa 10 tahun termasuk 4 tahun tempoh penangguhan bayaran atau *grace period*, dengan izin. Peminjam dikenakan caj perkhidmatan sebanyak 44% setahun atas baki bulanan.

Sehingga kini kerajaan telah mengeluarkan peruntukan berjumlah RM47.5 juta kepada Bank Pertanian Malaysia. Bagi maksud ini iaitu RM17.5 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan RM30 juta lagi dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Setakat 31 Oktober 2003, sebanyak 2,118 permohonan telah diterima oleh Bank Pertanian Malaysia yang meliputi keluasan 22,064.32 hektar. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,097 permohonan meliputi 16,649.26 hektar telah diluluskan dengan nilai pinjaman berjumlah RM76.2 juta. Manakala jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM30.38 juta.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini kerajaan tidak bercadang untuk menambah dana asal bagi Tabung Skim Pinjaman Mudah Tanam Kelapa Sawit, walau bagaimanapun skim ini akan diteruskan sehingga dana tersebut digunakan sepenuhnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Memandangkan sambutan kepada tabung ini begitu dingin kerana sehingga sekarang belum sampai setengah telah dipohon. Adakah ini akan menjejaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil pada jangka masa panjang? Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Dana yang kita adakan ini ialah untuk ladang-ladang mereka yang mempunyai pokok yang melebihi usia 25 tahun yang tidak produktif lagi. Oleh itu, kita galakkan mereka supaya ia menebang dan menanam semula dan itulah sebab matlamat utama dana itu diadakan. Bagi mereka yang masih lagi menunggu apabila mereka menanam tanaman yang baru, pokok-pokok yang baru itu, maka kerajaan telah pun menyediakan beberapa dana-dana seperti *fund for food* dan lain-lain lagi supaya mereka boleh menanam tanaman kontan yang boleh mendatangkan hasil pada mereka sebelum pokok-pokok yang ditanam ini mula dapat dituai. Terima kasih.

2. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas AlHabshee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kriteria-kriteria yang digunakan kerajaan bagi menempatkan pesalah-pesalah di Kem Tahanan Simpang Renggam dan mengapakah mereka ditempatkan di sana. Apakah kerana pihak berkuasa tidak dapat mengenakan tindakan perundangan ke atas mereka atau atas sebab keselamatan?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, pesalah-pesalah yang ditempatkan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam terdiri daripada pesalah yang dikenakan tindakan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Dadah Berbahaya, (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Ordinan Darurat ialah undang-undang berbentuk pencegahan, dengan izin, *preventive detention law*, bagi menjamin keselamatan awam, menghapuskan kekerasan dan mencegah jenayah. Kebanyakan penjenayah yang dikenakan tindakan di bawah ordinan ini merupakan penjenayah yang berulang kali melakukan jenayah atau dengan izin, *habitual criminal*. Mereka ini terlibat sekurang-kurangnya tiga kes atau lebih dalam jenayah kekerasan dan jenayah yang menjejaskan serta memudaratkan ketenteraman awam. Seperti:

- (i) aktif dalam kegiatan kongsi gelap;
- (ii) terlibat dalam satu rangkaian dan, dengan izin, *series* jenayah;
- (iii) samun bersenjata ataupun bersenjata api;
- (iv) merompak, menyamun, menyerang dan merusuh; dan
- (v) peras ugut dan culik.

Disebabkan kekurangan bukti-bukti yang kukuh, penjenayah tersebut tidak dapat dikenakan tindakan mahkamah, walaupun laporan polis telah dibuat oleh mangsa-mangsa. Demi keselamatan dan ketenteraman awam dan untuk mengelakkan kegiatan jenayah yang sama berulang, mereka akan dikenakan tindakan di bawah ordinan ini. Ordinan ini didapati berkesan untuk mengekang kegiatan-kegiatan jenayah yang dilakukan oleh penjenayah-penjenayah yang licik serta kejam.

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, merupakan satu akta yang membolehkan tindakan penahanan orang-orang yang mempunyai kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung kait dengan pengedaran dadah sebagai langkah pencegahan. Mereka ini tidak dapat disabitkan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya kerana kekurangan bukti. Terdapat tiga pusat penahanan yang menempatkan pesalah-pesalah ini di bawah akta ini iaitu Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam dan Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah.

Mereka yang dikategorikan sebagai dengan izin, *hard core* seperti jangka masa penglibatan yang lama dan jumlah kes yang banyak akan ditempatkan di Pusat Pemulihan Akhlak Muar manakala yang sederhana akan ditempatkan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam. Pesalah yang didapati terlibat sebagai penagih dan pengedar dengan nilai yang sedikit akan ditempatkan di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah. Tahanan-tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam akan menjalani program pemulihan termasuk ceramah agama, sesi kaunseling serta ceramah-ceramah motivasi dan juga dilatih dalam bengkel-bengkel pertukangan dan kimpalan mengikut minat masing-masing.

Jawatankuasa Penilaian dan Penempatan serta Kebajikan Orang-orang Tahanan akan mengkaji prestasi serta tata kelakuan tahanan-tahanan pada setiap tahun dan mereka yang menunjukkan prestasi dan tahap pemulihan yang baik, boleh dipertimbangkan sama ada disekat di daerah-daerah ataupun dibebaskan terus. Terima kasih.

3. **Puan Ooi Siew Kim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa negara mempunyai dasar yang berbeza terhadap isteri warganegara asing terutamanya dari negara China (PRC) dan mengapakah Pas Lawatan Sosial mereka hanya diberi tempoh 6 bulan sahaja berbanding dengan lain-lain negara di mana tempoh yang diberikan selama 1 tahun.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang selama satu tahun adalah diberikan kepada semua isteri asing kepada warganegara Malaysia termasuk isteri asing daripada Republik Rakyat China. Walau bagaimanapun, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi oleh semua isteri asing tersebut:-

- (a) isteri-isteri asing ini telah tinggal bersama suami mereka di Malaysia selama dua tahun berturut-turut di atas Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang selama enam bulan ke enam bulan;
- (b) perkahwinan masih wujud kerana Tuan Yang di-Pertua, ada di antaranya dia kahwin separuh jalan dan berpisah. Itu sebab saya katakan tadi penekanan dibuat kepada perkahwinan masih wujud;
- (c) perlu hadir suami isteri ke Jabatan Imigresen Malaysia; dan
- (d) bukti-bukti dokumen asal seperti pasport, surat nikah dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, mulai pada 8 Ogos 1999, kerajaan telah memutuskan bahawa isteri asing kepada warganegara yang selama ini tidak mendapat kemudahan Pas Lawatan Sosial selama satu tahun iaitu Republik Rakyat China (RRC), Korea Utara dan Vietnam diberi kemudahan tersebut secara *case by case*, dengan izin. Terima kasih.

4. **Tuan M. Ratnam** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada perancangan ke arah pengintegrasian di antara pelajar pelbagai kaum sudah bermula atau tidak. Sekiranya sudah, apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang akan diimplementasikan dari peringkat sekolah rendah hingga ke universiti.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini kerana semalam semasa menggulung, saya terlupa nama Yang Berhormat yang menyertai perbahasan iaitu Yang Berhormat Puan Jaya Partiban. Namun demikian, segala pandangan beliau telah dicatatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mengambil pelbagai pendekatan bagi meningkatkan perpaduan antara kaum di semua peringkat pengajian. Langkah-langkah yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh dan bersepadu melalui proses pengajaran dan pembelajaran pelbagai mata pelajaran, kegiatan kokurikulum dan juga aktiviti-aktiviti sukan. Sebagai contoh; dalam mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, aspek-aspek yang terdapat dalam mata pelajaran tersebut memberi penekanan kepada pemupukan nilai-nilai murni seperti patriotisme, perpaduan, bekerjasama dan toleransi ke arah melahirkan warganegara yang hidup bersatu padu.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membina dan melaksanakan projek Sekolah Wawasan di mana murid-murid dari sekolah-sekolah pelbagai aliran, belajar dalam satu kompleks pendidikan yang sama. Langkah ini bertujuan untuk memupuk perpaduan sejak kanak-kanak di peringkat sekolah rendah lagi. Usaha lain yang dijalankan untuk memupuk perpaduan ialah rancangan integrasi murid untuk perpaduan (RIMUP). Di bawah program ini, pelajar-pelajar dari ketiga-tiga jenis sekolah – sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah jenis kebangsaan (Tamil) dari pelbagai kaum akan menyertai aktiviti sukan bersama dan cara ini akan melahirkan semangat berpasukan dan integrasi kaum yang mantap sejak di sekolah rendah.

Rancangan ke arah pengintegrasian di antara pelajar-pelajar pelbagai kaum di IPTA sudah dijalankan sejak dahulu lagi. Semua aktiviti pelajar seperti khidmat masyarakat, sukan, kebudayaan dan sebagainya turut disertai oleh pelajar-pelajar pelbagai kaum. Begitu juga di bilik asrama, pelajar-pelajar akan ditempatkan secara bercampur di antara kaum. Selain itu, di semua IPTA juga telah ditubuhkan Kelab Perpaduan yang bertujuan untuk menjalankan pelbagai aktiviti tersusun yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum. Sekian, terima kasih.

5. **Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) memandangkan jenayah sering berlaku di waktu malam, adakah Kementerian bercadang untuk memperuntukkan lebih banyak kereta peronda beroperasi di waktu malam bagi memantau berlakunya kejadian jenayah; dan
- (b) berapakah jumlah anggota polis wanita dan nyatakan jumlah mengikut pangkat.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan;

- (a) Pencegahan dan pengesanan aktiviti jenayah merupakan tugas hakiki ataupun *core duties* pasukan polis. Ia dilakukan tidak kira sama ada siang ataupun malam iaitu 24 jam. Kementerian sedar atau sedia maklum akan *constraint* yang dihadapi oleh pihak PDRM terutama sekali dari segi aspek logistik ataupun kenderaan peronda polis ataupun *multipurpose van or vehicles* (MPV).

Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kelapan, tahun 2001 sehingga 2005, telah memperuntukkan sejumlah RM177,675,222.23 bagi tujuan pembelian sebanyak 3,750 buah kenderaan untuk digunakan oleh pihak PDRM. Sehingga kini iaitu tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM72,556,597.39 ataupun lebih kurang 41% telah pun dibelanjakan oleh kerajaan bagi tujuan pembelian 1,306 buah kereta peronda polis iaitu MPV.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan soalan;

- (b) Jumlah keseluruhan pegawai dan anggota polis wanita dalam Polis Diraja Malaysia ialah 7,892 orang. Pecahan keanggotaan mengikut pangkat adalah seperti berikut:-

Pangkat	Bilangan (Orang)
Assistant Commissioner of Police (ACP)	3
Superintendent of Police (SUPT)	10
Deputy Superintendent of Police (DSP)	41
Assistant Superintendent of Police (ASP)	113
Cadet ASP	5
Chief Inspector Police	292
Inspector Police	136
Sub-Inspector Police	20
Sarjan Mejar	92
Sarjan Police	526
Coperal Police	1,056
Lans Coperal Police	3,306

Constable Police	1,756
Lans Coperal Police - Tambahan	410
Constable Police - Tambahan	126
JUMLAH	7,892

Terima kasih.

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Memandangkan soalan asal menyatakan bahawa jenayah sering berlaku di waktu malam dan saya dapati bahawa pada musim perayaan, ada juga pembakaran mercun di waktu malam masih berlaku.

Jadi, soalan tambahan saya, adakah kerajaan masih mengharamkan penggunaan mercun dan apakah nasihat kementerian kepada semua rakyat menjelang Hari Raya ini?

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Terima kasih kepada soalan itu Yang Berhormat Dato' Arzmi. Pertama sekali ialah tentang pengharaman penggunaan mercun. Kerajaan memang terus mengharamkan penggunaan mercun.

Tentang nasihat kementerian ataupun kerajaan kepada orang ramai, kalau boleh janganlah membenarkan anak-anak mereka membeli ataupun menyimpan mercun kerana kita telah lihat melalui akhbar-akhbar, nampaknya pada musim perayaan, orang Islamlah yang ramai sekali - orang-orang Islam terutama orang Melayu yang cedera kerana main mercun.

Oleh itu saya menasihatkan ataupun kerajaan menasihatkan supaya ibu bapa cuba jangan membenarkan anak-anak mereka bermain mercun ataupun membeli mercun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan soalan sebab nampak macam hendak mogok pasal tak mahu tanya soalan tambahan.

6. **Tuan Tan Cheng Tee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi membanteras kegiatan "TONTO" yang selalu menggagalkan sesuatu operasi yang hendak dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang boleh diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap kegiatan 'TONTO' adalah amat terhad.

Ini memandangkan tidak ada peruntukan khusus yang terdapat di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 mengenainya. Setakat ini tindakan yang diambil ke atas 'TONTO' ialah dengan menahan kenderaan yang disyaki digunakan oleh 'TONTO' mengikut Seksyen 59(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 di mana kenderaan yang disyaki digunakan di dalam kegiatan ini ditahan dan dibuat pemeriksaan bagi menentukan ia tidak melanggar peraturan pemasangan kelengkapan dan pengubahsuaian ke atas kenderaan itu.

Selain daripada itu JPJ juga menahan kenderaan yang digunakan bagi kegiatan yang sama di bawah Seksyen 64(1) bagi memastikan kenderaan-kenderaan itu mempunyai lesen kenderaan bermotor. Sehingga kini JPJ telah pun menahan sejumlah lima buah kenderaan 'TONTO' di bawah Seksyen 59(1) dan lima buah kenderaan di bawah Seksyen 64(1).

Bagi mengelakkan operasi penguatkuasaan JPJ tidak diganggu oleh 'TONTO', JPJ juga telah mengadakan operasi bersama dengan Polis Diraja Malaysia. Langkah ini didapati berkesan. Namun demikian, sekiranya didapati 'TONTO' bertindak agresif ke atas operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ sehingga boleh ditakrifkan sebagai penghalang tugas-tugas JPJ, tindakan laporan polis akan dibuat mengenainya.

Pada tahun ini, JPJ telah membuat satu laporan polis mengenai kegiatan 'TONTTO' yang menghalang tugas-tugas polis.

Dato' Chin Fook Wing: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Chin Fook Wing.

Dato' Chin Fook Wing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah masalah pegawai JPJ yang memberi maklumat kepada 'TONTTO' itu sebelum satu serbuan itu dibuat berlaku dalam pejabat ini? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Kita tidak menolak kemungkinan maklumat itu diberi dari dalaman tetapi setakat sekarang kita tidak dapat menangkap sesiapa kerana tidak ada bukti yang sah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Contoh soalan tambahan, tidakkah boleh Ordinan yang disebutkan tadi digunakan terhadap membanteras fenomena 'TONTTO'?

7. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan perkembangan industri herba di negara ini dan apakah jenis sokongan atau insentif yang disediakan untuk mengembangkan industri ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah bin Haji Aman]: Tuan Yang di-Pertua, industri herba negara menunjukkan perkembangan yang menggalakkan di mana sehingga September 2003 sebanyak 216 buah kilang herba telah pun didaftarkan.

Industri ini mempunyai potensi untuk lebih maju di masa hadapan berdasarkan kepakaran dan kepelbagaian biologi yang terdapat di negara kita. Ke arah menyokong perkembangan industri ini seterusnya, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan diperlengkapkan dengan kepakaran serta kemudahan peralatan untuk menjalankan penyelidikan yang komprehensif.

Ini merangkumi dari aspek pengeluaran bahan mentah seperti penanaman, pembiakan serta penghasilan klon-klon yang lebih baik dari segi rintang penyakit dan produk terakhir. Kerajaan juga telah menyediakan satu pelan tindakan berasaskan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) dan Dasar Traditional Complementary Medicine (TCM), dengan izin.

Di samping melalui Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, kerajaan telah menambah peruntukan penyelidikan melalui Geran Penyelidikan mengikut bidang keutamaan atau lebih dikenali sebagai IRPA. Seterusnya projek Bio-Valley yang sedang dibina di Cyberjaya akan berfungsi sebagai pusat penyelidikan semula, jadi negara menjadi pemangkin untuk mempercepatkan pertumbuhan industri herba negara.

Saya yakin dengan kepakaran dan kemudahan yang ada serta mewujudkan kepelbagaian biologi hutan yang tinggi di negara ini, akan memberi peluang kepada penemuan baru tumbuhan herba untuk kegunaan tertentu dalam perubatan serta lain-lain bidang yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan membantu industri tempatan yang ingin terlibat dalam perusahaan herba ini dalam R&D dan jika ya, adakah dana disediakan untuk usahawan mendapatkan sokongan R&D ini? Terima kasih.

Datuk Anifah bin Haji Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan telah pun memberi peruntukan-peruntukan yang telah saya sebutkan tadi dalam Rancangan Malaysia Kelapan sejumlah RM4.8 juta melibatkan 24 buah projek herba yang telah diperuntukkan di bawah pelan penyelidikan mengikut bidang keutamaan dan Projek Bio-Valley juga telah pun diperuntukkan sejumlah RM300 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan ia telah pun dilancarkan pada bulan Mei 2003.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memandang berat bahawa perusahaan ini adalah satu perusahaan di mana ia akan membawa manfaat yang besar kepada negara kita dan penekanan telah pun diberi untuk membantu dan juga usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran seumpama itu dan juga penemuan-penemuan baru.

Negara kita begitu kaya dengan tumbuh-tumbuhan seumpama ini dan kita dapati bahawa hampir 130,000 jenis tumbuhan tempatan yang telah dikenal pasti dan secara langsung menjadikan Malaysia di antara negara yang kaya dengan bio-diversity. Sekian, terima kasih.

Puan Lim Kee Moi: Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. Soalan tambahan saya ialah bolehkah Kementerian Perusahaan Utama menyatakan jenis-jenis herba yang sesuai dan boleh diindustrikan? Terima kasih.

Datuk Anifah bin Haji Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di antara herba-herba yang telah diketahui iaitu Tongkat Ali, Kacip Fatimah dan lain-lain lagi dan penemuan-penemuan terbaru untuk makluman Yang Berhormat di antaranya ialah serai wangi keluaran *body shampoo* atau *hair shampoo* dan *insect propellant*. Saya galakkan supaya Yang Berhormat menggunakan produk-produk seumpama ini barangkali boleh menambahkan kecantikan dan juga untuk menarik.

Satu lagi Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat juga perlu iaitu asam gelugur yang kini dalam proses menghasilkan kapsul untuk publisiti. Kalau gemuk, kita boleh kurangkan. Dan ini saya ingat juga satu penemuan yang menarik dan insya-Allah apabila kita komersialkan, bahawa pada sesi-sesi yang akan datang saya akan melihat bahawa ramai Yang Berhormat wanita datang ke sini dengan lebih baik lagi daripada segi statistik, daripada cantik dan canggih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat menyaksikan betapa kalau soalan tambahan mencungkilkan sesuatu boleh Dewan diceriakan lagi.

8. **Puan Mariah binti Haji Abdullah** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sejauh manakah galakan yang diberikan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk mempromosikan kawasan pinggir sempadan antarabangsa.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa menggalakkan kerajaan-kerajaan negeri yang bersempadan dengan negara-negara jiran untuk menarik pelancong dari negara-negara tersebut ke negara ini. Untuk tujuan tersebut, kementerian melalui Tourism Malaysia telah menyediakan pusat penerangan pelancong di kawasan pintu masuk ke negara ini iaitu di Tanjung Puteri, Johor dan Bukit Kayu Hitam, Kedah. Pegawai-pegawai Tourism Malaysia ditugaskan di pusat-pusat penerangan ini untuk memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pelancong-pelancong. Risalah-risalah pelancongan juga disediakan di pusat penerangan pelancongan ini dan di kaunter masuk kastam dan imigresen.

Kementerian juga membantu kerajaan-kerajaan negeri dalam menyediakan papan iklan dan *signboard* yang mencukupi di pintu-pintu masuk ke Malaysia dan kemudahan-kemudahan lain seperti tandas awam serta lanskap. Usaha-usaha promosi di kawasan-kawasan pinggir sempadan antarabangsa turut diadakan oleh kementerian bersama-sama kerajaan-kerajaan negeri dalam lingkungan kawasan pertumbuhan segi tiga, iaitu kawasan pertumbuhan Segi Tiga – Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT), kawasan pertumbuhan Segi Tiga – Indonesia, Malaysia, Singapura (IMS-GT) dan kawasan pertumbuhan Asia Timur – Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA).

Di antara usaha-usaha promosi tersebut ialah menubuhkan kompleks di sempadan, dengan izin, *a border crossing complex and welcome plaza* di pintu masuk dan mengadakan perkhidmatan feri penumpang di antara Sabah-Semenanjung Malaysia, Melaka – Indonesia, Thailand-Kedah-Langkawi. Sekian, terima kasih.

9. **Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah latihan yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa kementerian yang diberi senjata api terutama dalam mengendalikan situasi berbahaya yang boleh menyebabkan senjata api tersebut digunakan dan membahayakan nyawa manusia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan senjata api adalah perlu bagi pegawai-pegawai penguatkuasaan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memandangkan mereka terdedah kepada tugas-tugas yang berbahaya terutamanya ketika menjalankan tugas-tugas membanteras kegiatan cetak rompak dan barangan tiruan. Pegawai-pegawai berkenaan didedahkan kepada latihan intensif selama satu bulan dari aspek pengendalian dan kecekapan menggunakan senjata api yang diadakan dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia di Sekolah Latihan Pasukan Gerak Am, Ulu Kinta, Perak. Latihan-latihan menembak juga diadakan dari masa ke semasa supaya pegawai-pegawai dapat mengekalkan kecekapan masing-masing dalam pengendalian dan penggunaan senjata api.

Di samping itu, pegawai-pegawai juga didedahkan kepada aspek perundangan dan keselamatan supaya penggunaan senjata api ini tidak disalahgunakan ataupun menggunakannya dengan cara yang boleh membahayakan diri sendiri dan orang awam.

10. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa lamakah tempoh masa dan apakah proses yang perlu bagi mendapatkan kelulusan permohonan permit pekerja asing supaya urusan pengambilan pekerja asing dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan terancang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali majikan yang hendak menggaji pekerja asing bolehlah memohon kepada Kementerian Dalam Negeri dengan mengisi borang yang berkaitan mengikut sektor-sektor tertentu iaitu sektor perkilangan, sektor pembinaan, sektor perladangan dan sektor perkhidmatan. Majikan akan dimaklumkan keputusannya dalam masa tidak lewat daripada tiga minggu daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima oleh Kementerian Dalam Negeri.

Yang kedua, majikan yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri hendaklah seterusnya mengemukakan butiran mengenai pekerja asing untuk urusan mendapatkan visa dengan rujukan (VDR), kemudian Multiple Entry Visa (MEV) dan juga pas lawatan kerja sementara ke jabatan imigresen. Keputusan akan dimaklumkan kepada majikan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga minggu daripada tarikh permohonan lengkap diterima oleh Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen Malaysia. Manakala bagi permohonan yang dikemukakan di jabatan imigresen negeri, keputusan akan dimaklumkan dalam tempoh tidak lewat daripada empat minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

Pada tahun 2003 iaitu sehingga 17 Oktober 2003 sebanyak 9,518 permohonan pengambilan pekerja asing telah diterima oleh Kementerian Dalam Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak 4,436 permohonan telah diluluskan membabitkan pengambilan seramai 89,515 orang pekerja asing.

Proses pengambilan pekerja asing mengambil masa yang agak lama kerana kelulusan pemohon-pemohon melibatkan penapisan daripada beberapa agensi yang menjadi anggota dalam Jawatankuasa Teknikal Pengambilan Pekerja-pekerja Asing. Agensi-agensi yang terlibat ialah Kementerian Pertanian, MITI, Kementerian Sumber Manusia, CIDB dan Kementerian Perusahaan Utama. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Soalan tambahan saya adakah rancangan untuk menetapkan masalah kelulusan yang terlambat supaya kurang birokrasi untuk menyahut seruan dan kehendak Perdana Menteri demi untuk kepentingan negara. Ini memandangkan Yang Berhormat cakap tadi, tiga minggu, sebenarnya lebih – tiga bulan, empat bulan, selepas itu minta rayuan memakan masa yang begitu lama. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan menyentuh *delivery system*.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut kehendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa tiap-tiap pegawai kerajaan hendaklah mengurangkan kerenah birokrasi dan cuba mempercepatkan dalam mana-mana permohonan oleh pihak-pihak yang tertentu. Dengan itu, perkara yang diketengahkan oleh Yang Berhormat tadi akan diberi pertimbangan yang serius dan akan dilaksanakan secepat mungkin. Terima kasih.

11. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Pendidikan menyatakan statistik guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa di sekolah menengah dan rendah. Adakah kementerian bercadang mewujudkan satu jawatan hakiki bagi meningkatkan bidang tugas dan tanggungjawabnya dalam menangani masalah sosial di kalangan pelajar sampai ke akar umbi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini jawatan guru bimbingan di sekolah rendah dan guru kaunseling di sekolah menengah merupakan jawatan hakiki yang diwujudkan sejak tahun 2002. Jumlah guru kaunseling dan guru bimbingan adalah seperti berikut; pada tahun 2000 ada 1,508 guru kaunseling, tidak ada guru bimbingan; 2001 ada 1,563 guru kaunseling dan pada masa itu kita tidak ada guru bimbingan di sekolah rendah. Mulai tahun 2002 terdapat 2,083 guru kaunseling dan 3,233 guru bimbingan; 2003 terdapat 3,173 guru kaunseling, dan sekolah rendah terdapat 2,378 guru bimbingan.

Untuk makluman, guru bimbingan dan guru kaunseling merupakan tugas sepenuh masa. Mudah-mudahan mereka dapat menumpukan perhatian untuk memberi bimbingan kepada pelajar sama ada dari segi akademik, emosi mahupun masalah peribadi pelajar. Guru-guru ini seperti diterangkan tadi tidak dibebani dengan tugas pengajaran dan pembelajaran supaya mereka dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada tugas kaunseling dan bimbingan.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk mendaftarkan semua guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa yang bertugas di sekolah-sekolah untuk mendapatkan lesen sebagai kaunselor. Yang kedua, apakah syarat atau kriteria untuk mendapatkan lesen sebagai kaunselor. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu kerana beliau adalah bekas kaunselor sepenuh masa. Soalan ini saya minta maaf kerana saya tidak dapat menjawab kerana ia memerlukan masa. Terima kasih.

12. **Dato' Dr S. Vijayarajam** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah pihak Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) berpuas hati dengan penyelenggaraan lebuh raya-lebuh raya bertol dan Persekutuan dari segi muka jalan yang tidak sama rata dan garis putih jalan yang telah pudar di beberapa tempat di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kementerian sentiasa memastikan syarikat-syarikat konsesi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan lebuh raya bertol dan Jalan-jalan Persekutuan dengan sempurna. Pihak kerajaan melalui Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan Jabatan Kerja Raya memantau kerja-kerja yang dilaksanakan melalui *work program* dengan izin, yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat konsesi bagi memastikan permukaan lebuh raya dan jalan-jalan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat kepada para pengguna lebuh raya.

Bagi lebuh raya-lebuh raya yang dikenakan tol, Pejabat Wilayah Lembaga Lebuh Raya Malaysia bagi zon utara, zon tengah dan zon selatan sentiasa melaksanakan pemantauan-pemantauan penyelenggaraan pada setiap bulan bagi mengesan sebarang kerosakan yang memerlukan pembaikan secara rutin. Sebarang kerosakan yang dikenal pasti pada struktur lebuh raya akan diambil tindakan pembaikan secara segera oleh pihak syarikat konsesi. Sehingga kini, pihak LLM atau Lembaga Lebuh Raya Malaysia berpuas hati dengan penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi lebuh raya. Sekian terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Beberapa tempat di Lebuh Raya Utara Selatan menggunakan simen untuk membina muka jalan. Adakah manfaat ataupun kebaikannya menggunakan simen berbanding dengan *premix* untuk tujuan tersebut.

Datuk Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini diambil kerana tanah di kawasan itu perlukan simen. Di mana-mana tempat juga sekarang kita cuba

dengan satu jenis tar yang diimport dari Australia boleh digunakan untuk kita menguatkan permukaan jalan di beberapa tempat yang memerlukan. Tindakan menggunakan simen ini bukan sahaja ia tahan lama dari segi *premix*, ia juga kita cuba di satu tempat kalau ianya sesuai, di lain tempat akan digunakan simen tetapi kosnya adalah tinggi sedikit.

13. **Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan rancangan jangka panjang dan pendek untuk mempromosikan Pelabuhan Kuantan sebagai pelabuhan utama di sebelah Pantai Timur sempena pembukaan Lebuh Raya Pantai Timur.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Unggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara rancangan jangka panjang dalam promosi Pelabuhan Kuantan sebagai pelabuhan utama di Pantai Timur sempena pembukaan Lebuh Raya Pantai Timur ialah pelaksanaan program pembangunan pelabuhan. Ia dilaksanakan berdasarkan pelan pembangunan dan pasaran Lembaga Pelabuhan Kuantan sejak tahun 1998 lagi bagi memastikan keperluan pengguna pada masa hadapan dapat dipenuhi.

Di antara program pembangunan tersebut ialah penyediaan *basin* baru seluas 80 hektar pada tahun 1999. *Basin* ini bersambungan dengan *basin* yang sedia ada, menjadikan kawasan keseluruhan seluas 127 hektar. *Basin* baru ini akan dapat menyediakan kawasan untuk membina sehingga 12 dermaga baru bagi menampung peningkatan kapal-kapal yang berlabuh di Pelabuhan Kuantan. Dengan siapnya *basin* tersebut, kemampuan kapasiti pengendalian kargo di pelabuhan Kuantan dijangka akan meningkat dari 10 juta ke 25 juta tan setahun. Sehingga kini dua buah dermaga kontena sepanjang 400 meter dan dua buah dermaga kimia cecair sepanjang 240 meter telah siap dibina di kawasan *basin* baru tersebut.

Dari segi rancangan jangka pendek lawatan pemasaran ke kilang-kilang serta perjumpaan dengan pengguna serta bakal pengguna pelabuhan diadakan dari masa ke semasa bagi memastikan perhubungan yang sedia wujud diperkukuh di antara penyedia perkhidmatan dan pengguna.

14. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Kesihatan menyatakan peratusan rakyat negara kita yang merokok pada 5 tahun yang lalu dan adakah peratusan itu semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua: Nama Yang Berhormat disebut Lee Sing 'Chuii' atau Lee Seng 'Chooi'?

Tuan Lee Sing Chooi: Kedua-dua boleh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua maklumat tentang peratusan rakyat Malaysia merokok telah diperolehi dari dua buah tinjauan yang dibuat pada tahun 1986 dan 1996 iaitu tinjauan kesihatan dan mobiliti kebangsaan satu dan dua.

Kadar keseluruhan perokok dewasa di Malaysia telah meningkat daripada 21.5% kepada 24.8% iaitu berjumlah sekurang-kurangnya satu juta orang dalam jangka masa 10 tahun dari tahun 1986 hingga 1996.

Dalam tempoh yang sama, kadar merokok bagi lelaki dewasa bertambah hampir 10% dan kini lebih separuh dari semua lelaki dewasa di Malaysia adalah perokok. Sementara itu pula kadar merokok di kalangan wanita dewasa adalah tidak banyak berubah dari 4.1% pada tahun 1986 menurun kepada 3.5% pada tahun 1996. Menurut ramalan Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO, separuh atau 50% daripada semua perokok akan maut akibat kesan tabiat mereka.

Bagi kumpulan remaja tempatan pula, dua penyelidikan yang dilaksanakan pada tahun 1996 dan tahun 1999 telah menghasilkan statistik yang membimbangkan. Kadar keseluruhan perokok bagi generasi muda kini telah bertambah 2% dalam masa 3 tahun, di mana 29% remaja lelaki merokok pada tahun 1999 tetapi yang lebih menggerunkan lagi ialah kadar merokok bagi remaja perempuan yang telah melonjak hampir dua kali ganda dari 4.8% kepada 8% dalam tempoh yang singkat itu.

Adalah dianggarkan bahawa setiap hari seramai lebih kurang 50 orang remaja memulakan tabiat buruk ini. Hasil kajian ini menunjukkan terdapatnya satu trend bagi kadar merokok untuk lelaki dan perempuan yang semakin rapat. Pada tahun 1996 nisbah merokok remaja lelaki kepada perempuan ialah 6:1 tetapi pada tahun 1996 nisbahnya ialah 4:1. Sekiranya *trend* ini berlarutan diramalkan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun mendatang, nisbah remaja lelaki kepada perempuan merokok akan menjadi sama, iaitu 1:1 dan kadar *prevalent* merokok di kalangan golongan wanita ketika itu dijangka mencapai 30%.

Ini bererti semakin ramai para remaja kita yang terjebak dengan gejala rokok yang boleh membawa kesan ketagihan serius termasuk penagihan dadah. Ini berdasarkan penyelidikan sains yang jelas mengaitkan rokok sebagai *get way drugs* untuk penggunaan najis dadah. Usaha kerajaan melancarkan perang habis-habisan terhadap najis dadah adalah amat bertepatan sekali dan sewajarnya ia turut melibatkan perang menentang penggunaan tembakau terutamanya rokok di kalangan para remaja.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi dahulu, saya akan benarkan nanti.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kementerian yang telah memberi angka-angka itu. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah keberkesanan dari undang-undang yang sedia ada untuk menggalakkan supaya tidak merokok atau berhenti merokok.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sekarang ada undang-undang *disincentive*. Soalan tambahan, insentif untuk tidak buat.

Tuan S. G. Sothinathan: Insentif untuk tidak buat itu ialah dengan menaikkan lagi hukuman terhadap perokok khususnya yang di bawah umur 18 tahun dan juga di tempat-tempat yang dikecualikan atau yang diklasifikasikan zon bebas dari merokok itu, maka di situ undang-undang akan diperketat dan juga denda yang akan dikenakan itu mungkin akan dipertingkatkan semasa akta kawalan tembakau yang kini sedang dirangka itu diluluskan di Dewan pada masa kelak.

Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya dari segi persamaan dengan Yang Berhormat tadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyekat atau mengurangkan ketagihan merokok di dalam masyarakat dan apakah cara terbaik untuk seseorang itu memberhentikan tabiat merokok?

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang saya rasa soalan ini agak tepat. Sebenarnya salah satu program yang baru kita mulakan sempena bulan puasa ini iaitu Kempen Nafas Baru Bermula Ramadan yang dilancarkan pada 11 Oktober baru-baru ini di Institut Kefahaman Islam Malaysia khususnya untuk mereka yang beragama Islam bagi mengambil peluang menghentikan tabiat merokok sempena bulan mulia Ramadan ini dan seterusnya.

Tetapi kita sendiri pun boleh buat soal selidik secara peribadi, kita tanya dalam bulan puasa kita boleh berhenti merokok khususnya selama lebih kurang 14 jam. Kenapa kita tidak boleh melepaskan tabiat ini? Jadi ini saya rasa adalah satu peluang yang amat baik bagi kita untuk menukar cara hidup kita. Di samping itu juga, kita telah pun adakan pelbagai seminar dan bengkel seperti 'Tembakau, Wanita dan Gadis' yang diadakan pada 20 hingga 22 Oktober lepas di Melaka dan ini semua untuk mendedahkan bahaya merokok. Selain daripada itu menaikkan harga rokok kerana Bank Dunia telah pun mengesyorkan supaya harga cukai ke atas rokok itu dinaikkan sehingga mencapai satu paras di mana ia menjadi lebih kurang 2/3 ataupun 4/5 daripada harga rokok itu adalah sebenarnya cukai bagi mengelakkan orang daripada merokok.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa cukuplah *airing issue*, terima kasih, *airing* dengan izin, *airing*.

15. **Datuk Dr Haji Haris bin Haji Salleh** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah benar tuduhan kepimpinan Kesatuan Sekerja bahawa Kerajaan menghalang dan menyekat penubuhan kesatuan sekerja dalam beberapa sektor terutama sektor elektronik. Adakah kerajaan berhasrat mengambil tindakan ke atas pemimpin kesatuan sekerja yang memburukkan nama Malaysia di luar negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan kepimpinan Kesatuan Sekerja bahawa kerajaan menghalang dan menyekat penubuhan kesatuan sekerja dalam beberapa sektor terutama sektor elektronik adalah tidak benar sama sekali. Mereka bebas menubuhkan kesatuan sekerja. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak menggalakkan penubuhan Kesatuan Sekerja Kebangsaan oleh pekerja-pekerja elektronik. Jika mereka ingin berpersatuan, mereka boleh menubuhkan Kesatuan Sekerja Dalaman untuk menjaga kepentingan mereka. Tujuan dasar ini adalah untuk menjaga kepentingan negara dan kepentingan seramai lebih daripada 100,000 pekerja dalam industri elektronik.

Kementerian Sumber Manusia memang sedar bahawa ada sebilangan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang memburuk-burukkan nama baik Malaysia sewaktu berada di luar negara dengan membuat pelbagai *impasse* yang palsu terhadap dasar kerajaan mengenai perkara-perkara perburuhan pada organisasi-organisasi Kesatuan Sekerja Antarabangsa. Kerajaan sentiasa mengawasi situasi ini dan mengkaji kesan-kesan buruk terhadap negara akibat daripada tindak-tanduk mereka itu. Tindakan sewajarnya akan diambil apabila perlu dan bersesuaian dengan kesan-kesan buruk yang dibangkitkan.

Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah syarat-syarat untuk membolehkan sesebuah kesatuan sekerja ditubuhkan dalam mana-mana industri di Malaysia ini?

Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya syarat yang termaktub dalam Akta Kesatuan Sekerja yang dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia adalah amat mudah. Pertama, penubuhan kesatuan perlu mendapat pendaftaran dan ada piagam pelanggan dalam masa 30 hari. Selepas mendapat pendaftaran, kesatuan perlu berunding dengan majikan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya majoriti 50% daripada pekerja yang bekerja dalam organisasi tersebut menyertai kesatuan tersebut.

Proses inilah biasanya mengambil masa yang agak lama yang kadang-kadang pemimpin kesatuan menganggap bahawa proses ini dilihat sebagai proses yang tidak *friendly* bagi penubuhan kesatuan di tempat kerja. Bila sudah dapat representasi majoriti 50% barulah satu lagi agensi iaitu Perhubungan Perusahaan untuk *endorse* kehadiran, maka bolehlah kesatuan sekerja itu berjalan dengan sempurna.

[Soalan No. 16 – Y.B. Puan Wan Ubaidah binti Omar tidak hadir]

17. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pihaknya tidak bercadang untuk meningkatkan mutu kertas yang digunakan untuk mencetak mata wang kertas negara memandangkan meningkatnya kepercayaan bahawa mata wang-mata wang yang didapati daripada bank mempunyai unsur-unsur yang boleh mendatangkan kuman-kuman yang merbahaya dan boleh menjangkiti badan manusia.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, semua wang kertas di Malaysia adalah diperbuat daripada 100% kapas. Kapas digunakan sebagai bahan untuk menghasilkan wang kertas kerana ia tahan lasak dan mesra alam. Pada masa ini lebih daripada 90% wang kertas yang digunakan di seluruh dunia adalah berasaskan kapas.

Mengenai kertas yang digunakan untuk mencetak wang kertas Malaysia, kertas yang digunakan adalah bermutu tinggi yang dibekalkan oleh beberapa pengeluar kertas terbaik di dunia. Dalam meningkatkan kualiti wang kertas dan membolehkan ia tahan lebih lama, banyak negara termasuk Malaysia telah memperkenalkan wang kertas yang disalut dengan *varnish* seperti wang kertas RM1. Malaysia juga kini sedang menimbang penggunaan polimer. Bahan semula jadi polimer yang bersifat tidak berserat atau *non-*

fibrous dan tidak menyerap dengan izin, *non-porous* telah menjadikan wang polimer tahan lebih lama.

Memang tidak dinafikan wang kertas boleh terdedah kepada unsur-unsur yang mendatangkan kuman. Ini mungkin kerana sifat wang kertas itu yang mudah menyerap kelembapan seperti minyak, peluh, minuman dan lain-lain. Setakat ini Bank Negara Malaysia belum menerima sebarang aduan mengenai jangkitan kuman yang berpunca dari penggunaan wang kertas. Malah belum terdapat laporan dari negara-negara lain yang mengalami kes sedemikian. Namun begitu, Bank Negara Malaysia sentiasa memastikan semua wang kertas Malaysia dalam edaran adalah berkualiti tinggi.

Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut bagi memastikan wang kertas yang berada dalam edaran sentiasa berkeadaan baik. Pertamanya telah mengarahkan institusi kewangan supaya mendepositkan semua wang kertas lusuh dan tidak sesuai untuk edaran yang diterima dari orang ramai ke cawangan-cawangan Bank Negara Malaysia untuk dimusnahkan. Institusi tersebut juga diarah supaya memastikan hanya wang kertas yang bersih dan berkeadaan baik sahaja diedarkan semula kepada pelanggan mereka.

Yang keduanya, terus berusaha mempertingkatkan keberkesanan sistem pengedaran wang kertas yang sedia ada bagi memastikan bekalan wang kertas baru dan berkeadaan baik senang diperolehi oleh orang ramai serta proses menarik balik wang kertas lusuh dari edaran dapat dilakukan dengan kadar segera.

Yang ketiganya, mengadakan sesi ceramah, taklimat dan penerangan kepada institusi kewangan dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pengendalian wang tunai bagi memberi kesedaran dan sentiasa prihatin tentang pentingnya memastikan kualiti wang kertas dalam edaran sentiasa baik.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu orang ramai juga boleh membantu menjayakan usaha-usaha yang disebutkan tadi dengan tidak mengedarkan wang kertas yang lusuh sesama mereka. Bank Negara Malaysia akan terus memantau dan mengambil langkah-langkah yang sesuai. Terima kasih.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan mutu dan memastikan mata wang kertas berada dalam keadaan yang baik, bolehkah saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan ciri-ciri keselamatan yang terdapat dalam setiap helai mata wang kertas kita. Saya kira ciri-ciri keselamatan ini penting diketahui oleh orang ramai untuk membolehkan mereka ...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan tambahan itu sudah cukup.

Datuk William Lau Kung Hui: Sudah cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Hujah-hujah sampingan saya rasa Timbalan Menteri sudah faham.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya kena tengok *notes*, duit wang kertas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Benarkan?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak bagi pun, saya benarkan. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Kita boleh tengok, Yang Berhormat semua boleh buka dompet dan tengok duit wang kertas sama ada RM1, RM2, RM10, RM50. Yang Berhormat Datuk....

Tuan Yang di-Pertua: Nor Azah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: ...boleh buka RM100. Saya Timbalan Menteri Kewangan, buka RM50 sahajalah. Jadi, kalau kita lihat yang pertamanya

ialah dengan mata kasar, ini yang senang sekali, bahawa ada beberapa ciri mudah yang kita boleh lihat iaitu *first level detection*.

Pertamanya, potret tanda bayang ataupun *watermark* wang kertas dalam semua dominasi. Kalau dahulu, kita lihat ada gambar harimau, sekarang ini kita lihat ada gambar Yang di-Pertuan Agong dan satu lagi ialah benang keselamatan, *security fiber* di semua dominasi. Jadi, kita lihat ada petak-petak putih di sini. Ini adalah benang yang disulam terus-menerus daripada kapas itu sendiri. Tetapi kalau misalnya ciri keselamatan ini, kalau ada duit wang haram ke ataupun wang tiruan, ia cuma di"color"kan sahaja seperti ini tetapi ia tidak disulamkan terus. Ini yang keduanya.

Yang ketiganya, cetak 'entigilu' di semua dominasi, kesan cetak timbul. Jadi, kalau kita tengok gambar Yang di-Pertuan Agong ini, kalau kita lihat dia timbul ataupun wang ringgit RM50 ini. Kalau wang palsu, dia tidak timbul, tenggelam.

Satu lagi ialah imej bendang, *printed and 'endorsed' anti-copy* ataupun PEAC di semua dominasi. Jadi, kita boleh lihat kalau misalnya ada jalur-jalur macam anyaman ketupat itu, kena cahaya, kita boleh lihat duit RM50 itu ada tandanya di sini.

Akhir sekali ialah jalur optik boleh ubah. Yang ini dominasi RM50 dan RM100, ini jalur optik yang dapat kita lihat. Kalau kita lihat cara ini, saya rasakan dapat kita menentukan bahawa ciri-ciri sekuriti ini ada. Ini yang *first level*. Yang kebanyakannya sampai ke 14 dan 15 ciri-cirinya. Tetapi untuk kita *layman* ini, ciri ini sudah mencukupi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada 14 ciri Yang Berhormat. Nampaknya Timbalan Menteri betul-betul menguasai kewangan. *[Ketawa]*

18. **Puan Lim Kee Moi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan usaha Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan polis melalui penambahan bilangan anggota polis.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan Polis Diraja Malaysia dengan pelbagai cara. Di antaranya adalah dengan menambahkan bilangan anggota-anggota polis dan melengkapkan pasukan polis dengan kelengkapan-kelengkapan yang sesuai dengan tugas dan tanggungjawab pasukan.

Dari segi penambahan bilangan anggota-anggota polis demi meningkatkan perkhidmatan polis, kerajaan telah meluluskan permohonan PDRM bagi pengisian kekosongan jawatan tahun 2003 sebanyak 4,950 jawatan. Daripada jumlah tersebut, 50 jawatan adalah bagi jawatan Kadet ASP, 400 jawatan bagi jawatan Inspektor dan 4,500 jawatan bagi jawatan Konstabel. Kekosongan jawatan tersebut telah dapat diisi dengan pengambilan seramai 50 orang Kadet ASP, 389 orang Inspektor dan 3,992 orang Konstabel.

Di samping itu juga, PDRM telah membuat permohonan untuk menambah seramai 23,470 orang anggota. Daripada jumlah tersebut, untuk permulaan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan sejumlah 511 jawatan untuk Unit Udara Polis dan 2,456 jawatan untuk Pasukan Simpanan Persekutuan Polis. Seterusnya keutamaan penambahan jawatan anggota akan ditumpukan kepada Jabatan Siasatan Jenayah dan Jabatan Trafik yang terlibat terus dalam pembanterasannya jenayah dan kawalan kesesakan dan juga keselamatan trafik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa bagi pertanyaan jawab lisan tamat, Yang Berhormat.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.05 pagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2003 Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[19 November 2003]**

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Dato' Dr. Chin Fook Weng menyambung ucapan.

11.07 pagi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa saya membahaskan pindaan kepada Akta 574 itu, saya telah menyatakan bahawa hukuman-hukuman yang dicadangkan untuk pengganas itu tidak setimpal dengan beratnya kesalahan dan saya telah memberi beberapa perbandingan.

Satu lagi perbandingan ialah dalam Fasal 8 iaitu satu Seksyen baru 374A dan ini telah menyatakan bahawa menjadikan perbuatan pengambilan tebusan untuk memaksa Kerajaan Malaysia atau kerajaan mana-mana negeri, mana-mana pertubuhan antarabangsa atau mana-mana orang atau kumpulan yang lain sebagai syarat nyata atau tersirat bagi melepaskan tebusan itu dan hukuman yang dicadangkan hanya 7 tahun sehingga 30 tahun.

Bagi saya, apabila seseorang itu menjadi tebusan, maka nyawa terancam kerana bila-bila masa dia boleh dibunuh oleh pihak ini dan kalau kita melihat baru-baru ini, apabila tebusan itu diambil dari Sabah, maka kita diberitahu bahawa mungkin semuanya telah terbunuh akibat daripada aktiviti ini. Kalau itu berlaku, memang tidak adil bagi pihak ini supaya mereka yang melakukan ini hanya dikenakan hukuman setahun tetapi nyawa tebusan itu pada setiap masa terancam. Adakah kita melakukan keadilan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi sedikit pendapat tentang Fasal 4 iaitu satu pindaan kepada Seksyen 94 dan di sini ada dinyatakan seseorang tidak boleh menggunakan alasan ia terpaksa melakukan keganasan kerana di bawah ancaman mati serta-merta, iaitu seseorang itu tidak boleh menggunakan alasan ini untuk membela diri. Pada saya ini adalah satu pindaan yang sangat baik dan harus disokong, tetapi saya dapati pindaan ini tidak menyatakan kalau ia memberi alasan keluarganya terancam kalau tidak mengikuti arahan untuk membuat keganasan itu. Macam mana kalau dia menggunakan alasan keluarga yang disayanginya itu terancam kalau dia berbuat demikian?

Sekarang dikatakan dia tidak boleh gunakan alasan diri sendiri terancam kalau tidak mengikuti arahan kumpulan penganas itu tetapi dalam banyak situasi, nyawa keluarga juga penting. Kalau anaknya terancam, kalau isterinya atau suaminya terancam, adakah ini boleh digunakan sebagai satu alasan untuk membela diri? Tuan Yang di-Pertua, ini tidak diperuntukkan dalam Seksyen 94 ini. Jadi saya ingin tahu kenapa ini tertinggal? Dan kalau seseorang itu menggunakan alasan ini, bolehkah dia diberi satu hukuman yang lebih ringan ataupun dilepaskan daripada tuduhan kerana ancaman kepada keluarganya?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ramai lagi rakan saya ingin berbahas, dan sungguhpun saya tidak 100% berpuas hati dengan cadangan-cadangan ini memandangkan kita ada jalan yang lebih tegas untuk mengatasi masalah ini, sungguhpun demikian, bagi saya pilihan yang kedua ialah menyokong rang undang-undang ini dan saya berbuat demikian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Safinah binti Jusoh.

11.13 pagi.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya mahu sentuh, pertamanya ialah berhubung Fasal 5 bab baru 6(A) iaitu kesalahan yang berkaitan dengan keganasan. Satu keistimewaan sejagat manusia ialah memiliki limpahan belas kasihan dan kasih sayang sesama manusia, apatah lagi yang satu pihak itu berada dalam keadaan yang begitu malang, *unfortunate*. Jadi sifat ini menolong memberi apa-apa bantuan yang terdaya demi memberi keselesaan kepada yang malang itu berkobar-kobar di dalam hati.

Tuan Yang di-Pertua, melihat sepintas lalu peruntukan yang tertera dalam bab baru ini iaitu seseorang yang mempunyai hati baik, saya nampak harus berhati-hati dalam tindak tanduknya. Kita pernah dengar cakap-cakap orang ramai di mana jika ada kemalangan di jalan raya contohnya a *Good Samaritan* - dengan izin - jangan terburu-buru hendak tolong mereka yang telantar ataupun baring di atas jalan raya. Lihat dulu apakah ada kecederaan berdarah, luka atau tidak. Sebab apakah berlaku demikian ini?

Ini disebabkan oleh prasangka bahawa mangsa kemalangan itu mungkin mengidap AIDS atau pembawa kuman HIV yang sangat digeruni. Adalah dibimbangkan sesiapa yang ada konteks secara fizikal dengan mangsa dalam keadaan sedemikian, mudah dijangkiti virus AIDS ataupun HIV. Maka mahu tidak mahu dikatakan hendaklah kita menunggu polis datang membuat apa yang perlu kepada mangsa itu. Jika keadaan ini berterusan, saya nampak di suatu masa nanti orang ramai akan bersikap acuh tidak acuh iaitu buat tidak endah dengan apa-apa musibah ataupun mala petaka yang berlaku di sekeliling mereka. Di manakah nanti akan wujudnya masyarakat kita di Malaysia ini yang prihatin, *caring* dan mesra?

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak orang ramai kita merasakan agak susah hendak mengenali ataupun hendak mengesyaki bahawa seseorang itu adalah penganas. Pada zaman komunis dahulu kita mengenali penganas kerana mereka datang ke kampung dengan membawa senapang dan sebagainya dan gambaran ini saya baca dalam novel-novel dan juga cerita-cerita sebab masa itu saya pun mungkin pada tahun itu kita kecil lagi dan sebagainya. Kita tidak tahu bagaimana keadaan komunis ketika itu dan apatah lagi kalau di negeri Terengganu sendiri memanglah komunis ini tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 iaitu Seksyen baru 130(K) iaitu menjadi suatu kesalahan perbuatan melindungi pengganas. Sehubungan dengan itu saya merasa bimbang dengan nasib anggota-anggota masyarakat kita yang murni hati, *innocent*, tidak tahu-menahu, tidak semena-mena menjadi pesalah kerana memberi tumpangan ataupun perlindungan kepada seseorang yang dikatakan pengganas walhal yang memberi perlindungan itu tidak mengenali orang yang datang itu pengganas ataupun tidak.

Pada pendapat saya, tidak begitu mudah bagi sesiapa hendak mengenali seseorang yang datang, yang *approach* kita itu mempunyai rekod pengganas atau rupa seorang pengganas. Walaupun dalam akta ini ada diberi takrif pengganas iaitu dengan izin,

- (a) *a terrorist means any person who commits or attempts to commit any terrorist act; or*
- (b) *participates in or facilitates the commission of any terrorist act.*

Tetapi saya merasakan tidaklah seseorang pengganas itu sentiasa dalam aksi *terrorizing*, dalam aksi mengganas ketika dia datang ke suatu tempat. Apakah sepatutnya yang dilakukan ketika dia berada dalam keadaan biasa iaitu tiada menunjukkan sebarang aksi ke arah keganasan? Apakah ini dikira salah bagi sesiapa untuk berinteraksi dengan orang yang disyaki pengganas?

Jadi itulah yang saya mahu timbulkan bagi yang pertama. Yang keduanya ialah berhubung dengan Fasal 9 iaitu tentang hukuman yang lebih berat bagi rogol muhrim. Jadi di sini iaitu berhubung dengan sebat. Bagi saya sebat ini sebaik-baiknya hendaklah dibuat di khalayak ramai sebab kita tahu bahawa hukuman sebenarnya adalah bersifat memberi malu dan juga pengajaran kepada yang dihukumkan itu, bukan kita menghukumkannya atas dasar kemarahan kita. Atas dasar kita marah, kita sebat dia sebagaimana yang saya tengok dalam satu demonstrasi yang dibuat oleh PGA atas patung, bagaimana maknanya punggung yang disabit itu sampai berdarah kerana disebat dengan kuat. Jadi kita mengharapkan kalau ada, kalau hendak dilaksanakan hukuman sebat ini hendaklah dibuat atas dasar memberi pengajaran dan juga memberi malu kepada yang bersalah itu. Jadi sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae.

11.19 pagi.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama dapat membahaskan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, negara kita pada masa ini merupakan antara negara yang mempunyai kadar jenayah yang rendah iaitu 783 kes itu 100,000 orang penduduk.

Ini disebabkan usaha secara berterusan dan konsisten oleh pihak berkuasa, terutamanya pihak Polis Diraja Malaysia ataupun singkatnya Polis Diraja Malaysia, dalam membanteras segala kegiatan jenayah di negeri ini. Sepanjang tahun lalu, PDRM telah berjaya menyelesaikan hampir separuh daripada jumlah keseluruhan bilangan kes yang dilaporkan kepada mereka, iaitu sebanyak 49.73% daripada 178,972 kes. Peratusan ini melebihi 20 peratus daripada sasaran yang telah ditetapkan oleh Interpol. Keadaan sedemikian cukup membanggakan kita kerana sebagai rakyat yang mempunyai pasukan keselamatan yang berwibawa dan berkualiti, kita bukan sahaja mendapat pengiktirafan malah kita sendiri amat selesa untuk hidup secara aman dan tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tetap berbangga dengan pencapaian tersebut tetapi seharusnya kita tidak boleh memandang remeh terhadap permasalahan jenayah ini. Ini kerana meskipun kita mempunyai rekod jenayah yang rendah tetapi masih ada juga kes-kes serius yang berlaku hampir setiap hari kalau kita baca, seperti mana yang dilaporkan di akhbar-akhbar tempatan. Kes-kes serius yang dimaksudkan di sini antaranya ialah, pembunuhan, rogol, samun, rompak dan dadah. Kesemua kes ini tidak pernah sepi daripada dilaporkan di akhbar-akhbar kita.

Dalam hal ini, kita sebagai rakyat haruslah memberikan sokongan padu terhadap apa jua tindakan atau inisiatif yang diambil oleh pihak berkuasa dalam membanteras jenayah-jenayah tersebut daripada terus berleluasa. Kita tidak boleh membiarkan pihak berkuasa bersendirian menjalankan tanggungjawab kerana tanpa kerjasama daripada orang ramai sudah tentu akan lebih merumitkan pihak berkuasa dalam melicinkan perjalanan setiap operasi yang telah mereka rancang. Oleh itu kita juga harus menyokong setiap langkah kerajaan demi untuk memastikan keselamatan setiap penduduk yang mendiami negara ini sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara tersebut, saya ingin merujuk kepada pindaan yang dibuat ke atas Fasal 6, 7, 10 dan 11 iaitu berkenaan dengan menaikkan tempoh maksimum pemenjaraan daripada 20 tahun kepada 30 tahun bagi kesalahan membunuh tanpa niat, menculik seseorang untuk membunuhnya, rompak berkumpulan yang melibatkan berlakunya pembunuhan dan pecah rumah yang mengakibatkan kematian.

Pada pendapat saya, memang wajar ia dilaksanakan. Cuma persoalan saya yang ingin saya timbulkan di sini ialah adakah pengisian yang dibuat oleh pihak berkuasa penjara kepada pesalah-pesalah selama tempoh tahanan tersebut, iaitu selama 10 hingga 20 tahun mereka ditahan? Bentuk pengisian ini amat penting untuk memastikan agar para pesalah yang selama menjalani hukuman tersebut, akan benar-benar merasa insaf dan tidak berkecenderungan untuk kembali kepada kegiatan yang lalu.

Selain itu, saya turut memohon penjelasan berkenaan dengan pesalah-pesalah yang dikenakan hukuman penjara maksimum 30 tahun ini? Adakah kelonggaran akan diberikan terhadap pesalah-pesalah yang menunjukkan perubahan sikap yang baik sepanjang tempoh tahanan, iaitu dari segi pengurangan tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya juga ingin menyentuh Fasal 8 iaitu memasukkan seksyen baru, Seksyen 374A dalam Akta 574, iaitu berkenaan dengan kesalahan perbuatan pengambilan tebusan. Seperti yang kita ketahui, pada masa ini sudah banyak kes tebusan yang disebar luas dalam akhbar-akhbar, terutamanya di negeri Sabah. Ini kemungkinan disebabkan negeri Sabah berada berhampiran dengan beberapa kepulauan kecil negara-negara jiran, yang memudahkan berbagai-bagai aktiviti yang tidak sihat dilakukan.

Kita sebenarnya belum lagi lupa tentang tragedi tebusan di Pulau Sipadan dan Pulau Padanan, yang mana kes ini terpaksa memakan masa yang agak lama untuk diselesaikan. Ia melibatkan masa, tenaga dan wang ringgit yang begitu banyak. Yang terbaru sekarang ialah kes penculikan warga asing di Borneo Paradise, Lahad Datu. Apa yang kita nampak di sini adalah, walaupun kes-kes tersebut pernah berlaku dan kita sudah meningkatkan kawalan keselamatan sejak ia berlaku, namun para penculik ini masih juga berjaya membuat penculikan. Soalan saya, sejauh manakah keberkesanan tambahan anggota keselamatan di Sabah?

Berdasarkan kepada senario ini, saya menyokong penuh tindakan kerajaan mewujudkan seksyen baru di bawah Fasal 8 akta ini, khusus kepada kes-kes yang berkaitan dengan tebusan. Tindakan sebegini sebenarnya lebih kepada usaha awal ke arah mengetatkan lagi kawalan keselamatan di kawasan yang sering kali menjadi tumpuan para penculik untuk melakukan aktiviti-aktiviti mereka dengan mudah. Namun, seperti juga dengan kes-kes yang pernah berlaku sebelum ini, kita mengharapkan agar pewujudan seksyen baru ini bukan hanya sekadar menyediakan hukuman kepada kesalahan yang telah dilakukan tetapi apa yang lebih penting adalah ia juga berkesan untuk memastikan tindakan ini lebih menjurus kepada usaha mencegah kerana ada pepatah yang menyatakan bahawa mencegah adalah lebih baik daripada mengubatinya.

Seperti mana yang telah disampaikan dalam hujah Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, saya juga bersetuju. Dalam Fasal 8 ini, hukuman yang diberi adalah di antara tujuh hingga 30 tahun. Kalaupun mahkamah menjatuhkan hukuman tujuh tahun sahaja, saya rasa amat malang. Kalau boleh ditambahlah hukuman ini kerana ia tidak setimpal dengan apa yang telah dibuat oleh penculik-penculik ini, sebab biasanya apabila seseorang itu diculik, ia berakhir dengan pembunuhan. Jadi, nyawa seseorang itu tidak ada nilainya.

Kalau boleh biarlah kita bermula daripada 20 tahun ke 30 tahun. Jadi, paling rendah pun dia dihukum 20 tahun bukan tujuh tahun..

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, apa yang menjadi persoalan terhadap seksyen baru ini ialah sekiranya kumpulan penculik tersebut merupakan warganegara asing, adakah mereka ini akan diambil tindakan berdasarkan kepada akta ini ataupun berdasarkan kepada undang-undang negara asal mereka. Ini perlu dipastikan agar tidak ada berlaku perselisihan faham ataupun pertelingkahan di kalangan negara yang terbabit berhubung dengan siapa yang akan menghukum pesalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan satu lagi seksyen baru yang dimasukkan dalam akta ini. Saya sememangnya menyokong penuh agar ia menjadi salah satu perhatian serius dalam akta ini. Ini kerana sejak kebelakangan ini hampir setiap hari kita disajikan dengan laporan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti keganasan tersebut. Walaupun sebenarnya aktiviti keganasan ini telah bermula sudah agak lama tetapi perhatian semakin ditumpukan kepada perkara ini selepas peristiwa 11 September berlaku. Atas sebab itu barulah semua negara, terutamanya negara-negara kuasa besar, ingin bertindak ke atas aktiviti pengganas di seluruh dunia.

Oleh yang demikian, usaha yang dilakukan ini dengan mewujudkan seksyen baru kepada aktiviti keganasan, adalah sangat bertepatan. Tambahan pula, negara kita juga sekarang ini turut didedahkan dengan aktiviti-aktiviti pengganas seperti yang telah ditunjukkan oleh beberapa pertubuhan yang bergerak secara haram seperti Al-Maunah, KMM, Gerakan Al-Qaeda dan Jemaah Islamiyah dan lain-lain lagi. Pergerakan-pergerakan ini bergerak mengikut seperti mana juga pergerakan-pergerakan di luar yang secara terang-terang menentang kerajaan.

Ini lah yang cuba mereka praktik di negara ini sebagai persediaan untuk menggulingkan kerajaan. Namun atas tindakan pihak pasukan keselamatan dalam mengawal keadaan, ternyata negara kita masih mampu berada dalam suasana yang aman dan tenteram hinggalah ke hari ini. Justeru itu, atas kesempatan ini, saya ingin merayu agar seluruh rakyat Malaysia berganding bahu menyokong penuh apa jua tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam membanteras serta menghalang daripada berlakunya aktiviti keganasan di negara ini. Sekiranya ini berlaku, nescaya tidak akan ada satu pun anasir-anasir dari luar yang mampu menggugat kestabilan dalam negara kita.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh Fasal 9 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 376, Akta 574 untuk memperuntukkan hukuman yang lebih berat bagi rogol muhrim.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan akta ini kerana kejadian seperti ini menggugat maruah keluarga. Ia juga menggugat maruah agama kita, membawa kesan yang begitu negatif sepanjang hayat anak yang dirogol dan keluarga yang terlibat serta menjejaskan masa depan anak tersebut. Berlakunya perkara seperti ini, menghilangkan keyakinan ibu untuk meninggalkan anak kepada orang yang diharap sebagai pelindung utama kepada anaknya tetapi malang, *"harap pada pagar, pagar pula makan padi"*.

Maka, hukuman yang lebih berat amat dipersetujui. Ada yang berpendapat, bahawa tidak perlulah dibuat sebatan kepada pelaku-pelaku ini kerana ramai pelaku ini adalah orang tua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini, saya tidak percaya dia tua kerana waktu dia melakukan perkara itu, dia tidak sedar yang dia tua. Jadi, apabila dia melakukan, bersedialah untuk menerima risikonya.

Saya, sebagai seorang wanita ingin mencadangkan supaya sebatan dikenakan di antara perkara dalam meningkatkan hukuman ataupun hukuman yang lebih berat yang akan dikenakan ini akan mengenakan sebatan, kerana saya rasa ini penting untuk menjadi satu contoh supaya tidak berlakunya perkara-perkara yang memalukan agama kita, memalukan keluarga kita, maruah keluarga dan anak yang terlibat. Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi.

11.34 pagi.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan. Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada pengalaman Malaysia, cara pencegahan keganasan yang efektif adalah menangani faktor-faktor yang menyebabkan perbuatan keganasan itu. Pengalaman ini selalunya disuarakan oleh bekas Perdana Menteri kita, Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, bagi perbuatan keganasan dan juga bagi tujuan melakukan keganasan itu, kebelakangan ini seperti aktiviti-aktiviti KMN, JI, apakah sebab-sebabnya. Adakah faktor-faktor yang menyebabkan kelakuan ini ditangani sekarang di Malaysia? Apakah langkah-langkah kerajaan yang akan diambil untuk menghapuskan faktor-faktor ini?

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu keganasan tidak seharusnya berkait dengan sesuatu agama atau ras. Perbuatan keganasan itulah patut dituduh dan dihukum. Dengan ini, bila ada ahlinya sesuatu organisasi, sesuatu parti dipastikan terlibat dalam perbuatan keganasan, sesuatu organisasi atau parti pasti dikaji serta menuduh dengan kekuatan secara umum perbuatan keganasan ini. Dengan ini, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan K. R. A. Naidu.

Tuan K. R. A. Naidu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan satu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan yang dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan meminda Kanun Keseksaan Akta 574. Pindaan Seksyen 4 Akta 574 dalam Fasal 2 bertujuan untuk meluaskan skop pemakaian akta ini kepada kesalahan luar wilayah ataupun Extra Territorial Offences dengan izin di bawah bab baru VIA, dan juga untuk menambah alasan tambahan bagi melaksanakan Extra Territorial Criminal Jurisdiction dengan izin. Saya berpendapat bahawa, dalam era liberalisasi dan globalisasi dunia ini, pemindaan ini adalah amat tepat dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan Fasal 3 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 57 Akta 574 untuk memperuntukkan tentang pengiraan tempoh pemenjaraan seumur hidup atau *life imprisonment* dengan izin, dikira sebagai 30 tahun, sejajar dengan tempoh maksimum pemenjaraan bagi kesalahan di bawah pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 304, 364, 376, 396 dan 460 dalam akta ini. Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 94 akta ini. Pemindaan ini tidak memberi ruang untuk apa jua alasan sekiranya seseorang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini.

Saya berpendapat bahawa, ada baik dan buruknya di sini. Baiknya ialah kesalahan dianggap kesalahan walaupun kesalahan itu disebabkan ancaman mati serta-merta. Buruknya ialah bagaimana jika didapati seseorang melakukan kesalahan semata-mata untuk menyelamatkan isteri dan anaknya. Walau bagaimanapun, saya percaya dalam pelaksanaan undang-undang ini, kerajaan akan patuh kepada *universal declaration of human rights* dan juga *international governance of civil and political rights* dengan izin.

Saya juga percaya bahawa pindaan ini digunakan dengan penuh tanggungjawab semata-mata untuk kepentingan keselamatan negara dan rakyat dan tidak akan disalahgunakan oleh kerajaan pada masa sekarang ataupun pada masa hadapan, hanya kerana philosophy politik yang berlainan.

Memandangkan rakan-rakan saya sudah berhujah tentang pelbagai isu dalam pindaan ini, saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan satu soalan. Adakah pindaan ini menunjukkan negara kita tiada undang-undang yang sesuai selama ini untuk menangani masalah ini selama ini. Apakah tujuan membentangkan pindaan ini sekarang? Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan hanya menyoal beberapa perkara sahaja. Saya turut

sama menyokong pindaan-pindaan yang dibuat pada Kanun Keseksaan ini dan pertanyaan saya berkenaan dengan bab baru VIA iaitu pertamanya, berkenaan dengan Seksyen 130G yang berbunyi:

“whotever knowingly –

(a) incites or promotes the commission of terrorist Act;

shall be punished with imprisonment for a term which may extend to 30 years and shall also be liable to fine, dengan izin.”

Saya ingin tahu, bagaimanakah cara-cara pembuktian bagi kes-kes di mana berlakunya perjumpaan-perjumpaan yang dibuat melalui ceramah-ceramah agama. Penglibatan melalui ceramah-ceramah agama seperti usrah dan sebagainya. Mungkin di sini banyak berlaku di dalam negara kita ini, cara-caranya terlibat dengan terrorist act ini ialah melalui program-program seperti ini. Jadi susah untuk pembuktiannya. Jadi, saya ingin tahu daripada pihak yang berkenaan bagaimana cara pembuktian dalam hal-hal seperti ini. Mudah kita membuat undang-undang tetapi mungkin nanti untuk membuktikannya, penglibatan mereka ini agak susah.

Yang keduanya, saya juga ingin tahu tentang Seksyen 130O Satu yang berbunyi, dengan izin, *“Whoever directly or indirectly, provides or makes available financial services of facilities.*

Dan seterusnya apa yang ingin saya tahu ialah adakah ini akan melibatkan kes-kes *delivery* wang melalui konsep pengurup wang? Adakah ini melibatkan penyampaian kewangan atau *funding* melalui sistem pengurup wang iaitu *money changers*. Sebab ini mungkin berlaku satu cara yang bukannya mudah untuk pihak *authorities* untuk mendapatkan maklumat atau mendapatkan pembuktian.

Saya juga ingin menyoal tentang *Hostage-taking*, iaitu Seksyen baru 374A yang saya alu-alukan kerana banyak terlibat seperti kata Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani tadi *Hostage-taking* ini di negeri kami, di negeri Sabah. Apa yang ingin saya tahu di sini adakah negara kita mempunyai perjanjian ekstradisi dengan negara-negara jiran kerana seperti mana yang kita tahu kebanyakan penjenayah yang melakukan *hostage-taking* ini adalah datang daripada negara-negara jiran kita dan selepas melakukan jenayah itu mereka melarikan diri ke negara jiran dan di situlah mereka akan terus berada.

Jadi untuk memastikan Seksyen 374A ini berkesan, untuk mendapatkan mereka dan menghukum penjenayah-penjenayah ini perlu adanya perjanjian ekstradisi di antara kita dengan negara-negara jiran barulah kita dapat membawa balik penjenayah yang melakukan perbuatan yang mencemar nama baik negara kita.

Akhir sekali saya ingin bertanya juga seperti Datuk Dayang saya juga mengalu-alukan pindaan baru untuk menambah hukuman ke atas rogol dan sumbang mahram ini seterusnya menyebabkan kematian. Cuma saya ingin tanya di sini kepada pihak yang berkenaan, adakah kita akan membuat pindaan untuk memastikan mereka yang berumur 50 tahun ke atas boleh dikenakan hukuman sebat ini kerana perkara ini belum lagi dilakukan jadi kerana bagi mereka yang melakukan banyak juga yang sudah berumur lebih daripada 50 tahun jadi kita minta supaya undang-undang ini dipinda dan juga kanun ini dipinda untuk memastikan mereka yang berumur lebih 50 tahun boleh dikenakan hukuman sebat. Terima kasih dan saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk William Lau.

11.43 pagi.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda kanun keseksaan. Tuan Yang di-Pertua, komen saya pertama ialah bahawa rang undang-undang ini memang tepat dan kena pada masanya.

Rang undang-undang ini bukanlah merupakan satu benda yang baru di kalangan masyarakat antarabangsa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *many countries have already introduce into their Penal Code specific criminal offence of conspiracy for the purposes of*

combating international terrorism so that they can prosecute all those to promote, establish, organise direct of finance group conspiring to commit acts of terrorist violence. Begitulah juga negara-negara ahli Bangsa-Bangsa Bersatu telah....

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat menggunakan perkataan bahasa Inggeris, saya mohon penjelasan sedikit adakah dalam kata-kata itu bermaksud banyak negara sudah memperkenalkan undang-undang yang serupa melalui *Penal Code* masing-masing. Adakah itu Yang Berhormat katakan?

Datuk William Lau Kung Hui: Yes, yes.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan melalui satu akta yang lain? Banyak negara buat macam kita, adakah itu Yang Berhormat maksudkan?

Datuk William Lau Kung Hui: Itulah maksud saya, saya anggap..

Tuan Yang di-Pertua: Sebab saya cuba hendak faham rasionalnya kerajaan memperkenalkan perkara ini melalui pindaan kepada *Penal Code*? Terima kasih.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga negara-negara ahli Bangsa-Bangsa Bersatu telah diminta supaya memperkenalkan undang-undang yang seumpamanya bagi tujuan untuk menahan, menghantar pulang, berbicara dan hukuman kepada pengganas yang bergerak di serata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat untuk menangani dengan jaya kempen memerangi keganasan dan besar kemungkinan yang akan diterima oleh masyarakat kita, kerajaan harus mengkaji semua aspek keganasan yang berlaku. Pertamanya kerajaan hendaklah mendapatkan suatu persefahaman ini di peringkat antarabangsa, apakah definisi perbuatan keganasan yang sebenarnya, setakat yang saya ketahui buat masa ini masyarakat antarabangsa belum lagi mencapai suatu persefahaman bersama tentang definisi keganasan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *without a consensus one man terrorist will remain another man freedoms fighter.* Yang sepenuhnya tidak ada keganasan baik atau keganasan buruk dan juga tidak boleh berlaku *double standard*.

Sehingga kita mencapai satu persetujuan tentang definisi keganasan masyarakat dunia tidak mungkin berjaya menghapuskan keganasan. Dalam hubungan ini memandangkan Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad yang baru sahaja bersara dari politik, saya mencadangkan beliau dilantik oleh masyarakat antarabangsa untuk menerajui satu kumpulan pakar untuk menentukan apakah sebenarnya yang dikatakan keganasan di kaca mata antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa cadangan yang dibuat di bawah rang undang-undang ini adalah ke arah mempertingkatkan tindakan membanteras keganasan. Tuan Yang di-Pertua, saya faham mengapa timbul kekhawatiran dan saya rasa cemas di kalangan masyarakat khususnya para peguam dan akauntan dikatakan memberi perkhidmatan atau menjadi ejen kepada pengganas di bawah Seksyen 130 di bawah Fasal 5 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua tentang kekhawatiran dan rasa cemas di kalangan masyarakat, saya pernah berkata bahawa jika seseorang ini tidak melanggar undang-undang dia tidak sebenarnya merasa takut. Hanya orang yang melanggar undang-undang sahaja yang sentiasa berada dalam ketakutan. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi rasa takut di kalangan orang ramai, saya cadangkan pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah memberi jaminan dari semasa ke semasa bahawa kerajaan tidak akan menguatkuasakan undang-undang sembarangan dan tidak sekali-kali akan menggunakannya untuk tujuan kerajaan seharusnya prihatin terhadap kebebasan individu sejauh mana dia tidak menjejaskan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya kerajaan juga harus terbuka dengan pelbagai kritikan yang membina namun begitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *all matters dealing with terrorism it is always not in the national interest to make arranging move and strategy open for public scrutiny.* Oleh itu peranan parti-parti pembangkang dalam hubungan ini adalah juga....

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi sebab Yang Berhormat gunakan ungkapan-ungkapan Inggeris, saya memerlukan sedikit penjelasan. Tidakkah ini menampakkan keprihatinan kerajaan terhadap *the rule of law* di negara kita ini sehingga berhadapan dengan keadaan yang begitu mencabar pun, masih berhati-hati hanya memperundangkannya melalui pindaan dalam Kanun Keseksaan atau *Penal Code*?

Datuk William Lau Kung Hui: Dalam hubungan ini, saya meminta kerajaan haruslah membuat sesuatu yang seimbang dalam *protecting* hak-hak individu dan hak-hak negara kita di mana *balance* akan dicapai.

Saya memuji kerajaan dari semasa ke semasa mesti memberi jaminan bahawa kerajaan akan menjalankan tugasnya untuk menegakkan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Padahal dalam Perlembagaan Negara sendiri Bahagian Sebelas mempunyai kuasa khas menentang perbuatan subversif keganasan terancang dan seterusnya.

Datuk William Lau Kung Hui: Ya, saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, ini memang ada dalam Perlembagaan, tetapi semasa menjalankan seksyen-seksyen dalam Perlembagaan, standard ada berbeza kadangkala, *that is*, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya cadangkan kerajaan atau kementerian yang berkenaan haruslah membuat satu *balance* seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuma cuba meningkatkan kualiti perbahasan.

Datuk William Lau Kung Hui: *Yes, that is good*, saya memang bersetuju, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi seperti dalam hal-hal lain, pendidikan merupakan satu elemen yang penting untuk menentang jenayah.

Sehubungan dengan ini, saya berseru diadakan kempen melalui media massa mendidik masyarakat, murid-murid sekolah dan para belia dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, bagaimana kita harus melawan dan mengelakkan penjenayah ini, orang ramai sangatlah perlu diberitahu dan dijelaskan siapa sebenarnya pengganas dan mengapa kita tentang mereka habis-habisan. Di samping itu, kerajaan tidak patut lupa bahawa kegiatan menentang pengganas ada hubung kaitnya dengan kemiskinan, hak asasi dan perasaan cintakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini untuk dilaksanakan demi kebaikan negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Mohamad Taha, selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

11.53 pagi.

Dato Mohamad Taha Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Secara ringkas sahaja kerana kita diberitahu bahawa kita terpaksa tangguh pada jam 1.00 tengah hari.

Saya juga seperti rakan-rakan lain ingin memberi sokongan kepada rang undang-undang ini kerana selepas 11 September, apa yang kita hadapi sekarang ialah bukan keadaan yang menentu, dengan izin, *the whole world is in a state of flux* selepas September 11.

Apa yang kita hadapi sekarang ialah *international terrorism*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ulangi sekali lagi.

Dato Mohamad Taha Ariffin: *International* - antarabangsa, pengganas-pengganas antarabangsa, *faceless*, tidak ada muka. Mereka ini boleh didapati

Tuan Yang di-Pertua: Dalam ungkapan Inggeris sebelum itu, adakah ianya sama maksud dengan insiden 11 September telah menyebabkan *the remaking of world order in unjust waste*?

Dato Mohamad Taha Ariffin: Pada hakikatnya begitulah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato Mohamad Taha Ariffin: Kerana sebelum itu memang ada kes-kes keganasan. Kes-kes keganasan bukan perkara baru dalam dunia ini, tetapi apa yang saya dapati sekarang ialah satu dimensi baru kepada apa yang kita namakan tadi *international terrorism*.

Kita sekarang bukan berhadapan dengan *conventional warfare*, secara lama tetapi secara baru, jadi langkah di Malaysia untuk meluluskan rang undang-undang ini sejajar dengan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga konvensyen antarabangsa bagi penumpasan pembiayaan keganasan patutlah kita sanjungi.

Sebagai sebuah negara yang menjadi ahli PBB atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, langkah-langkah ini seperti kata Yang Berhormat Datuk William tadi, adalah langkah-langkah yang telah diambil oleh beberapa negara, saya tidak ada statistik berapakah negara-negara yang sudah meratifikasi untuk mengesahkan rang undang-undang ini, maka kita juga harus menjadi sebuah daripada negara-negara yang membantu usaha-usaha antarabangsa dalam membanteras keganasan antarabangsa.

Mungkin ada yang berkata, Tuan Yang di-Pertua, bahawa undang-undang ini *draconian*, dengan izin. Bagi saya ini bukan *draconian*, kerana lebih baik kita mengambil tindakan daripada kita menghadapi masalah-masalah selepas kejadian itu berlaku, *in other words*, dengan izin, *prevention is better than cure*.

Dahulu Malaysia telah dikecam oleh kerana kita mempunyai undang-undang seperti ISA, seolah-olah kita tidak tahu tentang keluhuran undang-undang atau *the rule of law*. Sekarang ini undang-undang serupa ISA telah pun diluluskan juga oleh negara-negara yang kononnya bertamadun seperti United States of America. Semalam Tuan Yang di-Pertua, kita dengar bahawa di *Buckingham Palace* pun ada kes di mana seorang *journalist* atau wartawan telah dapat masuk ke dalam *Buckingham Palace* walaupun keadaan *security* di sana kononnya adalah antara yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini dengan adanya undang-undang ini, kita memastikan bahawa keselamatan negara kita tidak boleh dikompromi sama sekali kerana ia akan membawa *consequences* ataupun kesan-kesan yang tidak akan memanfaatkan kita. Kita dengar bahawa di antara sebab-sebab *international terrorism*, dengan izin, ini sekali lagi berlaku ialah oleh kerana faktor-faktor seperti isu Palestine, isu tidak keadilan, *inequitable distribution of wealth*, dengan izin.

Jadi, inilah keadaan realitinya, keadaan yang sebenarnya. Andai kata kita tidak mempunyai undang-undang yang dapat membolehkan kita mengambil tindakan yang sewajarnya dan digunakan dengan keadilan, dengan cara yang adil, maka rasa saya kita tidak akan dapat lari daripada hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara di antaranya ialah *hostage taking* ataupun, Fasal 374A, ini sejajar dengan *International Convention Against Taking of Hostages*.

Bagi saya dalam hal ini kita sudah dua tiga kali dalam ingatan saya, kes-kes seperti ini telah berlaku, malangnya berlaku di negara kita. Andai kata hukuman yang tidak setimpal, hukuman yang tidak seberatnya diberikan kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti ini, maka kita akan tidak menjalankan tugas kita dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi telah berkata bahawa *hostage* ini nyawa-nyawa mereka adalah sepenuhnya tergugat, terjejas. Dalam konteks ini, hukuman yang seberat-beratnya haruslah kita berikan kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti yang tidak senonoh ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli telah menyebut tentang kerisauan mereka atau kesangsian mereka dengan apa yang dinamakan *services* ataupun kemudahan. Dalam konteks kemudahan kewangan - Seksyen baru 130N, dalam konteks ini saya bercadang supaya kita mengambil perhatian yang amat kuat kerana dalam sistem perbankan dunia sekarang di mana *transfer of funds*, dengan izin, boleh berlaku dengan sekelip mata, mungkin ini akan menjadi satu perkara yang harus diambil kira, harus diambil perhatian dengan teliti, *banking facilities* atau kemudahan-kemudahan perbankan, *freezing of accounts*, oleh kerana aktiviti ini bukan mudah kita mengesankannya. Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh saya memohon laluan?

Ahli-ahli Yang Berhormat, bersandarkan Peraturan Mesyuarat 6(3), saya meminta Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar membantu saya untuk terus mempengerusikan majlis mesyuarat. Terima kasih. Dijemput Yang Berhormat, sila sambung.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato Mohamad Taha Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Freezing of accounts*, menyita harta-harta supaya sumber-sumber kewangan *international terrorists* ini akan tergugat atau tidak dapat dilupuskan, dapat dihapuskan supaya jangan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti yang anti-sosial dan *anti-humanitarian*, dengan izin. Dalam konteks ini, *intelligence sharing* dengan rakan negara-negara jiran ataupun negara-negara antarabangsa patutlah kita adakan supaya apa-apa *intelligence* atau maklumat pada rakan itu dapat dikongsi bersama supaya dapat dibanteras ataupun dihapuskan sama sekali kalau boleh - *international terrorism* ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dalam konteks ini kita tidak dapat lari daripada *reemerging of Islam*. Saya telah beberapa kali menyebut dalam Dewan yang mulia ini bahawa setelah *event* ataupun insiden 11 September, banyak yang telah menggugat *image* orang-orang Islam. Saya telah menyatakan beberapa hari dahulu dengan *quotation* dari dalam sebuah buku bahawa Islam dikatakan sebagai sebuah agama militan yang tidak mengenal perasaan kasih sayang, walhal *image* Islam ataupun agama Islam ini adalah agama yang *perfect*, agama yang sempurna. Banyak ciri-ciri Islam ataupun adat-adat yang digunakan dalam agama Islam adalah berlandaskan kepada kasih sayang dan kecintaan kepada manusia. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, segala langkah yang kita ambil untuk memastikan bahawa kita terpelihara daripada menjadi mangsa kepada *international terrorism* ini adalah langkah-langkah yang patut kita sokong.

Tuan Yang di-Pertua, seorang rakan saya, Yang Berhormat Dr. Chin Fook Weng, telah menyebutkan tentang keselamatan di tempat-tempat orang awam seperti di bawah *shopping mall* dan lain-lain, katanya perlu dipertingkatkan. Saya sokong, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Andai kata ada mereka yang tidak berniat baik di kalangan kita dengan senang sahaja mereka dapat memusnahkan keharmonian yang ada pada negara kita.

Dalam konteks ini, saya mencadangkan supaya latihan kepada pegawai-pegawai keselamatan atau *security guards*, dengan izin, dipertingkatkan, kerana walaupun *security guards* ini, saya tahu ada dibekalkan ataupun ada di tempat-tempat awam tetapi kualiti mereka hendaklah sentiasa dipertingkatkan. Kualiti perkhidmatan mereka hendaklah sentiasa dipertingkatkan supaya mereka tahu apa yang hendak dibuat jika ada keganasan mudah-mudahan, kita berdoa, ini tidak akan terjadi - supaya mereka tahu apa yang hendak dibuat dalam keadaan-keadaan yang kritikal.

Untuk ini patut diberikan kemudahan-kemudahan untuk *private sectors* memberikan latihan untuk *security guards* ataupun pengawal keamanan ini dan diberi *accreditation* yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang kerana

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Memang sudah panjang pun.

Dato Mohamad Taha Ariffin: Terima kasih. Dengan ini saya menyokong penuh rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

12.05 tgh.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Kanun Keseksaan 2002/2003 ini, iaitu *the Penal Code*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada 4 bil lagi, tetapi saya akan mengambil sedikit masa sahaja untuk turut sama.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tidak apa, kita ada banyak masa, sampai petang.

Tuan Ismail bin Kasim: Bukan sampai petang, Tuan Yang di-Pertua, sampai akta ini habis dibahaskan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ha! Sampai habis dibahaskan.

Tuan Ismail bin Kasim: Kita menyedari bahawa pindaan kepada akta ini, terutamanya *the new chapter 6A*, dengan izin, adalah sebagai mematuhi konvensyen yang melibatkan pembiayaan kepada perkara-perkara keganasan daripada yang diputuskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu pada 9 Disember 1999. Jadi, kita mengambil langkah ini sebagai turut serta menyatakan pandangan negara kita bahawa kita adalah pasti sama-sama untuk memantapkan lagi perundangan kita bagi menangani cabaran terutamanya dalam ancaman dan aktiviti keganasan global ini.

Tuan Yang di-Pertua, dunia kita berada di ambang peperangan, biar pun ia bukanlah perang besar seperti pernah dilalui dalam tahun 1911 dan juga 1939. Peperangan ini bukanlah melibatkan perang negara dengan negara tetapi adalah di dalam peperangan menentang keganasan iaitu satu ancaman yang tidak bertopeng, yang boleh muncul dan bertindak di mana sahaja ataupun pada bila-bila masa.

Walaupun kita telah sering kali menyuarakan pandangan dan pendapat kita tentang cara yang terbaik untuk menangani keganasan global ini, rata-rata negara lain termasuklah negara-negara maju dari Barat masih ragu-ragu ataupun, dengan izin, *is playing ignorant* pada fakta-fakta ini. Tragedi yang sedang melanda umat Islam seluruh dunia dan menggugat keselamatan dan keamanan sejagat ekoran dari peristiwa September 11 bukanlah satu perkara baru berlaku dan seharusnya dilihat lebih awal oleh negara-negara Barat khusus Amerika Syarikat.

Jadi, saya berpandangan bahawa kejadian yang tidak bermaruah ini berlaku ekoran daripada rasa putus asa dan kemarahan puak pelampau - mungkin Islam dan mungkin tidak kerana ia belum dapat dibuktikan 100% oleh Amerika Syarikat mahupun negara Barat yang lain - terhadap dasar luar Amerika Syarikat yang pentingkan diri sendiri dan sokongan berterusan terhadap rejim Zionis Israel.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa-peristiwa serangan ini telah membuka mata dunia kepada kepentingan mewujudkan perundangan khususnya yang efektif dalam menangani ancaman keganasan. Itulah sebabnya kenapa kerajaan di Amerika Syarikat kini mempunyai satu perundangan yang pada dasarnya seumpama ISA di Malaysia tetapi sebenarnya amatlah buruk dan tidak sama langsung dengan ISA, malah membebankan rakyat negara itu sendiri.

Kita di Malaysia kini sedang dalam proses mengemaskinikan perundangan kita untuk mencakupi bidang baru anti-keganasan seperti mana yang diperlukan di setiap anggota PBB. Walaupun langkah ini dilihat setengah pihak sebagai satu langkah menurut telunjuk Bush, sebenarnya tidak perlu kerana kita telah pun mempunyai pandangan ISA dan saya berpandangan tujuan dan olahan pindaan ini mempunyai satu tujuan yang tertentu dan akan meningkatkan keberkesanan tindakan perundangan terhadap ancaman-ancaman keganasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk mewujudkan perundangan spesifik ini adalah perlu bagi memastikan kuasa tindakan perundangan dapat dipenuhi apabila kita

menghadapi ancaman ini dan saya amat bersetuju bahawasanya memang perundangan ISA dapat digunakan dalam tindakan pencegahan ancaman ini. Akan tetapi ia belum cukup dalam untuk kita menangani bidang keganasan ini kerana ISA tidak dapat berfungsi sekiranya aktiviti keganasan ini telah pun dilaksanakan dan juga akan membantutkan usaha untuk menyasat dan mengadakan kerjasama dengan negara Ketiga di dalam memastikan ancaman keganasan dapat dipatahkan.

Saya mencadangkan supaya perundangan ini mencakupi tindakan yang membolehkan Kerajaan Malaysia membawa pulang rakyat negara ini yang didapati atau disyaki terlibat dalam aktiviti keganasan ke negara ini untuk memastikan kita boleh mendapat informasi dan maklumat tentang kegiatan atau ancaman keganasan di dalam negeri dan daripada mereka yang terlibat dan terbabit sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Dengan wujudnya perundangan ini, maka sudah sewajarnya pihak berkuasa dapat meningkatkan usaha ke arah membasmi dan mematahkan ancaman keganasan di dalam negeri di samping membantu negara-negara lain terutama negara-negara jiran kita dalam usaha mengatasi keganasan yang begitu berleluasa di sana.

Kita berpendapat adalah tidak enak sekiranya kita berpeluk tubuh dan membiarkan jiran-jiran kita menjadi mangsa keganasan oleh golongan ekstremis ini yang mengandungi beberapa individu rakyat kita yang telah hilang akal dan umpama haiwan yang mabukkan darah. Justeru itu saya ingin tahu, adakah terdapat kuasa di dalam pindaan ini yang memberi hak dan peluang kepada PDRM ataupun Angkatan Tentera Malaysia, mahupun setiap badan keselamatan negara yang lain untuk memberikan kerjasama kepada negara-negara jiran dan apakah bentuk kerjasama yang dibenarkan menerusi pindaan ini? Adakah ia merangkumi informasi dan juga kebenaran kepada anggota kita untuk memberi bantuan di negara asing? Begitu juga, adakah peruntukan ini membenarkan kemasukan pasukan keselamatan asing ke negara kita untuk membantu usaha menangani ancaman keganasan di Malaysia ini? Saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lagi yang hendak mengambil bahagian? Sekiranya tidak ada, saya menjemput Timbalan Menteri dari Jabatan Perdana Menteri untuk menggulung.

12.12 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Saya teruskan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar berkaitan dengan isu di mana beliau berkata bahawa alangkah baiknya sekiranya kerajaan dapat menjalankan hukum hudud dan qisas dalam undang-undang negara ini.

Hukum hudud dan qisas adalah tidak sesuai untuk dijalankan di negara ini apabila diambil kira keadaan masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Hudud dan qisas seperti yang ditafsirkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu juga bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang yang sedia ada dan terpakai buat masa ini difikirkan cukup dan memadai untuk negara ini tanpa penggunaan hukum hudud dan qisas.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah juga mencadangkan supaya hukuman sebatan bagi kesalahan rogol mahram dibuat mengikut cara Islam - satu di tempat terbuka dan juga tangan tidak diangkat terlalu tinggi. Hukuman sebatan yang dijalankan pada masa ini berjaya memenuhi tujuannya iaitu untuk menghukum dan menyedarkan pesalah akibat daripada perbuatan jenayahnya. Ia berupaya menjadi satu bentuk pencegahan terhadap pesalah daripada melakukan kesalahan yang serupa atau kesalahan lain di masa hadapan. Ia juga dijalankan dengan kehadiran pegawai perubatan untuk memastikan pesalah berupaya menjalani hukuman itu dengan selamat.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah juga telah memberi sedikit contoh. Kalau orang yang mencuri, kalau dia mencuri disebabkan lapar, undang-undang disarankan tidak boleh menghukum sebagai satu kesalahan mencuri. Untuk itu Yang Berhormat Tuan Ismail mencelah dan bertanya bahawa macam mana kalau sekali curi, potong satu tangan, dua

kali curi, potong dua tangan, tiga kali curi, tak ada tangan lagi untuk dipotong. So, untuk itu, tidak ada penjelasan ataupun apa-apa daripada Yang Berhormat. Ini bermaksud untuk memberi satu penjelasan kepada kita bahawa hukum hudud dan qisas tidak boleh diguna pakai dan juga kalau dengan izin, *hunger for food*, itu tidak menjadi satu kesalahan, lain kali *hunger for sex* pun tidak menjadi satu kesalahan. So, perogol-perogol boleh terlepas.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam menyentuh mengenai isu terkini iaitu berkaitan dengan kawasan letak kereta di bawah bangunan boleh dijadikan sasaran mudah untuk penganas. Contohnya bom plastik mudah dibawa masuk ke tempat letak kereta bawah bangunan ini dan senang disembunyikan. Kerajaan telah mengambil banyak langkah untuk memastikan keselamatan tempat letak kereta bawah bangunan dengan arahan penggunaan CCTV, memasang semua lampu di tempat letak kereta dan rondaan berterusan oleh pengawal dengan motosikal.

Malaysia juga mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk memastikan kawalan ke atas bahan letupan seperti bom plastik di bawah Akta Bahan Letupan 1957, Semakan 1978. Fakta ini telah membolehkan menjadikan Malaysia menjadi pihak kepada International Convention on Terrorist Bombing, dengan izin, baru-baru ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyentuh isu Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sering dikritik oleh pihak-pihak tertentu yang dikatakan mencukupi untuk menangani masalah keganasan. Beliau membangkitkan mengapa tidak diadakan satu akta khusus untuk kesalahan keganasan. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 mengadakan peruntukan am bagi melindungi rakyat Malaysia daripada ancaman kepada ketenteraman negara. Akta ini masih relevan dalam iklim semasa dan merupakan satu alat penting bagi pihak berkuasa melaksanakan kewajibannya untuk melindungi wilayah dan rakyat Malaysia termasuk harta rakyat dan kerajaan.

Kerajaan sebenarnya telah menimbang cadangan untuk mengadakan suatu akta khusus yang berkaitan dengan keganasan dengan izin, New Anti-Terrorism Law tetapi mendapati bahawa suatu undang-undang baru khusus tidak perlu kerana perundangan Malaysia sedia ada boleh menangani masalah ini. Peruntukan khusus mengenai keganasan boleh diperbuat dan dimasukkan dalam perundangan sedia ada sebagaimana yang sedang dilakukan dengan pindaan kepada Kanun Keseksaan yang dicadangkan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan isu perbandingan hukuman untuk kesalahan rogol mahram yang lebih berat iaitu minimum 15 tahun dengan hukuman kesalahan keganasan iaitu minimum 7 tahun sahaja sedangkan kesalahan keganasan boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Hukuman yang dicadangkan adalah setimpal dengan keseriusan kesalahan berkenaan. Hukuman itu telah mengambil kira hukuman yang dikenakan oleh negara lain bagi kesalahan seumpamanya untuk memastikan tidak ada negara yang boleh dianggap sebagai *safe heaven* dengan izin, oleh mana-mana penganas.

Hukuman bagi perbuatan keganasan adalah Seksyen 130C dan pengambilan tebusan adalah Seksyen 374A.

Hukuman tujuh tahun ialah hukuman minimum dan maksimum adalah 30 tahun dan hukuman pemenjaraan minimum tujuh tahun dan maksimum 30 tahun diperuntukkan bagi untuk memberi ruang kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal mengikut keadaan dan fakta kes. Selain hukuman penjara sekiranya kematian terjadi akibat perbuatan keganasan, pesalah akan dihukum mati iaitu jika ada kematian, pesalah wajib dihukum mati.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga membangkitkan isu Fasal 4 tidak boleh menggunakan ancaman kepada diri sendiri sebagai pembelaan dan juga bagaimana dengan ancaman kepada keluarganya. Ini adalah mengikut Seksyen 94 di mana merupakan suatu daripada pengecualian yang diberikan iaitu jika seseorang dipaksa melakukan sesuatu kesalahan kerana ancaman kepada nyawanya sendiri, perbuatan itu tidak dianggap suatu kesalahan.

Pengecualian ini tidak terpakai bagi kesalahan berat iaitu membunuh dan kesalahan terhadap negara di bawah Bab VI. Dengan pindaan ini kesalahan keganasan

adalah di bawah Bab VIA. Selain daripada membunuh, pengecualian ini terhad kepada jika ancaman ialah kepada nyawa pembuat sahaja. Jika ancaman kepada orang lain atau keluarga, pengecualian tidak terpakai. Oleh itu orang itu atau pembuat masih dianggap melakukan kesalahan.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh ialah keperluan untuk orang berhati-hati apabila memberi bantuan dan membuat baik. Seksyen 130K menjadikan dengan izin, *harbouring of terrorist* suatu kesalahan. Sememangnya demi kepentingan masyarakat dan keselamatan negara, semua rakyat Malaysia wajar bersikap prihatin dan berhati-hati dan sekiranya berasa waswas atau menyangsikan seseorang adalah wajar melaporkan kepada pihak berkuasa supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Isu juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh, hukuman sumbang muhrim. Sebatan sepatutnya dibuat di hadapan khalayak ramai kerana ia akan memalukan dan memberi satu pengajaran.

Cadangan untuk menjalankan hukuman sebat di khalayak ramai sememangnya telah dipertimbangkan. Namun atas keperluan untuk melindungi hak asasi manusia pesalah, kerajaan telah memutuskan bahawa sistem bagi pelaksanaan hukuman sebat sedia ada dikekalkan.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani membangkitkan isu daripada Fasal 8 iaitu sejauh mana keberkesanan penambahan anggota keselamatan kepada tahap keselamatan. Ini berkaitan dengan kes penculikan di Sabah. Kerajaan telah mengambil tindakan yang didapati perlu untuk mencegah kejadian yang tidak diingini termasuk perbuatan keganasan dan penculikan tebusan.

Pemeriksaan di tempat masuk telah dipertingkatkan, taraf dokumen perjalanannya telah dipertingkatkan, rondaan di perairan dan penempatan pihak keselamatan di kawasan berisiko juga telah dilaksanakan. Juga langkah-langkah itu sememangnya berkesan dan juga keberkesanan itu boleh dipertingkatkan dengan kerjasama dan bantuan rakyat khususnya penduduk tempatan di kawasan itu.

Isu juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani mengenai isu kalau pesalah dipenjarakan selama tempoh 10 tahun atau 20 tahun, apa akan berlaku. Program pemulihan banduan sememangnya sedia ada dan banduan-banduan akan menjalani latihan bagi meningkatkan keinsafan secara rohani dan jasmani. Di samping itu banduan-banduan juga akan dilatih bagi meningkatkan skel-skel atau kemahiran bagi menyediakan diri mereka selepas tempoh tahanan.

Isu yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani ialah kalau pesalah berubah, bolehkah hukuman dikurangkan. Tempoh menjalani hukuman akan mengambil aspek-aspek kelakuan baik banduan. Banduan-banduan akan diberi tempoh *remission* berdasarkan formula yang diguna pakai oleh Jabatan Penjara.

Formula yang diguna pakai setakat ini ialah *One Third Remission* daripada masa yang diberi, umpamanya kalau seseorang kena penjara selama sembilan tahun, maka dia boleh keluar selepas enam tahun kalau kelakuan dia baik dan Jabatan Penjara dan Pegawai-pegawai Penjara meluluskan kelakuan baik banduan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga membangkitkan isu kalau warganegara asing menjadi penculik, adakah mereka akan didakwa atas undang-undang Malaysia atau undang-undang negara mereka. Jika antara lain kesalahan keganasan melibatkan mangsa warganegara Malaysia atau dilakukan di negara Malaysia, ini soalan.

Dengan pindaan kepada Seksyen 4 Kanun Keseksaan, Malaysia boleh menuntut bidang kuasa untuk mendakwa warga asing dan jika beliau berada di negara lain, Malaysia hanya boleh mendakwa di bawah undang-undang Malaysia, jika beliau dapat diekstradisikan daripada negara tersebut.

Mengikut prinsip undang-undang antarabangsa, Malaysia mempunyai hak mutlak untuk mendakwa mana-mana pelanggaran undang-undang Malaysia yang dilakukan dalam wilayahnya. Ini merupakan satu daripada hak kedaulatan sesuatu negara dengan izin,

principle of territorial sovereignty dan dalam hal ini wilayah Malaysia termasuklah kapal dan pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia.

Sebagai tambahan mengikut prinsip undang-undang antarabangsa, Malaysia juga boleh mendakwa mana-mana pelanggaran terhadap undang-undang Malaysia yang dilakukan di luar wilayahnya tertakluk kepada batasan yang dikenakan oleh undang-undang antarabangsa. Mengikut prinsip undang-undang antarabangsa terdapat empat asas bagi tuntutan bidang kuasa luar wilayah iaitu *extra territorial jurisdiction* seperti berikut:

Prinsip wilayah *territorial principle* setiap negara berhak menuntut bidang kuasa ke atas pelanggaran undang-undang negara itu, yang dilakukan dalam wilayahnya walaupun oleh orang asing.

Dalam hal perbuatan itu, merentasi dua atau lebih negara, kesemua negara yang terlibat berhak menuntut bidang kuasa di bawah prinsip ini. Ini kerana sebahagian daripada kesalahan itu telah dilakukan dalam wilayah di setiap negara yang terlibat. Dan negara di mana perbuatan jenayah itu bermula, contohnya konspirasi untuk melakukan perbuatan itu akan menuntut bidang kuasa di bawah, dengan izin, *subjective territorial principle*, sementara negara di mana perbuatan jenayah itu dilaksanakan akan menuntut bidang kuasa di bawah, dengan izin, *objective territorial principle*.

Prinsip kerakyatan (*nationality principle*) bahawa setiap negara berhak menuntut bidang kuasa ke atas pelanggaran undang-undang negara itu di mana-mana juga di dunia sekiranya kesalahan itu dilakukan oleh rakyatnya adalah diterima umum. Dan beberapa negara termasuk Malaysia juga menuntut bidang kuasa berdasarkan prinsip ini sekiranya kesalahan itu dilakukan oleh pemastautin tetapnya, dengan izin, *passive nationality principle* dan tuntutan berdasarkan sub-prinsip ini akan diterima umum khususnya bagi kegiatan keganasan dan kesalahan berat seumpamanya. Asas ini lazim digunakan sekiranya negara di mana kesalahan itu dilakukan dengan atau tidak dapat mendakwa pesalah itu dan negara kerakyatan pesalah itu juga enggan atau tidak dapat berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, kalau didapati bahawa kebanyakan negara termasuk Malaysia hanya menuntut bidang kuasa luar wilayah atau prinsip ini bagi kesalahan tertentu sahaja seperti *treason* dan membunuh. Pada masa ini Malaysia menuntut bidang kuasa luar wilayah atau prinsip ini bagi kesalahan tertentu termasuk kesalahan di bawah Bab 6, Kanun Keseksaan, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Hasutan 1948 di bawah Akta Bidang Kuasa Luar Wilayah 1976 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001, Akta Jenayah Komputer 1997 dan Prinsip Perlindungan (*Protective Principle*), dengan izin. Prinsip ini membenarkan sesuatu negara menghukum perbuatan yang menjejaskan keselamatan negara itu walaupun perbuatan itu telah dilakukan oleh orang asing dan di luar negara itu. Contohnya, komplot untuk menggulingkan kerajaan sah dan pengintipan. Prinsip ini walaupun jarang digunakan, adalah diterima umum oleh semua negara. Dan prinsip *universality*, dengan izin, *universality principle*. Prinsip ini membenarkan sesuatu negara menuntut bidang kuasa ke atas semua jenis kesalahan walaupun dilakukan....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Cuba ulang balik, Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: ... oleh orang asing.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ulang – universiti...

Datuk M. Kayveas: *Universality*, dari perkataan '*universal*'.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Maknanya dalam bahasa Malaysia saya rasa yang *equivalent is* 'sejagat'.

Datuk M. Kayveas: Sejagat, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Haraplah itu sama. Walau bagaimanapun, mengikut amalan negara-negara bidang kuasa hanya dituntut di bawah prinsip ini berhubung dengan kesalahan tertentu yang dianggap sebagai kesalahan oleh semua negara. Ini lazimnya merangkumi kesalahan yang dianggap menjejaskan komuniti dunia secara menyeluruh seperti jenayah perang, pelanunan, *hijacking*, dengan izin, pengabdian (*slave trade*) dan beberapa bentuk keganasan antarabangsa. Mengikut konsep ini, semua negara mempunyai kuasa untuk menghukum

kesalahan tertentu tidak kira di mana dilakukan dan oleh siapa dilakukan, hubungan bila kerakyatan atau kepentingan negara diketepikan demi kepentingan global untuk membanteras jenayah itu.

Lanjutan bidang kuasa jenayah Malaysia di bawah Seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b) sedia ada, Kanun Keseksaan adalah berasaskan prinsip wilayah kerakyatan dan perlindungan. Perlanjutan bidang kuasa jenayah Malaysia di bawah Seksyen baru 4(1)(c) hingga 4(1)(h) Kanun Keseksaan yang dicadangkan adalah berasaskan alasan yang terkandung dalam Konvensyen dan Protokol Keganasan PBB. Alasan ini juga berteraskan prinsip undang-undang antarabangsa yang diterima umum khususnya Prinsip Perlindungan, dengan izin, Objective Territorial Principle and Effect atau Effect Doctrine dan Passive Personality Principle.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan pelbagai asas bidang kuasa yang dituntut oleh sesuatu negara bermakna bahawa beberapa negara boleh mempunyai bidang kuasa bersama iaitu dengan izin, *concurrent jurisdiction* bagi satu kesalahan. Oleh itu, pada prinsipnya penjenayah itu boleh didakwa dan dihukum oleh beberapa negara yang berlainan sama ada sabitan dan hukuman yang dikenakan di sesuatu negara merupakan batasan, dengan izin, iaitu bar kepada pendakwaan di negara lain mengikut prinsip *Double Jeopardy*, dengan izin, akan bergantung kepada undang-undang dalaman negara lain yang berkepentingan. Masalah keutamaan bidang kuasa jika terdapat tuntutan bertindih boleh diselesaikan menerusi rundingan antara negara-negara yang berkaitan dengan undang-undang antarabangsa tidak menetapkan sesuatu senarai keutamaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Hazidah bagaimana cara pembuktian jika kesalahan berlaku dalam pertemuan seperti ceramah dan sebagainya. Pembuktian adalah berdasarkan fakta kejadian atau ceramah yang dimaksudkan perlu dilihat sama ada kandungan ceramah tersebut memenuhi elemen yang disebutkan dalam Bab 6A. Ini akan bergantung kepada saksi-saksi yang tampil ke hadapan. Jika didapati elemen-elemen dalam Bab 6A tidak dipenuhi, mungkin undang-undang lain dapat digunakan seperti Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan sebagainya.

Juga isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Hazidah adakah Seksyen 130O melibatkan pengiriman wang melalui juruwang. Seksyen 130O(2) mengadakan satu takrif, dengan izin, *inclusive* bagi ungkapan, dengan izin, *financial services or facilities*. Oleh itu, pemberian khidmat pengiriman wang melalui pengurup wang adalah dirangkumi dalam ungkapan itu.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lee Seng Chui bagi perbuatan keganasan seperti aktiviti KMM dan JI dan apakah langkah-langkah diambil untuk menanganinya.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu yang tegas untuk menangani masalah dan ideologi yang berkenaan termasuk menjelaskan kesalahan iaitu *error* - dengan izin - ideologi yang digunakan dalam agama ini dengan cara yang tidak betul. Yang Berhormat Dato' Hajah juga ada membangkitkan satu isu berkaitan dengan Seksyen 374A. Negara kita ada perjanjian ekstradisi dengan negara-negara jiran yang terlibat dalam kes ini. Saya ingat saya sudah menjawabnya tadi. Saya tidak perlu menjawab lagi *one more round*.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat K.R.A. Naidu, "Adakah selama ini negara kita tiada undang-undang untuk menangani masalah ini dan apakah tujuan kita?" Malaysia sememangnya mempunyai undang-undang yang sedia ada yang boleh menangani aspek-aspek tertentu perbuatan keganasan. Contohnya, Seksyen 302 Kanun Keseksaan, Seksyen 6 Akta Bahan Letupan, ISA dan ada juga satu *shortlist* di mana 55 undang-undang telah dikenal pasti dan boleh digunakan jika keadaan memerlukan. Namun dalam menghadapi keganasan antarabangsa, didapati sedikit kekurangan dalam perundangan yang sedia ada sekarang ini. Contoh-contoh tidak ada di mana. Kita tidak ada kesalahan khususnya keganasan yang mengambil kaedah operasi pengganas. Masa ini dan tidak ada kesalahan khusus membiayai keganasan dan hukuman yang sedia ada tidak mengambil kira keseriusan perbuatan khususnya keganasan berbanding dengan perbuatan yang merupakan kesalahan biasa.

Pembuatan peruntukan undang-undang khusus ini menggambarkan komitmen Malaysia untuk membanteras keganasan. Apakah sebab Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 ini berbangkit kepada perundangan lain dibentangkan pada masa ini? Rang undang-undang ini dicadangkan untuk memenuhi obligasi antarabangsa Malaysia di bawah resolusi PBB khususnya dan resolusi 49, 51 dan 60, 210 dan resolusi majlis keselamatan khususnya resolusi 1373 dan konvensyen keganasan PBB tertentu khususnya - dengan izin - *International Convention for the Suppression of Terrorist Financing* dan *International Convention Against the Taking of Hostages*.

Pada asasnya pindaan yang dijalankan itu bertujuan menjadikan keganasan satu kesalahan khusus di bawah undang-undang Malaysia dan peruntukan khusus sedemikian didapati wajar walaupun pada hakikatnya elemen kesalahan itu boleh ditangani secara am mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti kesalahan membunuh atau mencederakan atau merosakkan harta di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Bahan Letupan 1957. Sebagai tambahan didapati bahawa hukuman yang setimpal wajar dikenakan bagi kesalahan keganasan yang pada hakikatnya mempunyai tujuan dan akibat yang lebih serius daripada kesalahan biasa.

Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2003 mengandungi pindaan berbangkit. Ini semua berkaitan dengan pindaan yang perlu dibuat warta. Rang undang-undang yang disebutkan tadi belum lagi dibawa ke Parlimen.

Satu lagi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat K.R.A. Naidu ialah bagaimana jika seseorang itu melakukan kesalahan untuk menyelamatkan isteri dan keluarga. Sebenarnya ini adalah sama dengan soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan saya telah menjawab, ini berkaitan dengan keluarga.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Mohamad Taha bin Ariffin, isu berkaitan dengan aset pengganas dan juga mencegah perbuatan tidak diulangi. Satu daripada langkah yang paling berkesan untuk mencegah perbuatan keganasan ialah untuk memindahkan sumber kewangan kepada pengganas dan juga untuk membekukan aset pengganas di seluruh dunia. Menurut resolusi Majlis Keselamatan PBB 1373, langkah ini sudah diguna pakai hasil yang nyatakan tadi. Namun tindakan ini memerlukan pertukaran maklumat yang tepat dan menepati masa, *it must be timely* - dengan izin - untuk menjadikannya satu perkara yang berkesan sepenuhnya. Ia memerlukan koordinasi dan kerjasama daripada semua pihak yang berkenaan. Mekanisme berkaitan dengan aset ini kita akan laksanakan menurut pindaan yang dicadangkan kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

Isu yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Dato' Mohamad Taha bin Ariffin keselamatan kawasan letak kereta di bawah bangunan dan latihan kepada pegawai keselamatan. Perkara ini sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan cadangan ini akan dilanjutkan untuk perhatian kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim membangkitkan isu sama ada pindaan dicadangkan akan membolehkan kerjasama antara PDRM dan pihak berkuasa negara jiran dan juga sama ada pihak berkuasa negara jiran dibenarkan menjalankan kerja siasatan di Malaysia. Kerjasama baik wujud antara PDRM dan pihak berkuasa negara jiran dan bantuan dan kerjasama boleh dilaksanakan melalui Interpol, Aseanapol dan melalui hubungan informal dan juga bantuan dan kerjasama rasmi boleh juga dilaksanakan di bawah Akta Bantuan Bersama. Dalam perkara jenayah 2002 dan bagi maksud itu Malaysia telah mencadangkan suatu perjanjian bantuan bersama dalam perkara jenayah pelbagai hala antara negara anggota ASEAN yang sependapat. Hubungan antara kawasan Thailand dan Perlis, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim dia banyak pengalaman, dia banyak *cross border*, semalam pun dia berkata dengan isteri-isteri kita mengikut cara wanita dari Thailand iaitu -dengan izin - *to bathe*. *The wife must learn how to bathe the husband*.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada sepuluh, *ten of them* dengan izin, yang mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG PAJAK GADAI (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.53 tgh.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Pemegang Pajak Gadai (Pindaan) 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dipersilakan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan pajak gadai wujud secara rasminya di Malaysia setelah berkuat kuasanya Pawn Brokers Ordinance tahun 1871 di Negeri-negeri Selat. Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, Akta 81 dikuatkuasakan pada 2 Januari 1973 dengan meletakkan pajak gadai di bawah butiran 7J Senarai Pertama, Senarai Persekutuan bagi menyelaraskan dan menyeragamkan pentadbirannya yang sebelum ini ditadbir oleh 13 buah enakmen ordinar kaedah berbeza-beza oleh kerajaan negeri masing-masing.

Seiring dengan pembangunan negara dan perkembangan ekonomi yang pesat, perniagaan pajak gadai konvensional telah berkembang berdasarkan permintaan oleh masyarakat sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Ini adalah kerana urus niaga pajak gadai merupakan satu-satunya sumber yang bersedia memberi pinjaman segera kepada pelanggan yang sangat memerlukan pinjaman tanpa banyak formaliti. Sementara itu banyak juga masalah yang timbul berkaitan perniagaan pajak gadai khususnya berdasarkan aduan orang ramai termasuk Persatuan Pengguna.

Antara aduan yang diterima ialah penipuan atau penyelewengan seperti mengenakan kadar faedah yang berlebihan, pembelian surat atau resit pajak gadai yang dijalankan secara terang-terang, pemegang pajak gadai tidak bertanggungjawab ke atas sandaran yang hilang akibat dirompak atau terbakar, kedai pajak gadai beroperasi tanpa lesen, kedai emas menjalankan urus niaga pajak gadai dan tiada penguatkuasaan yang berkesan.

Memandangkan urusan pajak gadai masih diperlukan oleh masyarakat Malaysia pada masa kini dan berdasarkan fakta-fakta di atas, jelas menunjukkan bahawa senario

ketika Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 digubal adalah berbeza berbanding masa kini. Justeru itu beberapa pindaan ke atas akta tersebut adalah wajar dilakukan untuk memperkemas dan menyesuikannya dengan perkembangan semasa urus niaga pajak gadai negara ini. Di samping itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengambil alih kuasa dan fungsi sebagai badan pengawal dan penguatkuasaan bagi tujuan mengatasi permasalahan yang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan utama yang dicadangkan kepada Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 antaranya adalah seperti berikut;

Pindaan terhadap Subseksyen 3(1)(a) dan (b) bertujuan menaikkan kadar maksimum transaksi pajak gadai daripada RM5,000 kepada RM10,000. Subseksyen 3(1) dan 3(b) baru mengadakan peruntukan mengenai kuasa menteri untuk melantik pendaftar pajak gadai, timbalan pendaftar, inspektor pajak gadai dan pegawai-pegawai serta perkhidmatan lain serta membolehkan pendaftar mewakilkan kuasa dan fungsinya di bawah akta itu kepada timbalan pendaftar, inspektor atau mana-mana pegawai awam. Ini adalah bertujuan memperkemas sistem pentadbiran akta serta memudahkan pengawalan dilakukan secara lebih menyeluruh.

Seksyen 7 Akta 81 dipinda bagi memperuntukkan dengan jelas kemestian mendapatkan lesen bagi menjalankan urus niaga pajak gadai.

Seksyen 10 dipinda dengan mengurangkan tempoh sah laku lesen daripada tiga tahun kepada dua tahun bertujuan memudahkan pengawalan, pengawasan dan penguatkuasaan.

Seksyen 10(1) dipinda bertujuan memansuhkan sistem memperoleh lesen secara tender dan mewujudkan sistem

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, boleh kita sambung pada jam 2.30 petang?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Baik.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditempohkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seksyen 10(1) dipinda bertujuan memansuhkan sistem perolehan lesen secara tender dan mewujudkan sistem memperoleh lesen secara terbuka. Dengan cara ini, urus niaga pajak gadai secara monopoli dapat dihapuskan dan menggalakkan industri pajak gadai yang lebih kompetitif.

Subseksyen 16(1)(a) dipinda dengan menaikkan umur pajak daripada 16 tahun kepada 18 tahun. Di samping itu, pemegang pajak gadai juga tidak dibenarkan menerima sandaran daripada orang yang tidak siaman.

Pindaan kepada Seksyen 22 Akta menekankan tanggungjawab pemegang lesen pajak gadai terhadap sandaran jika berlaku kehilangan atau kerosakan disebabkan kebakaran, kecuaiian, kecurian, rompakan dan sebagainya.

Seksyen 23 dipinda bagi tujuan menaikkan nilai sandaran yang boleh menjadi harta pemegang pajak gadai sekiranya sandaran gagal ditebus dalam masa yang ditetapkan. Nilai sandaran yang dipinda ialah daripada RM100 kepada RM200. Nilai sandaran yang melebihi RM200 akan dilelong oleh pelolong berlesen jika tidak ditebus.

Pindaan kepada Seksyen 25 memberi tanggungjawab kepada pemegang pajak gadai supaya membayar lebihan atas sandaran yang dilelong dalam tempoh 4 bulan dari tarikh lelongan tanpa menunggu apa-apa tuntutan daripada pemajak.

Seksyen 39 baru memperuntukkan penalti bagi kesalahan membuat pernyataan yang palsu untuk mendorong mana-mana orang ke arah memajak sesuatu barang. Jika disabit, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 41 dipinda dengan menjelaskan bahawa adalah menjadi kesalahan di bawah akta ini jika mana-mana orang membeli atau cuba membeli surat pajak gadai. Pindaan ini bertujuan membendung perbuatan pihak yang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan ke atas pemajak.

Pindaan kepada Seksyen 48 memperuntukkan antara lain:

- (i) tempoh peralihan ialah antara 1 Januari 2004 dengan tarikh yang ditetapkan oleh Menteri;
- (ii) mana-mana pemegang pajak gadai yang telah diberi lesen di bawah Akta Ibu sebelum 1 Januari 2004 boleh meneruskan perniagaan sepanjang tempoh peralihan dan disifatkan berlesen di bawah Akta semasa tempoh demikian;

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 adalah perlu berikutan banyak masalah telah timbul dan tidak dapat ditangani oleh Akta Pemajak Gadai 1972 yang sedia ada.

Selain itu, pindaan ini juga perlu dilakukan demi untuk memperkukuhkan peranan dan fungsi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam melesen, mengawal dan menguatkuasakan undang-undang serta mendisiplinkan semua pihak yang terlibat dalam sektor tersebut. Pindaan-pindaan ini juga akan menjamin kepentingan pemajak dan pemegang pajak gadai ke arah mewujudkan industri pajak gadai yang lebih kompetitif dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan di sini bahawa rang undang-undang ini akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan kepada kerajaan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Sila Yang Berhormat Datuk Syed Ali.

2.39 ptg.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama membahaskan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

Tuan Yang di-Pertua, industri pajak gadai merupakan satu perniagaan yang klasik. Kehidupan perniagaan ini bergantung kepada kesusahan orang lain. Jika tiada orang susah, maka pajak gadai tidak beroperasi.

Daripada satu kajian oleh sebuah badan NGO, didapati nilai hasil yang dibolot daripada barang lupus kerana tidak dapat ditebus ialah bernilai lebih kurang RM12 juta sebulan menjadikan RM144 juta setahun. Sejak 15 tahun yang lalu, sejumlah RM2 bilion telah dikepek oleh pajak gadai konvensional. Masalah yang kita hadapi ialah berkaitan dengan isu-isu penipuan, kadar faedah tinggi, syarat-syarat dan pemantauan.

Pelbagai pihak seperti persatuan pengguna, pihak wartawan dan penulis telah menimbulkan isu-isu ini secara berterusan, tetapi sejak Akta Pemegang Pajak Gadai diluluskan pada tahun 1972, kita jarang mendengar yang pengusaha pajak gadai didakwa di mahkamah.

Oleh itu saya memohon dapatkan bilangan sebenar premis pajak gadai, berapa buah yang ada dan yang tidak ada lesen dan yang beroperasi tanpa lesen telah berlanjutan sejak beberapa tahun. Masalah yang terbiar dalam tempoh yang melebihi tahap rasional fikiran logik menggambarkan wujudnya fenomena yang tidak baik di pihak pentadbir.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta 2003 bertujuan untuk melindungi kepentingan dua pihak iaitu pemajak dan pemegang pajak dan untuk memperkukuhkan peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam memantau dan menguatkuasakan undang-undang. Berhubung dengan itu saya ingin menyentuh beberapa perkara seperti berikut:-

- Pindaan am - Akta Pemegang Pajak Gadai diubah kepada Akta Pajak Gadai. Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1972, Akta Pemegang Pajak Gadai telah gagal berperanan mengikut tujuannya. Penguat kuasa tidak dapat dilaksanakan dengan tegas berikutan kelemahan dalam kandungan yang tidak memberi hak kepada kementerian untuk membuat kawal selia secara aktif. Perkataan "pemegang" dalam akta memberi gambaran seolah-olah akta tersebut hanya melindungi kepentingan pihak pengusaha sahaja. Sebab itulah sejak ia diluluskan telah menyebabkan ramai pengguna yang menjadi mangsa pajak gadai konvensional. Oleh itu saya sarankan supaya kata "pemegang" dimansuhkan dalam akta dan diringkaskan menjadi Akta Pajak Gadai (Pindaan) 2003, dan pindaan ini dapat menjana imej baru dengan harapan pengguna mendapat pemeliharaan dan pengusaha tetap mendapat untung yang munasabah;
- Pindaan Seksyen 7 berkaitan dengan lesen - Pindaan dibuat dalam bentuk perubahan ayat tetapi tujuannya tetap sama iaitu pengusaha pajak gadai mesti ada lesen. Berhubung dengan ini adalah penting dilihat dari sudut penguatkuasaan. Kenapa sejak tahun 1972, bilangan premis yang beroperasi tanpa lesen meningkat walaupun akta telah diwujudkan? Oleh itu saya fikir pindaan ini elok disertakan dengan penyusunan semula pengurusan penguatkuasaan supaya lebih berkesan.
- Pindaan Subseksyen 16 (1) (a), pindaan berkaitan tentang umur pemajak ditingkatkan dari 16 tahun kepada 18 tahun. Tuan Yang di-Pertua, alasan yang diberi ialah untuk mengelakkan pemajak terlalu muda terlibat dengan urusan pajak gadai. Sistem persekolahan kita menetapkan usia 18 tahun masih muda iaitu baru tamat SPM. Jika ia meneruskan persekolahan ia berada di tingkatan enam, sedang mengikuti kursus diploma atau matrikulasi. Oleh itu, saya memikirkan jika statistik tidak menunjukkan bilangan mereka yang masuk ke alam pekerjaan adalah ramai pada usia 18 tahun, maka adalah lebih baik kita menetapkan satu tahap umur yang matang yang kita terima iaitu 21 tahun; dan
- Pindaan-pindaan tambahan seperti resit, kadar denda, pendakwaan dan sebagainya yang saya fikir adalah baik. Cuma saya tidak dapat pastikan adakah peruntukan seksyen tertentu yang menetapkan supaya pengusaha mesti memaklumkan secara khusus kepada pemajak yang gagal menebus tentang tarikh lelongan awam yang akan dibuat ke atas barangan mereka atau cukup dengan kenyataan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti semasa yang diamalkan oleh pajak gadai konvensional perlu diubah melalui kawal selia daripada badan penguat kuasa secara berkesan. Pada hemat saya, industri pajak gadai merupakan satu bentuk perniagaan meminjam wang. Oleh itu tidakkah ia lebih sesuai diletakkan penguatkuasaan di bawah Kementerian Kewangan setanding dengan syarikat kewangan berlesen seperti Am Finance, Maybank Finance, Hong Leong Finance dan sebagainya.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melaksanakan peranan yang tidak khusus dalam soal perniagaan kewangan kerana fungsi mereka lebih kepada soal pentadbiran awam yang berkaitan dengan bangunan, perumahan dan Majlis Perbandaran. Ini menjadikan aktiviti pajak gadai terbiar bebas selama 31 tahun sejak akta diluluskan pada tahun 1972. Aktiviti semasa pajak gadai konvensional dan peniaga emas terpakai perlu diperhalusi. Peniaga emas terpakai menyatakan mereka membantu pengguna yang menjadi mangsa pajak gadai konvensional. Mereka membantu menebus cagaran emas daripada pajak gadai konvensional dan bakinya dipulangkan kepada pemajak.

Keadaan yang terbiar sekian lama membolehkan peniaga emas terpakai berperanan sebagai penghalang kepada fenomena bolot untung yang melampau oleh pengusaha pajak gadai. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya satu kajian dibuat ke atas fenomena perniagaan pajak gadai di negara kita kerana dengan itu kita dapat menganalisis berkaitan dengan statik bilangan masyarakat yang terlibat, pecahan mengikut kaum. Petunjuk daripada analisis tersebut akan merumuskan fenomena sebenar tentang kedudukan rakyat kita. Adakah pendapatan asas tidak mencukupi atau kerana keperluan yang terdesak yang menyebabkan gejala pajak gadai terus subur dalam kehidupan rakyat?

Kadar faedah yang tinggi, kadar pelupusan yang bebas, reka bentuk premis dengan ciri kaunter yang tinggi, alat penimbang yang tersendiri membentuk budaya pengusaha pajak gadai konvensional di negara kita. Telah ramai rakyat berpendapatan rendah menjadi mangsa aktiviti perniagaan yang tidak dikawal selia.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua sistem pajak gadai di negara kita iaitu Pajak Gadai Konvensional dan Pajak Gadai Islam. Apa yang penting ialah menyelaraskan sistem yang digunakan di seluruh negara dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pajak gadai supaya lebih diyakini oleh pengguna. Imej negara akan lebih baik kerana menyediakan kemudahan pinjaman pelbagai bentuk untuk rakyat yang memerlukan. Atas kesedaran ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

2.48 ptg.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya turut membahaskan satu akta untuk meminda Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 yang dikira usianya telah pun menjangkau 25 tahun. Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat institusi pajak gadai ini begitu penting dalam sistem pinjaman kewangan pada masyarakat bawahan dan kadang-kadang melibatkan masyarakat kelas pertengahan. Peranan pajak gadai tidak kurang pentingnya di dalam menyumbangkan ke arah kecairan aliran wang dalam pasaran negara iaitu melalui pinjaman segera.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu saya ingin *straight to the point* beberapa perkara untuk mendapat penjelasan daripada kementerian yang pada mulanya saya berfikir premis ataupun pajak gadai ini sepatutnya berada di bawah Kementerian Kewangan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh sahabat saya tadi. Namun begitu, saya minta kementerian memberi sedikit penjelasan berkaitan dengan bagaimanakah jaminan dapat diberi kepada nilai harta atau barang-barang kemas yang telah digadai oleh penggadai terjamin kerana kita telah mendapat aduan-aduan di mana mangsa membuat aduan terutamanya masyarakat luar bandar. Kes-kes berkaitan ialah apabila rantai-rantai ataupun barang kemas intan berlian mereka digadai, apabila tiba waktu untuk menebus kembali, secara sedar atau tidak, rantai itu menjadi pendek dan kadang-kadang butiran berlian, intan diganti dengan permata yang kurang kualitinya.

Jadi, di sini bagaimanakah dari segi penguatkuasaan kementerian, adakah boleh atau tidak membuat semakan mengejut ke atas premis pajak gadai bagi menjamin hak ataupun masyarakat tempatan barangan yang digadai itu senantiasa terjamin dari segi kualitinya ataupun dari segi nilainya? Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan mengenai mereka yang menggunakan institusi pajak gadai ini sebagai sumber mendapat pinjaman cepat dalam jangka waktu, mungkin sukar untuk mendapat dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini tetapi dalam jangka waktu lima tahun

kebelakangan ini dari segi mengikut kaum kerana indikator ini penting bagi menentukan taraf hidup masyarakat dan *cost of living* masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan dari kementerian mengenai adanya iklan-iklan dan tawaran-tawaran kegiatan untuk membeli surat-surat pajak dari penggadai barangan, dan adakah ia suatu amalan yang dibolehkan atau suatu amalan yang difikirkan baik kepada pihak penggadai ataupun kepada pihak yang ingin membeli surat-surat pajak gadai.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah atau tidak pihak kementerian nyatakan kes-kes barangan yang telah digadai tetapi telah tidak dapat ditebus mengikut tempoh yang ditetapkan kerana ia berkaitan dengan implikasi kepada mereka yang menggadai kerana telah tidak dapat menebus barang-barang yang telah digadai.

Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi.

2.52 ptg.

Puan Lim Kee Moi: Tuan Yang di-Pertua, selamat petang. Saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk berbahas rang undang-undang meminda Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

Tuan Yang di-Pertua, kedai pajak gadai adalah tempat yang mana si pemajak gadai memperoleh sejumlah wang dengan mencagarkan sesuatu barangan yang bernilai seperti emas, jam tangan yang berjenama dan lain-lain, kepada pemegang pajak gadai. Ia merupakan sumber mudah masyarakat awam untuk mendapat pinjaman wang untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka dalam masa yang singkat dan mengejut tanpa kerenah birokrasi sebagaimana yang berlaku di agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui berapa peratuskah wang yang boleh dipinjam berdasarkan anggaran nilai barang yang dicagarkan? Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang layak membuat penilaian barangan cagaran kerana saya difahamkan semua pemegang pajak gadai tidak ditauliahkan sebagai penilai. Saya sangsi si pemegang pajak gadai yang tidak bertauliah akan mengeksploitasi si pemajak gadai tersebut dengan taksiran yang rendah.

Adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat pemantauan atas perkara ini? Andai kata si pemegang pajak gadai menyalahgunakan kuasa mereka, apakah hukuman akan diambil terhadap mereka? Pada pendapat saya, menaikkan amaun wang pinjaman dari RM5,000 kepada RM10,000 memanglah tidak mencukupi. Amaun yang saya cadangkan ialah RM20,000. Saya juga ingin tahu berapakah bunga yang dikenakan kepada pinjaman tersebut? Sepanjang pengetahuan saya, bunga yang dikenakan ialah tinggi, iaitu dua peratus sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, bunga tinggi yang dikenakan adalah tidak logik sebab ada cagaran barangan bernilai. Saya ingin tahu berapa lamakah tempoh bayaran balik bagi si pemajak gadai tersebut? Jika kita bandingkan ...

Tuan Yang di-Pertua: Barang apa yang boleh kita gadai untuk kita dapatkan RM20,000 itu Yang Berhormat?

Puan Lim Kee Moi: Tidak. Maksud saya ialah gadai barang emas dan barang bernilai.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh dapat RM20,000?

Puan Lim Kee Moi: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Jika kita bandingkan dengan Skim Kredit Mikro ...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab kalau pada saya jam *Rolex* tidak boleh dapat RM20,000.

Puan Lim Kee Moi: Yalah, jam *Rolex* tidak boleh dapat RM20,000 tetapi barang emas dengan barang-barang lain berjumlah RM20,000, termasuk semua *item*lah, Tuan Yang di-Pertua.

Jika kita bandingkan dengan Skim Kredit Mikro, cukup bersyukur dengan kerajaan kita yang membantu rakyat dengan skim pinjaman tanpa cagaran, yang mana kerajaan telah memperuntukkan RM1 bilion untuk pinjaman, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, tidak ada *collateral* tetapi ada *high cholesterol*. Bunga yang dikenakan cuma empat peratus dan tempoh bayaran balik adalah panjang, sehingga si peminjam berumur 60 tahun. Amaun pinjaman adalah dari RM5,000 hingga RM20,000 seorang. Skim ini lebih menguntungkan rakyat kita.

Sebaliknya dengan sistem pajak gadai, tempoh bayaran balik adakah pendek, bunga yang dikenakan jauh lebih tinggi. Adakah skim ini membebaskan rakyat kita atau meringankan rakyat kita? Adakah barang-barang yang bernilai di kedai pajak gadai dijaga dengan baik dan selamat oleh si pemegang pajak gadai? Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammed, bila barang emas ditebus balik, rantai itu sudah pendek satu dua inci. Ini adalah fenomena yang berlaku. Andai kata si pemajak gadai gagal menebus balik barangannya, apa akan terjadi kepada barangan yang bernilai itu? Sama ada barangan itu dirampas oleh si pemegang pajak gadai begitu sahaja ataupun dengan cara yang munasabah?

Tuan Yang di-Pertua, kadar bunga yang dikenakan bagi pinjaman kereta cuma 3.9 peratus setahun tetapi kenapa pinjaman yang diberi kepada pemegang pajak gadai begitu tinggi sehingga dua peratus sebulan? [*Disampuk*] Sebulan. Dua peratus sebulan walaupun ada cagaran yang bernilai. Kita juga akui dengan wujudnya kedai pajak gadai, dapatlah kita mengurangkan pinjaman *Along* yang haram.

Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang terdesak dengan masalah kewangan, ia sudah hilang akal dan akan cari wang yang mana dia senang perolehi seperti kata pepatah, "Jika tiada rotan, akar pun berguna juga". Mereka terpaksa meminjam wang dengan *Along* tanpa cagaran dan membayar dengan bunga yang terlampau tinggi. Apabila mereka tidak terbayar pinjaman tersebut, mereka akan diugut dan dipukul oleh si *Along* itu sehinggakan si peminjam tidak boleh tahan dan sanggup membunuh diri untuk melepasi diri dari belenggu tersebut. Si peminjam perempuan akan dipaksa atau terpaksa melacurkan diri kerana hendak mencari wang untuk membayar kepada *Along* tersebut.

Oleh yang demikian, inilah menjadi tanggungjawab kerajaan mengasuh rakyat jelata supaya jangan meminjam duit dari *Along* dan berkempen tentang akibat buruk meminjam wang dengan *Along*. Kerajaan haruslah berkempen kepada rakyat jelata untuk membuat pinjaman dari Skim Kredit Mikro dan berniaga dengan bersungguh-sungguh.

Saya sudah dengan madah "Rakyat miskin pemimpin pening, rakyat kaya Malaysia berjaya". Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Lau Yin Pin.

2.59 ptg.

Dato' Lau Yin Pin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya hanya ingin memberi sedikit pandangan dan juga bertanyakan soalan berkenaan dengan pemegang pajak gadai. Saya mengalu-alukan kementerian oleh kerana membuat cadangan untuk meminda Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan pajak gadai ini seperti Timbalan Menteri beritahu tadi, telah diwujudkan di negara kita semenjak tahun 1871 lagi, iaitu selama 132 tahun. Bagi sesuatu perniagaan yang boleh dijalankan selama ini, memang ada keperluannya kepada masyarakat. Walaupun masyarakat kita telah membangun dengan pesat, ekonomi negara telah berkembang begitu maju, tetapi masih didapati perkhidmatan pajak gadai ini masih diperlukan oleh segelintir masyarakat, terutama kepada masyarakat bawahan.

Kepada orang miskin, kedai pajak ini adalah '*poor man's bank* dengan izin, bank untuk orang miskin. Walaupun ada pengusaha-pengusaha pajak gadai ini yang tidak

menjalankan perniagaan mereka dengan jujur, tetapi saya percayalah pada keseluruhannya, masih ada bilangan yang besar, yang menjalankan perniagaan mereka dengan baik. Tetapi, dalam kebelakangan ini, oleh kerana pelbagai masalah yang timbul, jadi kementerian telah mengambil langkah yang baik untuk membuat pindaan dengan secara meluas bagi akta yang digubal pada 1972.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, setakat ini berapa buah kedai pajak yang ada di seluruh negara sekarang, secara *conventional*, dengan izin, dan juga secara Islam. Bagi kedai pajak secara Islam, saya mendapati mungkin akta ini tidak dipakai untuk kedai pajak Islam. Sekiranya itu betul, bagi kedai pajak Islam ini, apakah undang-undang yang mereka perlu patuhi? Saya ingin juga seperti Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi hendak bertanya kepada kementerian, pada amnya, berapa peratus yang menebus sandaran dalam masa yang ditetapkan? Bagi bahagian yang tidak ditebuskan itu, bagaimana barang-barang itu diuruskan?

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi berkenaan dengan kedai pajak ini ialah jualan kertas pajak. Kertas pajak itu boleh jadi satu perniagaan, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan, orang yang menjual kertas pajak ini lebih beruntung sekiranya dibandingkan dengan kedai pajak. Jadi, apakah pandangan kementerian dari segi ini dan apakah langkah-langkah kementerian.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa bezanya dengan *factoring*, Yang Berhormat?

Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng: Dengan apa?

Tuan Yang di-Pertua: Dengan *factoring*.

Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng: *Factoring*? Ini *factoring* dia tidak sah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau *factoring* itu berlesen punya....

Tuan Yang di-Pertua: Berlesen.

Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng: Satu pandangan lagi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi Money Lenders Act, pinjaman tanpa cagaran, kadar *interest* yang boleh dikenakan ialah 24% setahun. Bagi pinjaman yang ada cagaran, *interest* yang boleh dikenakan hanya 18% tetapi, bagi kedai pajak, seperti mana kita sudah dengar tadi, *interest* yang dikenakan, walaupun ada cagaran, masih dikenakan 2%. Adakah kementerian ingin menurunkan kadar ini? Memandangkan mulai akta ini, kedai-kedai pajak akan dilesenkan, tetapi bukan lagi melalui tender. Sekiranya begitu, kos operasi kedai pajak akan menurun. Jadi, secara logiklah, *interest*nya patutnya dikurangkan.

Saya juga ingin menyentuh Fasal 29 bertujuan untuk meminda Seksyen 25 Akta 81 bagi memperuntukkan tanggungjawab pemegang pajak gadai untuk membayar apa-apa lebihan daripada hasil lelongan sandarannya, pembayaran mesti dibuat dalam masa empat bulan dari tarikh lelongan, jika tuntutan dibuat oleh pemajak gadai dalam masa tempoh itu. Kerana apa mesti tunggu empat bulan? Padahal, ini adalah transaksi yang amat kecil. Duit yang terlibat tidak banyak. Sekiranya barang itu dilelong, saya percaya dalam satu minggu pun cukup untuk membayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan itu, saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.07 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menambah beberapa perkara dalam perbincangan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 itu. Saya mengalu-alukan tujuan pindaan itu dibuat iaitu mengawal selia dan mengawal perniagaan pajak gadai dan juga perlindungan pemajak gadai. Bagi saya, ini adalah bertujuan seperti yang disebutkan, yang sangat penting. Tetapi, apabila kita melihat isi kandungan rang undang-undang ini, didapati semua yang telah disebutkan itu tidak diikuti dengan jelasnya.

Sebagai contoh, Seksyen baru 7 yang mana mengehendaki lesen itu diambil oleh pemegang pajak gadai itu. Seksyen ini tidak sebutkan kalau situasi itu timbul di mana seseorang itu telah menggunakan perkhidmatan ini, sungguhpun kedai tersebut tidak dikeluarkan lesen. Sungguhpun ada denda dan sebagainya, denda RM20,000 sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, tetapi tidak ada sebut tentang ganti rugi kepada pemajak gadai sekiranya ini berlaku. Saya lebih suka melihat bukan sahaja ada denda dan sebagainya, tetapi juga ada ganti rugi kepada mereka yang ditipu itu dan juga mungkin satu bahagian untuk merampas harta benda pemegang pajak gadai itu untuk memberi ganti rugi kepada pemajak gadai itu harus diadakan.

Seksyen baru 8A menyatakan keadaan di mana lesen tidak boleh diberikan dan ia juga menyatakan kalau mana-mana pihak dianggap sebagai tidak sesuai dikeluarkan lesen oleh pendaftar. Ini tidak termasuk kerana ada disebutkan di bawah 8A itu beberapa kriteria yang mana lesen tidak boleh dikeluarkan tetapi selalunya dalam rang undang-undang macam ini, kita takut kita ketinggalan, mungkin pihak-pihak tertentu yang tidak harus dikeluarkan lesen. Jadi di sini saya dapati tidak ada peruntukan semacam ini iaitu mana-mana pihak lain yang dianggap tidak sesuai dikeluarkan lesen oleh pendaftar. Itu tidak ada dalam peruntukan undang-undang ini.

Kemudian Seksyen 9 menyatakan pendaftar boleh enggan memberikan lesen kepada pemohon, tetapi di sini kalau pendaftar tidak mengeluarkan lesen, tidak ada ruang untuk mereka yang terlibat itu membuat rayuan dan nampaknya kuasa pendaftar itu lebih daripada kuasa menteri. Ini adalah kerana ada rujukan-rujukan yang menyatakan ini harus dikemukakan untuk keputusan menteri tetapi dalam Seksyen 9 ini ia tidak disebutkan dan ia hanya memberitahu bahawa di bawah subseksyen 8(ii) dan (iii) pendaftar boleh enggan memberikan lesen kepada pemohon, dan itu sahaja. Tidak ada disebutkan sama ada boleh merayu dan sebagainya. Jadi nampaknya kuasa pendaftar adalah muktamad dan bagi saya ini satu perkara yang tidak harus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah ucapan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tidak, tidak!

Saya juga akan menyentuh sedikit tentang situasi yang disebutkan dalam Seksyen 16 iaitu mereka dihalang terima barang gadai daripada orang mabuk atau tidak sempurna akal. Apabila seseorang pelanggan itu datang ke kedai, bagaimana kita boleh tentukan dia tidak sempurna akal. Mungkin kalau mabuk kita boleh lihat orang itu berdiri pun tidak boleh berdiri baik, tetapi apabila dia tidak sempurna akal mungkin pada ketika itu bila dia datang dia semuanya sempurna kerana dia baru makan ubat, tetapi mungkin dia ada penyakit. Bagaimana kita menentukan perkara ini kerana ini adalah satu kesalahan untuk mengambil barang daripada orang sedemikian?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh Seksyen 22 iaitu sungguhpun ada disebutkan pemegang pajak gadai hendaklah bertanggungjawab bagi kehilangan kerosakan apa-apa sandaran tetapi tidak ada peruntukan untuk ganti rugi sekiranya kedai itu terbakar atau kerana kecuaiannya barangan itu terhilang ataupun kerana kecurian atau rompakan itu berlaku. Jadi bagi saya kita kena ada peruntukan bagi ganti rugi kepada mereka yang kehilangan harta benda mereka.

Dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Minta dijemput Yang Berhormat Menteri, Oh! Dato' Hamzah Zainudin.

3.14 ptg.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menghujah sedikit tentang rang undang-undang ini. Selepas mendengar rakan-rakan saya, saya ada sedikit kemusykilan, saya hendak tanya dengan kementerian tentang undang-undang ini. Jika sekiranya seseorang itu menggadaikan barangan mereka, sudah tentu mereka dikenakan *interest* seperti yang disampaikan oleh rakan-rakan tadi. Katalah dan satu soalan tadi mengatakan dan sepatutnya ada *valuer* untuk menentukan harga barangan tersebut. Katakan harga itu RM20,000, dan daripada RM20,000 itu dia boleh dapat - saya tidak tahu berapa-berapa peratusan seharusnya boleh diterima - katalah 50%. Jadi dia

boleh terima RM10,000 dan *interestnya* 2%. Saya juga hendak tanya kementerian berapa lamakah tempoh yang boleh diberikan untuk mereka yang menggadaikan barang ini untuk menebus kembali? Katalah 2% sehingga satu tahun dan orang itu tidak boleh bayar lagi dalam masa setahun. Bolehkah diberi *rollover* sekali lagi walaupun harganya tadi telah pun melebihi had harga yang sepatutnya diberikan kalau ada limit untuk seseorang memberikan jumlah gadaian kepada penggadai tadi? Jadi saya musykil bila mendengar rakan-rakan tanya sebab itu saya hendak bertanyakan soalan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingin menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan menggulung.

3.16 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada enam senator yang sudi membahaskan rang undang-undang ini dan semua pandangan bagi saya adalah tepat dan juga cukup. Dari segi *contents* ia adalah sangat berguna untuk diberikan kepada kementerian ini untuk ditimbang.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba memberi sedikit jawapan yang saya dapat mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam perbahasan ini. Walaupun saya tidak dapat pastikan menjawab semua yang ditanya itu, saya boleh jawab dalam sesi jawab bila saya menggulung.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas, iaitu jumlah pemegang pajak gadai yang sedia ada. Mengikut angka yang kita dapat daripada pihak negeri di seluruh negara ini dalam jumlah pemegang pajak gadai berlesen dalam tahun 2001 sehingga 2003 ialah 216. Saya ingin menjelaskan di sini sampai masa ini dan setakat ini juga lesen-lesen yang dikeluarkan oleh pihak negeri dan maklumat-maklumat ini tidak juga disampaikan kepada Kementerian apabila sesuatu lesen itu dikeluarkan oleh pihak negeri. Oleh sebab itulah data yang terdapat ini saya tidak dapat memastikan ianya adalah tepat dan betul.

Mengenai jumlah pemegang pajak gadai yang tidak berlesen ini, memang satu perkara yang pihak kementerian langsung tidak ada apa-apa maklumat kerana mereka tidak berlesen. Kita tahulah pihak-pihak yang salah menggunakan pajak gadai ini memanglah mereka tidak melaporkan kepada mana-mana pihak dan itulah sebabnya masalah yang sekarang berlaku ialah banyak pihak yang membuat aduan mengenai cara tindakan yang tidak betul dan secara kekerasan itu daripada *Along* tadi. Oleh sebab itulah antara salah satu sebabnya kita hendak pinda undang-undang ini dan juga kita hendak kontrol atau kita hendak mengawal situasi ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Ali juga menanya, adakah peruntukan tentang tarikh pelesenan dan sebagainya. Yang Berhormat, ini adalah antara perkara-perkara yang kita akan tentukan apabila akta ini sudah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Pihak kementerian akan mengadakan satu peraturan untuk menggubal peraturan-peraturan yang perlu digunakan apabila kita melaksanakan akta yang diluluskan pada hari ini. Maka kerana kita tahu akta ini hanya adalah akta asal dan kita perlu ada peraturan-peraturan yang terperinci dari segi pelaksanaan, dari segi mengeluarkan lesen dan perniagaannya yang perlu teratur dan oleh sebab itu maka peraturan-peraturan perlu ada tetapi buat masa sekarang kita belum dapat menggubal peraturan tersebut.

Namun itulah yang akan digunakan dan seperti pertanyaan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian juga, macam mana kita hendak menilai sandaran itu, semua ini adalah di dalam peraturan yang kita bakal adakan dan kuatkuasakan nanti. Ini juga dalam Akta Ibu yang kita pinda ini memang menteri mempunyai kuasa untuk menggubal peraturan-peraturan yang perlu kita gunakan dalam masa yang akan datang.

Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Muhammad juga menanya mengenai penguatkuasaan dari segi semakin mengejut dan sebagainya di atas sandaran yang sudah dipajak oleh pemegang pajak gadai. Ingin saya memberitahu, buat masa ini kita gunakan Seksyen 22 dan Seksyen 24A dalam akta ini supaya kita gunakan pihak inspektor

dan juga pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas supaya pegawai-pegawai ini akan membuat semakan atas pekedai-pekedai yang ada premis pajak gadai ini supaya mereka mengikut undang-undang yang sedia ada dan juga semua peraturan di bawahnya. Inilah salah satu cara di mana kita akan menentukan akta dan peraturan di bawahnya akan dikuatkuasakan dengan baik dan diikuti oleh pihak industri.

Senator Puan Lim Kee Mui juga menanya mengenai kadar keuntungan dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini akan juga dalam sebahagian peraturan-peraturan yang kita akan gubal nanti, supaya apabila akta ini dikuatkuasakan, kaedah-kaedah untuk kadar keuntungan, kadar faedah dan semua ini akan ditetapkan dalam peraturan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kadar keuntungan buat masa sekarang akan kita tetapkan dalam kadar 2% sebulan dan pihak pemajak gadai ini tidak bolehlah menggunakan apa-apa caj lain atau keuntungan selain daripada faedah yang ditetapkan dalam akta ini.

Mengenai nilai sesuatu sandaran itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan selain daripada peraturan yang kita akan gubal nanti, pihak yang ingin menggadai barang-barang yang bernilai itu, haruslah mereka mengadakan satu persetujuan atau mengadakan satu ketetapan mereka sendiri terhadap nilai tersebut dan apabila perkara ini disampaikan kepada pajak gadai tersebut mereka akan menetapkan nilainya dan kalaulah perkara ini tidak dapat diselesaikan dalam transaksi tersebut, mereka perlu terima hakikat itu atau mereka tidaklah, maknanya dengan nilai harta itu, nilai benda itu perlulah ada sesuatu perkara yang ditentukan oleh orang yang akan memajak gadai harta itu dan tidak boleh iaitu di sini saya hendak sebut juga bahawa tidak boleh dalam transaksi itu, tidak boleh ada tindakan yang tidak bertanggungjawab terhadap harta tersebut iaitu tiket-tiket yang dikeluarkan atau resit yang dikeluarkan oleh pemegang pajak gadai itu, perlu dijadikan satu dokumen yang dapat menentukan nilai dan menentukan bahawa terjadi satu transaksi yang betul dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Ini adalah perkara yang pihak pegawai atau sesiapa pun tidak dapat campur tangan kerana transaksi-transaksi ini adalah antara pihak tuan punya barang dengan pihak kedai yang memegang pajak gadai itu. Oleh sebab itu, apa peraturan yang kita gunakan itu tidak akan menentukan mana-mana transaksi yang cukup bernilainya atau cukup membayangkan apa yang disebutkan dalam transaksi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr Chin Fook Weng dalam perbahasannya ada menyebut perkara rayuan, yang kalaulah lesen itu tidak dapat dikeluarkan oleh pihak pendaftar sama ada si pemohon lesen tersebut dapat membuat rayuan. Yang Berhormat, ini memang di dalam akta, pihak yang tidak diberikan lesen itu atau lesen itu tidak dikeluarkan, pihak yang memohon boleh mengadakan satu rayuan kepada Menteri kerana ini ada di dalam peruntukan dan mereka boleh membuat rayuan. Ini bermakna pihak pendaftar tidak menjadikan atau menentukan sebagai satu pihak yang membuat keputusan yang terakhir mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Lau Yin Pin juga memberikan satu pandangan yang saya rasa adalah amat tepat dan juga perlu kita beri pertimbangan iaitu sama ada yang sedia berlaku adalah setengah-setengah pihak yang membeli tiket pajak gadai ini dan pandangan beliau ialah ini boleh menjadikan satu industri sendiri. Ini memang kita setuju. Oleh sebab itu, dalam pindaan kali ini dalam peruntukan ini adalah satu kesalahan bagi mana-mana pihak yang membeli tiket pajak gadai ini daripada mana-mana yang cuba hendak jualnya, digalak untuk dijual.

Oleh sebab itu, kita haraplah dengan adanya pindaan kali ini, perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lau Yin Pin tadi akan dihapuskan atau kalaulah dapat, sebab sebelum ini, ini bukan menjadi satu kesalahan sebab kita sudah menggunakan, memperuntukkan perkara ini sebagai satu kesalahan yang besar maka kita boleh membendung perkara-perkara ini yang sekarang dianggap sebagai dipraktikkan dengan berleluasa dan tidak menguntungkan mana-mana pihak, terutamanya kita difahamkan pihak kedai emas ini sering kali menggunakan cara ini atau kaedah ini untuk mendapatkan keuntungan yang memang berlebihan dan ini menjadikan satu perkara yang memang akan merosakkan industri pajak gadai.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh bayaran yang disebutkan tadi adalah di dalam pindaan akta ini, kita sudah menetapkan Seksyen 18, tempoh untuk menebus balik pajakan ialah dalam tempoh 6 bulan. Jumlah yang boleh dipinjam dari pajak gadai ini ialah RM10 ribu sahaja. Ini adalah sebab kita tidak ingin melihat pihak yang meminjam ini kerana kita tahu pihak yang meminjam dari segi pajak gadi ini ialah pihak-pihak yang ingin hendak dapatkan wang secara *informal* atau secara dalam tempoh masa yang pendek dan bukan ada satu pinjaman yang agak panjang.

Oleh sebab itu, maka pihak yang meminjam secara pajak gadai ini, kita rasa 6 bulan adalah satu tempoh yang agak munasabah dan tidak membenarkan pinjaman ini untuk diteruskan sahaja atau seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah tadi iaitu *roll over*. Sebab, dengan izin, *this is a short term loan*, sebab itulah kita hadkan masanya dari sesuatu pinjaman dan kalaulah ingin hendak lanjutkannya iaitu hanya boleh 3 bulan sahaja, tidak boleh kita menggunakan cara *roll over* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak sebutkan di sini, kita harap dengan adanya pindaan Akta Pemegang Pajak Gadai ini, walaupun ada Ahli Yang Berhormat sekalian ingin perkara ini dibawa ke Kementerian Kewangan sebagai kementerian yang bertanggungjawab atas akta ini, buat masa sekarang pihak kerajaan belum membuat keputusan seperti itu tetapi kita haraplah dengan adanya satu sistem atau satu cara pajak gadai yang lebih sistematik dengan adanya undang-undang dan adanya penguatkuasaan yang cukup, industri ini boleh dilihat sebagai satu industri yang sihat dan memberi peluang kepada pihak yang berpendapatan rendah untuk meminjam wang dengan senang dan secara *informal* dan cepat, sebab itulah buat masa sekarang ini Akta Pajak Gadai ini dipindahkan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN PENGGUBAHAN WANG HARAM (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Penggubahan Wang Haram (Pindaan) 2003.

Isu keganasan antarabangsa telah menjadi satu isu keutamaan global sejak beberapa insiden keganasan kebelakangan ini. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah memainkan peranannya dalam menangani isu ini dengan menggesa negara-negara anggotanya untuk menerima, meluluskan dan menyertai 12 instrumen yang berkaitan dengan keganasan terutamanya, dengan izin, International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism. Sebelum ini tiada peruntukan khusus bagi menangani kesalahan pembiayaan pengganas, melainkan melalui kesalahan berat di bawah Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, ia dianggap tidak begitu menyeluruh dan satu pindaan yang merangkumi takrif dan bidang kesalahan pembiayaan pengganas yang khusus adalah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 adalah digubal bagi membolehkan Malaysia memenuhi obligasinya di bawah konvensyen menurut keputusan Jemaah Menteri bertarikh 29 Januari 2003. Pada asasnya, pindaan undang-undang ini akan meluaskan bidang kuasa akta bagi mengadakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perlucuthakkan harta pengganas dan harta yang terlibat atau diperolehi daripada pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai pengganas.

Di samping itu, pindaan ini akan mengemaskinikan beberapa peruntukan asal bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan akta ini. Secara khususnya, pindaan akta akan menjadikan pembiayaan kegiatan keganasan kesalahan di bawah undang-undang Malaysia. Di samping itu, peruntukan pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengadakan mekanisme pengawasan, pemantauan dan kawal selia yang sewajarnya selaras dengan kehendak konvensyen dan resolusi Majlis Keselamatan PBB. Dalam hal ini, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua, untuk membenteng Rang Undang-undang Pencegahan Wang Haram (Pindaan) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 24 fasal untuk membolehkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan pembiayaan pengganas. Secara ringkasnya, antara fasal-fasal yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

- **Fasal 1** - mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003;
- **Fasal 2** - bertujuan untuk membina tajuk panjang Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 akta untuk meluaskan skop pemakaian akta untuk merangkumi kesalahan membiayai keganasan dan harta pengganas;
- **Fasal 3** - bertujuan untuk meminda subseksyen 1(1) akta untuk meminda tajuk ringkas. Selepas pindaan, akta akan dikenali sebagai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001;
- **Fasal 5** - bertujuan untuk meminda Seksyen 10 bagi menjelaskan keadaan-keadaan yang membolehkan pertukaran penzahiran maklumat mengenai transaksi mencurigakan dengan suatu pihak berkuasa yang bersamaan di negara asing;
- **Fasal 7** - bertujuan untuk meminda perenggan 14(a) akta bagi mengasingkan kehendak nilai ambang pelaburan daripada kehendak nilai ambang penyimpanan rekod di bawah Seksyen 13 akta;
- **Fasal 8** - bertujuan untuk meminda subseksyen 32(7) akta untuk menghendaki kenyataan yang dibuat di bawah perenggan 32(2)(a) diubah ke dalam bentuk tulisan bagi memudahkan pendakwaan ke atas orang-orang yang berkaitan;

- **Fasal 9 hingga 21 dan Fasal 23** - bertujuan untuk meminda Seksyen-seksyen 44, 45, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 55, 56, 59, 61 dan 67 akta bagi tujuan meluaskan kuasa untuk membekukan, menyita dan melucuthakkan harta dan kuasa sampingan lain kepada harta yang digunakan dalam perlakuan kesalahan membiayai keganasan dan kepada harta penganas;
- **Fasal 22** bertujuan untuk memasukkan satu bahagian baru 6A iaitu Seksyen 66A hingga 66F bagi membolehkan entiti tertentu diisytiharkan sebagai penganas dan harta mereka dibekukan, disita dan dilucuthakkan. Bahagian baru 6A akan mengandungi peruntukan-peruntukan berikut:-
 - **Seksyen 66A** mentakrif ungkapan entiti ditetapkan perbuatan keganasan pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan;
 - **Seksyen 66B** memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk menetapkan mana-mana entiti yang memenuhi syarat sebagai entiti penganas atau entiti ditetapkan;
 - **Seksyen 66C** memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk melaksanakan mana-mana langkah yang dikenakan oleh Majlis Keselamatan PBB melalui resolusinya yang dibuat menurut Artikel 41 Piagam PBB melalui perintah yang disiarkan dalam warta;
 - **Seksyen 66D** memberi Menteri Dalam Negeri kuasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta untuk mengehendaki mana-mana pihak untuk menentukan sama ada mereka memegang atau mengawal harta penganas atau harta yang dipunyai atau dikawal oleh atau bagi pihak mana-mana entiti yang ditetapkan;
 - **Seksyen 66E** mengadakan peruntukan bagi maksud Bahagian VIA tersebut, pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan boleh mengeluarkan arahan atau garis panduan kepada institusi di bawah kawal selianya atau pengawasannya untuk menunaikan obligasi yang mengikat Malaysia menurut kuasa sesuatu keputusan Majlis Keselamatan PBB;
 - **Seksyen 66F** adalah fasal kecualian bagi perintah sedia ada yang dibuat di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 untuk terus berkuasa dan berkesan dan disifatkan telah dibuat dengan sah di bawah Seksyen 66C.
- Fasal 24 bertujuan untuk meminda subseksyen 82(1) untuk menambah alasan tambahan bagi melaksanakan bidang kuasa jenayah luar Wilayah dan beberapa pindaan kecil dan berbangkit yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Mohon maaf Yang Berhormat, saya tidak nampak. Saya hendak panggil Yang Berhormat.

3.55 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bersedialah. Selepas ini, saya beri kepada Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram: [*Menganggukkan kepala*]

Dato' Dr. S. Vijayaratnam:untuk berbahas rang undang-undang D.R. 41/2003. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan di atas tindakan yang diambil melalui cadangan meminda.....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kita kurangkan syabas, tahniah, terima kasih, kita boleh banyak memendekkan masa.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Okey. Tuan Yang di-Pertua, kami harus mengakui bahawa keadaan stabil dan tenang di Malaysia tidak akan wujud tanpa kerjasama semua lapisan masyarakat. Sama ada pihak penguat kuasa undang-undang, jabatan-jabatan kerajaan, rakyat jelata, sektor korporat dan niaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta menumpukan kepada sektor akhir yang disebut di atas iaitu *business sector* dengan izin, dan keperluan kerjasama mereka di dalam perang menghadapi keganasan termasuk cara-cara mengenal pasti wang haram yang dapat dibasuh menjadi wang bersih atau wang sah.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman moden ini dengan hanya menekan butang komputer sahaja, berjuta-juta ringgit boleh dipindahkan daripada akaun bank di satu negara contohnya Amerika Syarikat ke akaun bank di negara lain, misalnya di Malaysia. Saya mengakui begitu sukar mengejar duit dari sumbernya ke sasaran atau penerima akhir di satu dunia era global tanpa sempadan. Di mana-mana pun, pada pengembaraan wang haram tersebut, ia dapat diberhentikan, dicampurkan dengan wang akaun sah yang dianggap bersih dan digunakan untuk tujuan keganasan atau aktiviti-aktiviti jahat seperti jenayah.

Maka, di dalam perang menentang *terrorism*, kerajaan harus berhati-hati di atas pengurusan urus niaga kewangan, khasnya daripada dan kepada negara asing. Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang begitu teliti dan komprehensif untuk mencegah dan menghentikan kegunaan wang untuk tujuan keganasan termasuk di dalam pindaan Seksyen 10 mengenai penzahiran kepada pihak berkuasa yang bersamaan negara asing. Saya sukacita juga mengambil perhatian bahawa perkataan-perkataan yang ada sebut keganasan, dicadangkan masuk dalam akta asal di Seksyen 2, 12, 44, 45 dan juga Seksyen 47 hingga 61 tetapi saya berasa bimbang sedikit di atas Seksyen 66B di mana Menteri Dalam Negeri diberi kuasa-kuasa tertentu untuk mengambil tindakan di atas maklumat yang disampaikan oleh pegawai polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap penerangan yang diberi oleh pihak polis akan begitu tepat dan kena. Kekhawatiran juga dirakamkan oleh jurukira-jurukira ataupun *accountants* dengan izin, di Malaysia mengenai orang-orang yang disyaki terlibat di dalam pembiayaan keganasan. Perlakuan ini harus dibuktikan dengan butir-butir yang betul dan jati. Jangan pula undang-undang baru ini dipakai oleh pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan orang yang tidak berdosa dengan aduan-aduan dan tuduhan-tuduhan palsu. Kadangkala untuk membalas dendam ataupun *vindictiveness* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun wang yang diuruskan oleh mereka boleh jadi duit haram tetapi untuk dikira satu kesalahan yang berkenaan, mesti tahu wang tersebut datang dari punca-punca yang tidak dapat ditentukan, *questionable sources* dengan izin, ataupun profesional-profesional tersebut tahu duit itu akan disalurkan untuk kegunaan pengganas. Saya kawatir bahawa jika undang-undang kita begitu kuat dan sempit dengan tiada ruang untuk *flexibility* dengan izin, Bank Negara akan curiga di atas banyak urus niaga kewangan. Akibatnya yang betul dan jujur pun akan terjejas.

Pelabur-pelabur asing dan tempatan akan enggan menjalankan perniagaan di negara kita. Tambahan pula, ada kewujudan kemungkinan bahawa jurukira-jurukira yang tidak bersalah dituduh dengan akibat yang kurang memuaskan. Kita harus berwaspada tetapi dengan tidak terlampau. Saya harap sebelum seseorang dikira bersalah dan didakwa, siasatan yang begitu penuh dan teliti akan dijalankan.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong akta tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram.

3.58 ptg.

Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram: *Bismillahir Rahmaanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang yang dinamakan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 atau Anti Money Laundering (Amendment) Act 2003, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit ulasan terhadap undang-undang yang telah dibentangkan sebentar tadi. Labuan telah diisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa pada tahun 1990. Semenjak itu, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi galakan serta sokongan dari segi ekonomi dan sosial bagi membangunkan Industri Kewangan Luar Pesisir di Labuan, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 sebagai pusat kawalan sehentian bagi memudahkan para pelabur antarabangsa menjalankan perniagaan mereka di Labuan.

Kerajaan Persekutuan dan LOFSA sentiasa komited terhadap langkah-langkah untuk menangani aktiviti pengubahan wang haram dan berkeyakinan terhadap kesedaran dan kefahaman yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat luar pesisir Labuan mengenai pengubahan wang haram. Antaranya ialah pembangunan dari segi perundangan tempatan dan antarabangsa mengenai pengubahan wang haram; pandangan menyeluruh mengenai tahap pematuhan antarabangsa bagi menangani pengubahan wang haram; garis panduan bagi melaksanakan program pematuhan secara efektif; tahap kemampuan bagi meminimumkan risiko pengubahan wang haram; serta aktiviti penipuan kewangan; pelaksanaan langkah-langkah pengubahan wang haram untuk melindungi Institusi Kewangan Luar Pesisir; dan risiko pengubahan wang haram dan penipuan kewangan.

LOFSA sentiasa memberi fokus terhadap tahap pengurusan yang cekap oleh semua Institusi Kewangan Luar Pesisir di Labuan. Ini termasuklah dengan melaksanakan undang-undang berkaitan serta garis panduan bagi mempromosikan perjalanan pengurusan yang mahir dan efektif, selain melaksanakan kajian serta mengambil tindak balas terhadap pembangunan semasa. Ini termasuklah kajian terbaru mengenai 40 cadangan oleh Financial Action Task Force (FATF) dan lapan cadangan tambahan mengenai pembiayaan pengganas selain daripada keperluan yang ada di dalam Akta Anti Pengubahan Wang Haram 2001 iaitu AMLA.

Labuan IOFC yang terletak di tengah-tengah Asia Pasifik secara langsung menjadikan ia kelebihan selaras dengan pertumbuhan ekonomi di rantau ini. Kunci bagi pertumbuhan yang memberangsangkan terdapat di Labuan antaranya dasar ekonomi yang cekap; sektor swasta yang dinamik; polisi kewangan yang proaktif; imbalan luaran yang kukuh; tahap simpanan yang tinggi; serta tenaga buruh yang produktif dan fleksibel.

Langkah-langkah terhadap anti pengubahan wang haram telah termaktub dalam struktur undang-undang Luar Pesisir Labuan dan akan diperkukuhkan lagi dengan adanya langkah-langkah tambahan seperti yang terdapat di dalam Anti Money Laundering Act (AMLA). AMLA juga telah melaksanakan satu pelaburan mandatori kepada pelbagai institusi kewangan termasuk institusi kewangan luar pesisir di Labuan untuk melaporkan transaksi yang mencurigakan kepada lembaga yang berkeelayakan di bawah AMLA iaitu Bank Negara Malaysia.

Untuk langkah-langkah pencegahan pembiayaan pengganas, LOFSA telah mengeluarkan surat pekeliling bagi membekukan dana berkaitan dengan aktiviti pengganas

kewangan selaras dengan Resolusi UNHCR No. 1267/1999. LOFSA juga sentiasa memberi senarai terkini negara-negara dan wilayah yang tidak bekerjasama atau NCT yang dikeluarkan oleh Financial Action Task Force kepada institusi kewangan luar pesisir supaya mereka berhati-hati semasa menjalankan perhubungan dengan entiti tersebut.

LOFSA juga sentiasa membincangkan aliran terkini mengenai aktiviti perubahan wang haram dan pelaksanaan AMLA dengan 12 agensi penguat kuasa dan penyeliaan melalui penglibatan di dalam Jawatankuasa Koordinasi Kebangsaan Dalam Perubahan Wang Haram atau NCT yang diketuai oleh Bank Negara Malaysia. LOFSA juga telah memulakan secara perundingan dengan Institusi Kewangan Luar Pesisir di Labuan di mana perbincangan mengenai perkembangan terkini mengenai pelaksanaan AMLA serta inisiatif lain bagi memperkukuhkan tindakan mengenai perubahan wang haram serta pembiayaan penganas.

Walaupun kesedaran mengenai anti perubahan wang haram adalah penting dalam Labuan IOFC, kerjasama di antara institusi kewangan di Labuan adalah perlu bagi membantu penyiasatan mengenai aktiviti tersebut. Ini merupakan salah satu proses yang penting yang amat dihargai oleh penguat kuasa undang-undang dalam isu menangani perubahan wang haram di rantau ini.

Merujuk kepada rang undang-undang yang telah dibentangkan sebentar tadi, saya memberi sokongan penuh kepada Kerajaan Persekutuan bagi cadangan meminda Anti Money Laundering Act kerana ianya akan:

- (i) mencerminkan kesungguhan Kerajaan Persekutuan bagi memperkukuhkan lagi tahap kawal seliaan terhadap perubahan wang haram dan memerangi aktiviti pembiayaan penganas;
- (ii) dapat memberi satu pengiktirafan kepada negara dari masyarakat kewangan antarabangsa mengenai ketelusan kerajaan bagi membanteras kegiatan perubahan wang haram;
- (iii) dapat menghindari sistem perbankan tempatan dan luar pesisir negara dari disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab;
- (iv) dapat memperkukuhkan undang-undang domestik dan luar pesisir dalam memerangi masalah berhubung perubahan wang haram dan pembiayaan penganas;
- (v) dapat menambahkan lagi keberkesanan AMLA;
- (vi) dapat mempromosikan kerjasama antarabangsa serta bertukar-tukar maklumat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perubahan wang haram dan pembiayaan penganas;
- (vii) memberi kuasa kepada pihak berkuasa pergi menyiasat perkara yang berkaitan dengan perubahan wang haram dan pembiayaan penganas;
- (viii) dapat menangani kesalahan pembiayaan kewangan dan pembekuan rampasan dan perlucutan harta penganas.

Dengan ini Labuan dan Malaysia secara amnya akan mematuhi sepenuhnya 40 cadangan oleh Financial Action Task Force (FATF) dan lapan cadangan tambahan untuk memerangi penganas kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Jemput Datuk Dayang Mahani.

4.08 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahas Rang Undang-undang Akta Pencegahan Perubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini sudah banyak kedengaran tentang aktiviti keganasan yang dibiayai oleh sesebuah pertubuhan. Umpamanya serangan 11 September ke atas World Trade Center di New York, dengan izin, yang mengorbankan lebih daripada 3,000 nyawa dikaitkan dengan pertubuhan Al-Qaeda yang mana pemimpinnya Osama bin Laden merupakan seorang jutawan daripada Arab Saudi yang mempunyai aset di pelbagai negara.

Selain itu, pertubuhan ini juga disabitkan dengan pengeboman pejabat kedutaan Amerika di Algeria yang turut meragut beberapa nyawa manusia. Di bahagian Asia Tenggara pula beberapa pertubuhan juga dikaitkan dengan aktiviti keganasan, antaranya Jemaah Islamiah juga yang dikaitkan dengan pengeboman di Bali, di Hotel J.W. Marriot di Jakarta. Di Malaysia juga pelbagai pertubuhan telah dikenal pasti antara yang ingin menggunakan keganasan dan kekerasan untuk menjatuhkan kerajaan seperti Al-Ma'unah dan KMM.

Malah pertubuhan-pertubuhan ini dikesan berkemungkinan mempunyai kaitan dengan pertubuhan Al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden. Selain daripada itu baru-baru ini sebuah akhbar dari Australia pula cuba mendakwa bahawa seorang bekas pemimpin negara iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim dikatakan mempunyai kaitan dengan sebuah institut pemikiran Islam di Amerika yang dikatakan menjana aktiviti keganasan. Namun begitu perkara ini masih berada di bawah siasatan pihak berkuasa dan kita tidaklah boleh membuat sebarang spekulasi sehinggalah pihak berkuasa menemui jawapannya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pelbagai peristiwa yang berlaku di dunia pada masa kini, apa yang dapat kita rumuskan bahawa setiap keganasan ini mempunyai pembiayaan sendiri, pembiayaan keganasan ini sudah pastilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, jika tidak masakan mereka ini boleh membekalkan senjata, bom untuk digunakan oleh pihak pengganas menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Sebagai langkah pencegahan dan pengawalan, pendekatan yang digunakan oleh kerajaan iaitu dengan memasukkan skop baru. Ini dalam akta yang kita bahaskan pada hari ini, iaitu dalam Fasal 8 amatlah bertepatan dengan senario yang melanda dunia sekarang.

Kita tidak mahu ada di kalangan pertubuhan dalam negara ini menjana aktiviti-aktiviti keganasan ataupun bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain yang menjana keganasan. Sekiranya ini berlaku sudah tentulah kita sepatutnya mengenakan tindakan keras ke atas pertubuhan-pertubuhan tersebut ataupun membekukan setiap aset yang mereka miliki supaya mereka tidak lagi dapat membiayai aktiviti-aktiviti keganasan. Cuma soalan saya sejauh manakah keberkesanan pindaan ini dengan wujudnya akta kerahsiaan untuk melindungi hak pelanggan apabila seseorang itu membuat simpanan dalam bank ataupun institusi kewangan.

Walaupun kebanyakan aktiviti keganasan pada masa kini sering kali dikaitkan dengan orang-orang Islam, tetapi salah satu keganasan terbesar dalam sejarah dunia sebenarnya adalah pencerobohan pihak Yahudi Israel ke atas bumi Palestin. Kita tidak nampak kenapa pencerobohan ini tidak dikatakan sebagai aktiviti keganasan terutamanya oleh pihak PBB sendiri. Sedangkan ramai warga Palestin telah menjadi mangsa kekejaman pihak Yahudi Israel sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Apa yang pasti juga ialah aktiviti-aktiviti keganasan yang dilakukan oleh pihak Yahudi Israel ini secara terang-terangnya dibiayai oleh salah sebuah negara besar dunia yang juga secara terang-terang kononnya menentang keganasan.

Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada pihak kerajaan jangan sahaja menubuhkan atau menumpukan usaha ke atas aktiviti keganasan yang berlaku di sekitar rantau ini, tetapi juga menerusi usaha kita yang selama ini berjaya menarik perhatian dunia untuk membantu membebaskan bumi Palestin daripada cengkaman Yahudi Israel. Sebagai pengerusi pertubuhan negara-negara Islam atau singkatnya OIC untuk tiga tahun, adalah menjadi harapan bukan sahaja rakyat Malaysia dan rakyat negara-negara OIC,

tetapi juga harapan seluruh umat Islam di seluruh dunia untuk melihat Malaysia berupaya mencari penyelesaian secara adil di atas isu Palestin dan juga isu-isu lain yang berkaitan dengan dunia Islam terutamanya keganasan.

Justeru itu saya ingin membawa seluruh rakyat Malaysia agar sentiasa berganding bahu dan bekerjasama dengan kerajaan dalam menentang apa jua aktiviti keganasan yang dilakukan, tidak kira ianya berlaku di dalam negara ini mahupun di luar negara. Kerana keganasan juga adalah sama iaitu membinasakan kesejahteraan hidup penduduk dunia ini. Dengan kata-kata yang sedemikian saya menyokong semua pindaan dalam akta ini terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Silakan Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.15 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada satu perkara yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan pindaan kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 ini. Tadi kita telah meluluskan Kanun Keseksaan dan ini adalah berterusan daripada apa keputusan yang dibuat itu. Perkara yang saya ingin bangkitkan ialah tentang Seksyen 82(1) dan ada satu tambahan subseksyen (e) iaitu bagi penambahan alasan bagi melaksanakan bidang kuasa jenayah luar Wilayah. Ada disebutkan dalam subseksyen ini bahawa orang yang melakukan terhadap harta kepunyaan Kerajaan Malaysia yang terletak di luar Malaysia termasuk premis diplomatik atau konsular Malaysia boleh bersabit kesalahan.

Saya hanya ingin tahu bagaimana kita melaksanakan peruntukan ini, kerana setahu saya, ingin mengekstradisasikan seseorang itu membawa satu masalah yang besar kepada negara khasnya kalau kita tidak ada perjanjian bersama mereka. Jadi adakah resolusi yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu itu juga ada ruang bagi kita mengambil tindakan yang sedemikian dengan jelas dan dengan mudah, supaya usaha kita jangan kecewa kerana tidak ada perjanjian dengan negara-negara tertentu, di mana keganasan telah berlaku kepada premis Kerajaan Malaysia itu, dan dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong pindaan-pindaan tersebut. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih ada lagi? Tidak ada. Kalau tidak ada saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menggulung.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Saya mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah menjadi obligasi Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan resolusi yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan pelaksanaan akan dibuat dengan menggunakan peruntukan undang-undang yang telah sedia ada sebagai asas perundangan, contohnya Kanun Keseksaan, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1993, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dan sebagainya.

Bagi maksud melaksanakan resolusi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkaitan dengan keganasan, yang mana Kerajaan Malaysia dikehendaki membekukan dana atau aset kepunyaan individu atau entiti tertentu, pelaksanaan telah dibuat melalui Akta Kawalan Pertukaran Wang 1993 dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996. Oleh itu pengubahan wang haram mempunyai kesan yang berbahaya kepada perkembangan ekonomi negara seperti mana yang dikatakan oleh semua Ahli Yang Berhormat, antara langkah utama pihak kerajaan untuk mencegah pengubahan wang haram adalah menerusi perubahan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 atau dengan izin *Anti-Money Laundering Act 2001*, yang telah dikuatkuasakan mulai 15 Januari 2002.

Secara ringkas Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 mempunyai tiga ciri yang penting iaitu:-

- pertama, memperuntukkan pengubahan wang haram sebagai salah satu jenayah ataupun kesalahan yang berat;
- kedua, menggariskan peruntukan bagi mengesan dan mencegah pengubahan wang haram; dan
- ketiga, menyediakan peruntukan bagi pembekuan, penyitaan dan pelucuthakkan hasil daripada aktiviti pengubahan wang haram dan kegiatan jenayah.

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 menyenaraikan sejumlah 150 kesalahan daripada 23 perundangan sebagai kesalahan berat. Jika disabitkan kesalahan, penjenayah boleh didenda tidak melebihi RM5 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 juga memperuntukkan kuasa kepada agensi penguat kuasa untuk menyita, membeku dan melucuthakkan hasil daripada kegiatan jenayah yang terbabit.

Untuk melaksanakan peruntukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 Menteri Kewangan telah melantik Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa berwibawa. Selaras dengan pelantikannya, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Unit Perisikan Kewangan untuk menjalankan fungsinya sebagai pihak berkuasa berwibawa. Untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras peringkat kebangsaan bagi membanteras pengubahan wang haram atau NCC pada April 2000. NCC terdiri daripada 13 kementerian dan agensi kerajaan yang berkenaan dengan Bank Negara Malaysia sebagai agensi peneraju. NCC bertanggungjawab untuk merangka dan memastikan pelaksanaan polisi untuk membanteras kegiatan pengubahan wang haram dalam negara ini. Jadi oleh itu setiap agensi yang terlibat bertanggungjawab untuk menjalankan penyeliaan, menyediakan maklumat dan melaporkan perkembangan dan pelaksanaan keputusan-keputusan yang terhasil dari Mesyuarat NCC yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam telah menanyakan bagaimana Bank Negara Malaysia bekerjasama dengan sektor perniagaan atau *business sector* di bawah amalan ini. Bank Negara Malaysia bekerjasama dengan pegawai-pegawai pematuhan dari institusi pelabur menerusi sesi taklimat dan dialog yang dilakukan secara berterusan mengenai pelaksanaan obligasi dalam Pelaporan Institusi Pelapor seperti mana yang diperuntukkan dalam Bahagian Empat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram. Di samping itu Bank Negara Malaysia juga turut mengeluarkan pekelling bagi memastikan obligasi-obligasi tersebut dipenuhi.

Selain itu Jabatan Penyeliaan Perbankan yang merupakan salah satu jabatan dalam Bank Negara Malaysia diberi tugas untuk mengawal selia pematuhan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 oleh institusi-institusi kewangan. Penyeliaan ini dijalankan melalui pemeriksaan *on site* dan penemuan pemeriksaan yang dikendalikan akan dibincangkan dengan pegawai-pegawai pematuhan bagi memastikan langkah-langkah yang perlu dan sewajarnya diambil ke atas institusi kewangan yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' juga telah menanyakan bagaimanakah menentukan sama ada satu transaksi yang *suspicious* atau mencurigakan dilaksanakan. Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan beberapa garis panduan kepada institusi perbankan, insurans dan pengurup wang bagi mengenal pasti transaksi-transaksi yang mencurigakan. Di samping itu institusi-institusi pelabur juga diwajibkan membuat program pematuhan di mana setiap kakitangan dilatih untuk mengenali transaksi-transaksi yang mencurigakan. Selain itu Bank Negara Malaysia turut berkongsi *red flag* - dengan izin - unsur-unsur yang perlu diberi perhatian dengan pegawai-pegawai institusi pelapor semasa sesi taklimat dan juga dialog.

Yang Berhormat juga telah menanyakan kemungkinan salah guna Seksyen 66B yang menganiayai orang yang tidak bersalah. Kerajaan sedar akan keberkesanan kuasa

yang diberikan kepada Menteri Dalam Negeri di bawah Seksyen 66B. Kuasa Seksyen 66B akan dilaksanakan mengikut undang-undang dan berlandaskan bukti siasatan dan risikan sepenuhnya. Pada hakikatnya orang tidak akan ditetapkan di bawah Seksyen 66B sebagai penganas kecuali terdapat keterangan yang mencukupi mengenai penglibatannya dalam kegiatan yang sedemikian.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram telah menyatakan dengan panjang lebar mengenai Akta Pengubahan Wang Haram ini dan dalam pindaan kali ini salah satu unsur yang kita masukkan ialah mengenai keganasan. Tindakan berhubung pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan harus mengambil kira 40 FATF, *Recommendation on Money Laundering* dan 8 FATF, *Special Recommendation on Terrorist Financing*. Oleh itu pihak Bank Negara Malaysia dan LOFSA amat peka tentang kehendak dan syor-syor FATF berkenaan dan telah mengambil tindakan sewajarnya untuk melaksanakan kehendak-kehendak tersebut.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae telah menyatakan sokongannya terhadap tindakan untuk membanteras aset mencegah pembiayaan keganasan tetapi tidak pasti akan keperluan kerahsiaan yang melindungi hak pelanggan. Pada hakikatnya kebanyakan negara bersetuju bahawa demi membanteras jenayah berat termasuk keganasan, kerahsiaan bank ataupun *banking secrecy* tidak boleh dijadikan satu-satunya alasan untuk melaksanakan bantahan bersama. Selain daripada itu, kita sebagai Pengerusi OIC akan dapat menyatukan negara-negara Islam dalam membanteras pengubahan wang haram dan juga untuk memperjuangkan penyatuan orang Islam untuk menyokong rakyat Palestin akan diambil tindakan.

Mengenai isu yang berkaitan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung laporan akhbar menyatakan beliau terlibat dalam organisasi yang membiayai keganasan, laporan oleh Televisyen Australia SPB dalam rancangan *late line* yang telah menuduh IIIT (*Triple IT*) yang mana Datuk Seri Anwar merupakan salah seorang dari tiga orang pengarah institut tersebut terlibat dalam membiayai aktiviti keganasan termasuk menyokong *Islamic Jihad*. Laporan itu juga menyatakan bahawa IIIT telah menghantar sejumlah wang dipercayai sebanyak RM300,000 kepada salah seorang anak Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu Nurul Izzah sebagai biasiswa. Bank Negara Malaysia tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat perkara ini kerana ia tidak di bawah bidang kuasanya. Tambahan pula IIIT tidak disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai entiti yang berkaitan dengan Osama bin Laden, Taliban dan Al-Qa'eda. Walau bagaimanapun, pihak polis sedang membuat penyiasatan yang lanjut.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyatakan mengenai mengapa Seksyen 82 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dipinda? Pindaan yang dikemukakan adalah seperti dalam Fasal 24 Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003. Pindaan ini dibuat bertujuan menambah alasan melaksanakan bidang kuasa jenayah di luar Malaysia. Merujuk kepada perenggan baru E dan F, ia bertujuan melindungi segala harta Kerajaan Malaysia di mana jua harta berkenaan berada. Jika kesalahan dilakukan terhadap harta Kerajaan Malaysia tidak kira di mana harta berkenaan berada, mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan membicarakan kes tersebut.

Dato' Dr. Chin Fook Weng juga mengatakan tentang Seksyen 82(1) dan para baru E bagi melaksanakan peruntukan itu untuk extradisi pesalah bukan satu masalah, dan adakah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memberi ruang untuk tindakan yang diambil. Konvensyen Keganasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuk konvensyen *Financing Of Terrorism* ada peruntutannya. Dalam ketiadaan perjanjian extradisi, negara pihak konvensyen boleh menggunakan konvensyen PBB itu sebagai asas bagi sesuatu extradisi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng. Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Kewangan (No. 2) 1968, Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kewangan 2003 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Kewangan (No. 2) 1968, Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Rang undang-undang ini pada asasnya adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2004 untuk melaksanakan keputusan kerajaan yang telah dibuat, yang mana memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut termasuklah langkah cukai dalam Pakej Strategi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 26 fasal yang dibahagikan kepada enam bab seperti berikut.

Bab 1 – Permulaan. Dalam Bab Permulaan terdapat dua fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2003 dan Fasal 2 pula menyatakan rang undang-undang ini adalah bagi meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Kewangan (No. 2) 1968 (Akta 591), Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000 (Akta 1093), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (Akta 543) dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (Akta 445).

Bab 2, pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53). Bab kedua terdiri daripada 18 fasal iaitu Fasal 3 hingga Fasal 20 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967. Fasal 3 menyatakan kuat kuasa pindaan seperti berikut.

Fasal 4, 6, 8, 16, 17(a) dan 19(b) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 12 dan 15 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003.

Fasal 5, 7, 9, 11, 13, 14, 18 dan 20 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2004 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 10 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003, 2004 dan 2005.

Fasal 17(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2001.

Fasal 19(a)(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 September 2003.

Fasal 19(a)(ii) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000, tahun semasa dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 4 adalah mengenai pindaan kepada subseksyen 2, Akta 53 bertujuan untuk menjelaskan lagi yang pendapatan daripada pelupusan aset atau pajakan oleh seseorang atau kepada seseorang menurut suatu skim pembiayaan mengikut prinsip syariah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.

Fasal 5 adalah mengenai pindaan kepada perenggan 6(k) dan 6(m) serta memasukkan perenggan baru 6(o) bagi subseksyen 34, Akta 53.

Pindaan perenggan 6(k) adalah untuk melaksanakan pemberian potongan sehingga maksimum RM300,000 jika seseorang menaja aktiviti seni atau kebudayaan tertakluk kepada penajaan seni atau kebudayaan asing tidak melebihi RM200,000.

Pindaan kepada perenggan 6(m) adalah untuk membenarkan potongan ke atas perbelanjaan yang dilakukan dalam pendapatan akreditasi bagi makmal syarikat atau sebagai badan persijilan. Sementara, perenggan baru 6(o) adalah memberi potongan ke atas perbelanjaan syarikat dalam aktiviti penstandardan antarabangsa yang diluluskan oleh Jabatan Standard Malaysia. Pindaan bertujuan untuk menggalakkan penubuhan makmal dan badan persijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Fasal 6 adalah mengenai pindaan kepada subseksyen 34A, Akta 53 bagi membolehkan syarikat yang mendapat galakan taraf perintis memilih untuk menuntut potongan sekali ke atas perbelanjaan R&D dalam tempoh taraf perintis dalam tahun selepas taraf perintis. Cadangan ini telah diumumkan dalam Pakej Strategi Baru.

Fasal 7 adalah pindaan kepada subseksyen 35, Akta 53 untuk mengemas kini peruntukan sedia ada bagi mengambil kira perbelanjaan R&D dalam menentukan pendapatan penyelarasan.

Fasal 8 adalah pindaan kepada perenggan 36(1)(a) bagi memberi kuasa kepada Menteri menetapkan jenis urus niaga perniagaan yang memerlukan layanan khas agar perniagaan berkenaan tidak terbeban dengan cukai tambahan atau dengan izin, *debts neutrality*, dengan perniagaan sejenisnya.

Fasal 9 adalah mengenai pindaan kepada sub perenggan 39(1)(i), Akta 53 bagi membenarkan potongan sepenuhnya ke atas perbelanjaan keraian berkaitan jualan, sementara perbelanjaan keraian perniagaan yang selainnya diberi potongan 50% bagi maksud pengiraan cukai pendapatan.

Fasal 10 adalah bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru ke dalam Akta 53 bagi melaksanakan pengumuman dalam Pakej Strategi Baru mengenai pelepasan cukai ke atas faedah pinjaman yang dibayar oleh individu bagi membiayai rumah kediaman tidak melebihi RM180,000 seperti berikut.

- (i) RM5,000 untuk tahun taksiran 2003;
- (ii) RM3,000 untuk tahun taksiran 2004; dan
- (iii) RM2,000 untuk tahun taksiran 2005.

Fasal 11 adalah pindaan kepada perenggan 48(2)(a), Akta 53 bertujuan untuk melaksanakan kenaikan jumlah potongan setiap orang anak daripada RM800 kepada RM1,000.

Fasal 12, 13, 14, 15 dan 17 masing-masingnya mengenai pindaan kepada subseksyen 77, 77A, 103, 103A dan 104, Akta 53. Pindaan ini bertujuan melanjutkan masa untuk mengemukakan borang cukai daripada enam bulan kepada tujuh bulan dari tarikh akhir tempoh perakaunan selaras dengan pelaksanaan sistem taksiran sendiri.

Fasal 16 adalah pindaan kepada subseksyen 107C, Akta 53 bertujuan untuk membenarkan pembayar cukai membuat semakan kali kedua ke atas anggaran cukai kena bayar pada bulan kesembilan tempoh asas.

Fasal 18 adalah mengenai pindaan ke atas Perenggan IIA, Jadual 1 kepada Akta 53 bertujuan untuk melaksanakan cadangan menaikkan amaun pendapatan bercukai daripada RM100,000 kepada RM500,000 bagi syarikat yang modal berbayar sebanyak RM2.5 juta dan ke bawah yang boleh dikenakan cukai korporat pada kadar 20%.

Fasal 19 adalah pindaan ke atas Perenggan 27 Jadual 3 kepada Akta 53. Pindaan bertujuan supaya tempoh ke belakang caj pertanian diselaraskan dengan peruntukan hak masa yang hanya membenarkan taksiran dan taksiran tambahan di kebelakangan untuk tempoh enam tahun. Ia juga memberi Menteri kuasa untuk menetapkan apa-apa perbelanjaan modal yang dilakukan oleh seseorang dalam perniagaannya sebagai perbelanjaan pertanian yang layak. Dalam menetapkan perbelanjaan ini, Menteri juga boleh menentukan amaun elaun atau elaun-elaun berkenaan dengan perbelanjaan sedemikian.

Fasal 20 adalah pindaan ke atas Perenggan 28 Jadual 6 kepada Akta 53. Ia bertujuan untuk mengecualikan cukai ke atas pendapatan mana-mana orang yang diperolehi daripada sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia kecuali syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans dan pengangkutan udara serta laut. Pendapatan yang diterima oleh seseorang individu bagi perkhidmatan perusahaan atau pengakreditan program pendidikan francais di institusi pendidikan tinggi dan pendapatan faedah yang diterima oleh seseorang individu berkenaan dengan Bon Merdeka yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bab III pindaan kepada Akta Kewangan 2 tahun 1998, Akta 500 (1). Bab III terdiri dari satu fasal iaitu Fasal 21 bertujuan bagi membelakangkan tarikh kuat kuasa layanan cukai ke atas *actual surplus* dengan izin, yang dipindahkan kepada dana pemegang saham syarikat insurans daripada tahun taksiran tahun 1998 kepada tahun taksiran tahun 1995.

Bab keempat pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan pindaan 2000, Akta 1000 1993. Bab keempat terdiri daripada satu fasal iaitu Fasal 22 bagi mengambil kira penerbitan cukai bagi cukai pengiraan baki kredit terdekat 31 Disember 2000.

Bab V pindaan kepada Akta Petroleum, cukai pendapatan tahun 1967, Akta 543. Bab V terdiri dari satu fasal iaitu Fasal 23 bagi memberi potongan sebanyak 50% ke atas perbelanjaan keraian bagi maksud pengiraan cukai pendapatan. Pindaan bertujuan membantu syarikat mengurangkan kos perniagaan.

Bab VI pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan tahun 1990, Akta 445. Bab keenam terdiri dari dua fasal iaitu Fasal 25 dan Fasal 26. Fasal 25 bertujuan untuk memberi potongan cukai kepada syarikat luar pesisir di atas bayaran zakat sementara Fasal 26 adalah pindaan berbangkit daripada pindaan di Fasal 25. Potongan cukai hanya diberikan jika bayaran zakat ini dibuktikan melalui resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Agama Islam Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1997, Akta Kewangan 2 1998, Akta Cukai Pendapatan pindaan 2000, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Sila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.46 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2003 ini, saya juga mengambil perhatian

bahawa ini adalah akibat daripada kelulusan bajet yang kita telah bahaskan empat hari dan ini diperlukan untuk membuat penyelarasan berbangkit daripada keputusan-keputusan yang kita telah buat pada hari yang saya sebutkan. Jadi tidak payah kita membincangkan panjang lebar peruntukan-peruntukan seperti yang telah dicadangkan kerana kita telah memberi semua alasan yang kita mahu semasa kita membahaskan bajet itu. Bagi saya hanya ada satu pertanyaan yang saya lupa tanya pada hari yang lalu iaitu berkenaan dengan Bon Merdeka kerana ramai daripada ahli kita juga berminat dalam perkara ini kerana Bon Merdeka menjaga kepentingan warga tua iaitu yang khas akan membantu warga tua kerana faedah-faedah yang boleh diterima dalam simpanan dalam bank itu sudah banyak berkurang.

Oleh sebab itu maka kerajaan telah menggalakkan supaya pelaburan di Bon Merdeka itu diberi pengecualian dari pendapatan faedah. Jadi saya ingin tahu dalam perkara ini, adakah sambutan yang menggalakkan daripada warga tua kita dan kalau tidak begitu baik, bagaimana kita boleh membantu supaya menggalakkan lebih ramai orang mengambil bahagian dalam pelaburan dengan bon ini. Adakah kerajaan juga bercadang pada masa akan datang supaya meningkatkan lagi faedah dan juga kemudahan-kemudahan yang boleh didapati daripada bon ini.

Kalau ini boleh dibuat, mungkin itu akan membantu pihak-pihak warga tua ini yang ramainya mungkin bergantung kepada pencen yang begitu kecil sahaja dan juga perbelanjaan seharian itu makin lama makin naik dan mereka telah menghadapi banyak kesulitan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian? Kalau tidak ada, saya ...

4.50 ptg.

Dato' Lau Yin Pin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Seperti Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, saya ingat semua perkara yang disebutkan dalam rang undang-undang ini telah pun kita meneliti semasa kita membahaskan Bajet 2004, dan saya ingat tidak payah lagi kita bercakap panjang lebar lagi di sini, dan dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.51 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Dato' Lau Yin Pin. Baguslah ada peluang untuk Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan isu yang terlupa. Jadi, untuk Bon Merdeka ini, ia akan dimulakan pada 2 Januari 2004 dan akan tamat pada 31 Januari 2004 dan akan melalui semua bank komersial di Malaysia. Ini adalah untuk warga tua kita yang berumur 55 tahun ke atas, dan mereka boleh membeli bon bernilai minimum RM1,000 dan maksimum RM100,000 dengan faedah lima peratus. Jadi, pada masa sekarang, kita tidak tahu macam mana kesedaran warga tua mengenai bon ini.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Warga emas!

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Warga emas? Okay. walau pada pandangan saya umur 55 tahun bukan warga tua lagi.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tidak tua lagi.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Yes.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya belum tua.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Patut 75 tahunlah. Tuan Yang di-Pertua, jadi bank-bank yang mengambil bahagian ini akan membuat promosi secara meluas untuk memberi kesedaran kepada warga emas Malaysia kita. Dengan itu, sekian dan terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN AHLI FARMASI (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.54 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 disemak tahun 1989 telah digubal untuk mengawal perihal pendaftaran ahli farmasi. Seseorang graduan farmasi dikehendaki menjalani tempoh latihan siswazah (*housemanship*) di institusi yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia selama sekurang-kurangnya satu tahun. Setelah tamat tempoh latihannya itu dengan memuaskan, barulah dia akan dibenarkan berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia, yang membolehkannya mengamalkan profesion farmasi.

Dalam situasi sekarang, setelah didaftarkan, seseorang ahli farmasi itu adalah bebas untuk memilih tempat bertugasnya, iaitu sama ada dengan pihak swasta atau kerajaan. Profesion farmasi di negara ini perlu diperkukuhkan dengan mengadakan pendekatan perkhidmatan wajib dalam sektor awam yang perlu dilihat sebagai satu tempoh untuk membina pemantapan pengetahuan amalan, kemahiran dan sikap di kalangan graduan yang menjadi ahli baru profesion ini.

Perlu ditegaskan bahawa sumbangan ahli farmasi tidak sahaja terhad kepada aktiviti yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan, tetapi juga dalam kegiatan pembangunan ekonomi negara melalui industri dan perdagangan berkaitan ubat-ubatan dan produk kesihatan. Secara tradisinya, ahli-ahli farmasi memikul tanggungjawab yang besar bagi memastikan bahan ubat-ubatan yang dipasarkan dalam negara ini adalah berkualiti, selamat dan berkesan. Ahli farmasi perlu memainkan peranan penting supaya masyarakat pengguna di negara ini diberi pendidikan yang secukupnya untuk menggunakan ubat-ubatan secara rasional dan berdasarkan kepada bukti saintifik, di samping membimbing mereka memilih kaedah pengubatan yang selamat, berkesan dan ekonomik.

Ahli farmasi dalam kerajaan juga menjalankan tugas untuk melindungi orang awam dari produk yang berbahaya, produk tiruan, *substandard* dan tercemar dengan bahan-bahan yang tidak dibenarkan. Industri pembuatan negara perlu diberi bimbingan dan kawalan dari segi amalan pengilangan yang baik (GMP) supaya kualiti ubatan yang dihasilkan memenuhi piawaian antarabangsa dan selamat untuk dipasarkan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan kepada Akta Pendaftaran Ahli Farmasi ini ialah untuk memulakan perkhidmatan wajib selama tiga tahun dalam sektor awam. Untuk makluman, perkhidmatan wajib ini telah dikenakan kepada pengamal perubatan dan pengamal pergigian. Pada masa ini, kebanyakan dari ahli farmasi memilih untuk bekerja dalam sektor swasta sebaik sahaja mendapat sijil pendaftaran masing-masing.

Maklumat terkini sehingga 31 Januari 2003 menunjukkan terdapat seramai 3,234 ahli farmasi yang berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia. Dan dari jumlah itu, 612 orang ataupun 18.9 peratus, memilih untuk berkhidmat dengan sektor awam, iaitu 518 orang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan, 94 orang dengan sektor awam bukan Kementerian Kesihatan. Kecenderungan ini ketara akan berterusan kerana dari seramai 1,845 pendaftaran semenjak tahun 1994 hingga 2002, cuma 280 orang sahaja, iaitu 15.2 peratus sahaja memilih untuk bertugas di sektor awam.

Kekurangan ahli farmasi yang berterusan bagi sektor awam sejak sekian lama, telah menjejaskan perkembangan dan perluasan perkhidmatan farmasi. Perkhidmatan farmasi sektor awam perlu memperluaskan dan memperkembangkan peranan mereka sejajar dengan perkembangan profesion itu di arena global. Di antara aspek yang perlu ditekankan ialah pertama, dalam bidang regulatori. Sehingga kini proses pendaftaran produk masih terbatas kepada pengeluaran *farmaseutikal*, ubatan tradisional dan yang terbaru, produk kosmetik. Proses ini perlu diperluaskan kepada pendaftaran produk ubatan veterineri, ubat bahan-bahan aktif *pharmaceutical* dan *medical devices*.

Dari segi pemantauan pasca pendaftaran pula, masih banyak yang perlu dilakukan, untuk memastikan produk yang berdaftar kekal mematuhi piawai keselamatan yang ditetapkan. Demi keselamatan pengguna, lebih banyak aktiviti pemantauan perlu dilaksanakan, yang kini terbantut kerana kekurangan pegawai farmasi untuk menjalankannya. Di dalam bidang penguatkuasaan, di antara aspek penguatkuasaan yang sangat memerlukan pengukuhan melalui penambahan anggota, ialah aspek kawalan pengiklanan produk ubat-ubatan dan perkhidmatan kesihatan, kawalan ubat-ubat tidak berdaftar dan kawalan terhadap pergerakan bahan *precursor*.

Iklan adalah salah satu strategi pemasaran yang penting dan melibatkan hampir kesemua pengeluar dan pengedar produk kesihatan. Kawalan penguatkuasaan terhadap iklan yang tidak diluluskan menjadi bertambah kompleks dan sukar, dengan terdapatnya pelbagai kaedah dan media yang digunakan untuk tujuan pemasaran. Pertambahan anggota pegawai farmasi untuk tujuan ini akan membantu mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan yang kini agak terbatas, di samping memperluaskan lagi skop kawalan dan keberkesanannya. Di samping perkhidmatan farmasi terapeutik dalam bidang perkhidmatan farmasi dan terapeutik dan pencegahan, aspek keselamatan pesakit dan pengguna adalah isu penting dalam agenda perkhidmatan kesihatan masyarakat.

Hospital dan klinik kesihatan seluruh negara memerlukan pegawai farmasi untuk memainkan peranan yang lebih fokus dalam bidang-bidang perkhidmatan yang memberikan faedah terus kepada pesakit seperti pemantauan farmakoterapi, penyemakan dan pengesanan kesilapan preskripsi dan kesilapan pengubatan. Pengesanan kepekatan ubat dalam darah bagi memastikan julat terapeutik yang selamat dan berkesan, penyediaan dan pemantauan *Nutrisi Parenteral*, perkhidmatan rekonstitusi, *Psychotoxic* dan *Pharmacy Oncology*.

Bilangan pegawai farmasi yang mencukupi diperlukan untuk menambah baik kualiti dan produktiviti kerja di fasiliti yang telah sedia memulakan perkhidmatan tersebut dan juga untuk fasiliti-fasiliti yang masih lagi menyediakan perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 1 Januari 2003, kadar kekosongan jawatan Pegawai Farmasi iaitu pada gred asas U41 berdasarkan perjawatan sedia ada di seluruh negara adalah pada tahap yang membimbangkan iaitu 57.7%. Masalah ini telah lama berlarutan dan ini bertambah runcing dengan wujudnya hospital-hospital dan klinik-klinik baru di seluruh negara. Masalah ini juga menjadi penyumbang kepada wujudnya keadaan ketidakseimbangan yang ketara dalam penempatan Pegawai Farmasi antara negeri-negeri dan juga antara subsektor atau cawangan dalam perkhidmatan farmasi awam itu sendiri.

Kekurangan yang disebutkan tadi adalah berdasarkan jawatan yang sedia ada pada tahun 2003 sebanyak 988 jawatan. Sebagaimana yang kita semua maklum, kerajaan begitu mengambil berat tentang perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan banyak projek pembinaan fasiliti baru kesihatan sedang berjalan. Sekiranya diambil kira keperluan bagi perkhidmatan farmasi di fasiliti-fasiliti baru yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelapan adalah dianggarkan sekurang-kurangnya kira-kira 350 jawatan lagi perlu diwujudkan. Negara perlu lebih ramai lagi Pegawai Farmasi untuk menjayakan pelbagai program untuk kesihatan rakyat.

Nisbah Pegawai Farmasi kepada penduduk Malaysia kini ialah seorang Pegawai Farmasi kepada 7,500 orang dan ini diperlukan dengan mengambil kira pengamal farmasi di semua sektor awam dan swasta dan sektor kesihatan dan bukan kesihatan. Pada tahun 2000, kadar nisbah yang sama bagi negara Jepun ialah seorang farmasi kepada 2,000 orang. Di United Kingdom, seorang farmasi kepada 1,280; dan Australia seorang kepada 2,700. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyarankan nisbah seorang farmasi kepada 2,000 sebagai sasaran nisbah yang ideal untuk perkhidmatan farmasi pada tahap yang optimum.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan penting yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini. Fasal 3 mencadangkan Pengarah Perkhidmatan Farmasi sebagai Pendaftar kepada Lembaga Farmasi. Ini adalah bersesuaian dengan amalan sekarang di mana daftar memang disimpan di bahagian farmasi. Lantikan juga dapat mempercepatkan proses pengeluaran sijil-sijil yang berkaitan yang dikeluarkan di bawah akta.

Fasal 4 dan 5 mencadangkan supaya ahli farmasi didaftarkan secara sementara (*provisional*). Dalam tempoh ini mereka perlu mendapatkan pengalaman yang diperlukan sebelum memperolehi pendaftaran penuh.

Fasal 9 mencadangkan supaya ahli farmasi yang berdaftar penuh diwajibkan berkhidmat dalam sektor awam. Pindaan akta ini akan dapat mengatasi masalah kekurangan ahli farmasi di sektor awam yang telah saya sebutkan pada awal tadi.

Fasal 17 mencadangkan dimasukkan dua Jadual untuk menyenaraikan kelayakan dan tempat latihan bagi maksud pendaftaran dan latihan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 yang disebut di atas perlu dan tepat pada masanya dan cadangan ini bukan sahaja dapat mengatasi masalah kekurangan Pegawai Farmasi di sektor awam malahan dapat memberikan peluang kepada generasi baru Pegawai Farmasi untuk mendalami praktis farmasinya, menambah pengalaman dan membina jalinan kerjasama dan persefahaman dengan profesion lain dalam penjagaan kesihatan.

Pendekatan ini adalah perlu untuk membantu mencapai wawasan Kementerian Kesihatan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada famili dan komuniti yang sihat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

5.07 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa adalah singkat, di dalam.....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Kita ada banyak masa.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tetapi, saya cuba ringkaskan. Di dalam perbahasan ini saya hanya akan sebut bahawa pindaan-pindaan kepada Seksyen-seksyen 2 hingga 11

dan Seksyen-seksyen baru 11A hingga 11F adalah perlu dan wajar untuk meningkatkan taraf dan mutu perkhidmatan ahli-ahli farmasi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengemukakan satu perkara sahaja iaitu cadangan mengasingkan bekalan ubat atau *retail* daripada klinik-klinik doktor swasta jika dilaksanakan pesakit-pesakit akan menghadapi kesusahan pergi dari klinik dan kemudian ke kedai farmasi untuk membeli ubatnya dan juga ini akan membuang masa.

Di samping itu, adakah cukup bilangan kedai-kedai farmasi swasta di kawasan luar bandar dan sanggupkah mereka membuka sehingga pukul 9.00 malam dan adakah farmasi-farmasi bersetuju buka 24 jam untuk melayani klinik-klinik 24 jam?

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan kepada Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Siapa hendak bercakap?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae: [Bangun]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Bangun]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dato' Dr. Chin dahulu.

5.08 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberi beberapa komen sahaja dalam pindaan 2003 ini kepada Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu pindaan Seksyen 5 iaitu Pendaftar ialah Pengarah Perkhidmatan Farmasi. Bilakah kita akan ada Ketua Pengarah? Ini bagi saya satu perkara yang penting kerana kita sekarang sudah mengakui bahagian ini sebagai satu bahagian yang penting dan oleh kerana itu, kita telah memberi tugas-tugas khas kepada Pengarah, juga mungkin patutnya dia dinaikkan pangkat kepada Ketua Pengarah selaras dengan Ketua Pengarah Kesihatan yang ada.

Juga, satu yang ada kaitan dengan perkara ini, di dalam pelaksanaan Seksyen baru 11B, C, D, E, F yang memerlukan seorang ahli farmasi berdaftar berkhidmat di perkhidmatan awam. Tetapi orang yang mengeluarkan surat bukan Pendaftar, bukan Pengarah Perkhidmatan Farmasi tetapi Ketua Pengarah Kesihatan. Jadi, saya ingin tahu adakah ini akan menambah birokrasi kerana sekarang ada dua pihak - satu yang menjaga daftar, satu yang bagi arahan kepada ahli farmasi ini bertugas di mana-mana tempat.

Juga ada beberapa perkara yang saya ingin mengemukakan pertanyaan iaitu pindaan kepada Seksyen 1(b) dan ini diberi kuasa kepada Pendaftar itu memasukkan kepada daftar itu, orang-orang yang dianggap sesuai atau layak. Tetapi kita telah berusaha dalam rang undang-undang ini untuk menamakan universiti dari setiap negara yang patut dan boleh dimasukkan ke dalam daftar.

Jadi kalau senarai itu begitu lengkap, kenapa kita masih ada peruntukan semacam ini? Bagi saya ini sebagai satu peruntukan yang mungkin dicabar oleh pihak-pihak lain yang menyatakan orang telah masuk dari pintu belakang, kerana ia tidak tersenarai dalam universiti-universiti dan institusi-institusi yang telah dinamakan dan telah disenaraikan itu.

Dan satu lagi perkara yang saya rasa kurang memuaskan sedikit dan ingin mengemukakan pertanyaan ialah tentang mereka yang enggan berkhidmat di atas kepentingan negara, kerana kita telah diberi sebab kenapa mereka mesti berkhidmat bagi kepentingan negara, dan kita telah diberi angka tentang kekurangan jumlah ahli farmasi dan sebagainya. Tetapi kita ada peruntukan di bawah 11C (4) itu, bahawa seseorang itu kalau dia enggan berkhidmat bagi kepentingan negara boleh dibatalkan pendaftarannya, tetapi seksyen ini ialah berkenaan dengan memulihkan semula nama ke dalam daftar selepas nama digugurkan dalam daftar. Dan saya lihat tiada sebab yang diguna untuk menyokong pemulihan ini. Saya tidak mahu seseorang yang telah dikeluarkan itu dikembalikan kerana alasan-alasan tidak kukuh. Itu mungkin akan menjadi masalah dan satu pertanyaan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja komen saya dan saya menyokong, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

5.12 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana sekali lagi memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan kali ini Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.

Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana berjaya mengemukakan akta ini kerana ini adalah satu akta yang sudah lama ditunggu-tunggu. Dan juga tahniah kerana memberi penjelasan yang begitu terperinci. Keberkesanan bidang perubatan hanya boleh dilihat apabila pengurusan serta penggunaan ubat-ubat adalah efisien dan rasional. Fenomena ini penting dan berlaku bukan sahaja di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia, akan tetapi juga negara-negara maju. Di negara-negara maju aktiviti-aktiviti profesional yang melibatkan pengagihan, pembekalan dan pendispensarian ubat-ubat adalah amat diperlukan sejajar dengan kecanggihan teknologi serta kekompleksan sistem yang ada pada hari ini. Sejak sekian lama persoalan ekonomi yang berkaitan dengan kos perbelanjaan kesihatan sangat hangat diperbincangkan. Kajian telah dimajukan bahawa ubat merupakan salah satu cara yang berkesan serta murah jika dibandingkan dengan kaedah-kaedah lain dalam menentang penyakit. Oleh yang demikian, ahli farmasi mempunyai peranan penting dalam sistem kesihatan sesebuah negara dan dapat bertindak demi kepentingan pesakit dan masyarakat dalam menentukan ubat-ubat yang digunakan secara rasional dan berkesan. Peranan ini telah diperluaskan daripada produk *oriented*, dengan izin, kepada *patient oriented*, dengan izin. Oleh yang demikian, tanggungjawab yang dipikul oleh ahli farmasi menjadi semakin penting dengan pembangunan ubat-ubatan baru hasil penyelidikan oleh para saintis. Tanggungjawab ini khusus berkaitan dengan penggunaan ubatan secara rasional di samping perlindungan masyarakat daripada kemudatan memakan ubat-ubat semasa menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat utama ahli farmasi di dalam sesuatu organisasi ini ialah memastikan terapi ubatan yang optimum dan rasional melalui penglibatan mereka di dalam proses penyediaan, pengedaran dan pengawalan ubat-ubatan dan produk *pharmaceutical* yang lain, serta pembekalan maklumat kepada mereka yang memberi *prescription*, dengan izin, seperti doktor dan pembantu perubatan dan menggunakan *prescription* ini kepada pesakit. Susah hendak gunakan dalam Bahasa Malaysia dia apa, '*prescription*' ini dengan izin. Ahli farmasi yang dalam tugas hariannya adalah terikat dengan peraturan dan perundangan yang tertentu. Pertama, peruntukan dan perundangan yang berkaitan dengan mereka sebagai seorang farmasi dan golongan profesional. Kedua, peraturan dan perundangan yang berkaitan dengan ubat-ubatan. Ketiga, peraturan yang bersangkutan dengan kos etika profesional farmasi dan pengawalan aktiviti-aktiviti harian ahli farmasi.

Di sini dapat dilihat peri pentingnya tugas dan tanggungjawab ahli farmasi dalam bidang perubatan khasnya untuk berganding bahu dengan para doktor dalam memastikan penjagaan kesihatan pesakit adalah optimum dan yang terbaik. Saya sangat tertarik dengan Fasal 6 rang undang-undang ini yang bertujuan untuk mendaftar penuh ahli-ahli farmasi di bawah akta ini, ini amat penting, kita tidak mahu ada yang tidak berdaftar boleh membuka perniagaan perubatan, kerana kita tidak tahu sama ada ahli-ahli farmasi yang membuka ini, membuka perniagaan sama ada mereka bertauliah atau terlatih. Oleh yang demikian, Fasal 11 rang undang-undang yang bertujuan untuk memasukkan dua jadual kepada Akta 372, jadual ini masing-masing menyenaraikan tentang latihan dan tempat latihan yang diiktiraf bagi maksud pendaftaran dan latihan di bawah akta ini amatlah dialu-alukan.

Saya cuma ingin tahu dan ingin penjelasan daripada kementerian, apakah tindakan yang boleh dibuat jika sekiranya terdapat ada farmasi yang tidak bertauliah, dan tidak berdaftar membuat perniagaan dan mengeluarkan *prescription* kepada orang awam. Ini amat penting kerana kita sebagai pelanggan tidak dapat membuat persoalan ataupun

menanya untuk mengetahui sama ada mereka ini telah mendaftar ataupun diiktiraf? Jadi sungguhpun pertimbangan-pertimbangan yang telah saya kemukakan lebih kepada memihak kepada ahli farmasi, namun saya sesungguhnya memohon agar apa sahaja yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Fook Weng.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dr. Chin Fook Weng.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Chin Fook Weng ya, ada di antaranya ingin saya suarakan, tetapi oleh kerana masa saya rasa tidak perlu untuk diulang, diambil kira kerana amat penting kita bahas secara terperinci untuk kebaikan semua pihak khasnya untuk bidang perubatan negara kita. Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih dan silakan Yang Berhormat.

5.19 ptg.

Datuk Lau Yin Pin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin minta penjelasan sedikit daripada kementerian berkenaan dengan perkara berikut. Mengikut Jadual Pertama *there is First Schedule*, dengan izin, hanya tiga buah universiti sahaja diiktirafkan sebagaimana dengan izin, *under the List of Registrable Qualifications* di Malaysia iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Memandangkan negara kita sekarang masih kekurangan farmasi seperti yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi, kerana apa kita tidak menggalakkan lebih banyak lagi universiti-universiti tempatan untuk mengadakan Kursus Farmasi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, kerajaan sudah lama bercakap memberitahu bahawa matlamat akhirnya ialah diasingkan, dengan izin, *dispensing* ubat-ubat yang akan dikendalikan oleh ahli farmasi dan bukan lagi melalui doktor-doktor seperti sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarajam, bilakah kerajaan akan menjalankan ataupun melaksanakan dasar yang dicadangkan ini.

Yang ketiga, kita semua mendapati banyak syarikat jualan langsung iaitu *direct selling*, sekarang pun mulai jual ubat, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengawasi kegiatan-kegiatan mereka ini.

Sekian, terima kasih. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

5.22 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada keempat-empat Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan mereka dan juga telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan pindaan kepada Akta Pendaftaran Ahli Farmasi ini.

Pertama, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam telah pun menyatakan tentang cadangan mengasingkan atau pemisahan bidang perubatan dan juga farmasi. Sebenarnya kita belum lagi mencapai ke tahap tersebut kerana masalahnya kita ialah menghadapi masalah kekurangan ahli-ahli farmasi yang begitu ketara dan juga ada beberapa perkara lain yang bersangkutan yang kita harus mengambil kira sebelum kita capai kepada tahap tersebut tetapi buat masa ini tidak ada sebarang cadangan untuk mengasingkan bahagian perkhidmatan kedokteran dan juga farmasi buat pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah pun menyentuh tentang Seksyen 5 di mana dikatakan kenapa pendaftaran dilakukan oleh Pengarah Farmasi dan bukan oleh Ketua Pengarah dan sebaliknya, penentuan itu mengeluarkan arahan di bawah Seksyen 11 adalah di bawah Ketua Pengarah Kesihatan.

Sebenarnya saya telah pun memaklumkan tadi semasa saya membentangkan rang undang-undang ini kerana pendaftaran ini memberi kuasa kepada Pengarah Farmasi supaya pentadbiran ataupun pengurusan pendaftaran dapat berjalan dengan licin tetapi manakala Seksyen 11 adalah satu seksyen yang menyentuh tentang dasar-dasar kementerian.

Jadi, sebagai Ketua Bahagian Perkhidmatan Perubatan, Ketua Pengarah adalah orang yang paling arif tentang perkara ini dan paling sesuai untuk menentukan, bilakah Seksyen 11 ini harus ditarik balik ataupun harus diberi kelonggaran untuk peruntukan ini.

Dan ada juga pertanyaan tentang *schedule* di bawah ataupun senarai di bawah Seksyen 6(1)(a), di mana ditanyakan kenapa ada kuasa untuk menambah ataupun menambahkan bilangan universiti ataupun ijazah dan juga bilangan hospital. Seperti yang kita semua sedia maklum, ini termasuk juga untuk jawapan kepada Yang Berhormat Datuk Lau Yin Pin, di mana kita perlu kerana dari semasa ke semasa, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam dengan Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa kita meninjau mana-mana ijazah yang perlu kita iktiraf supaya kita dapat menambahkan bilangan.

Jadi, ini memberi ruang kepada kita untuk menambah senarai universiti-universiti ataupun ijazah-ijazah tanpa kita melalui proses yang lama, jadi kuasa diberikan kepada kementerian ataupun menteri untuk menentukannya. Begitu juga tentang hospital-hospital, semakin hari kita ada hospital-hospital yang baru, jadi kita mudah untuk memasukkannya ke dalam senarai tersebut.

Dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga telah pun menyentuh tentang kenapa percanggahan di antara Seksyen 11(c)(2) dan (4), kenapa ada percanggahan. Sebenarnya tidak ada percanggahan.

11(c)(2) menyatakan bahawa ianya adalah salah jika seseorang itu enggan menjalankan perkhidmatan wajib itu. Dan 11(c)(4) itu memberi kuasa ataupun memberi kuasa untuk mempertimbangkan sesuatu kes kerana sesuatu alasan yang munasabah.

Katakan pada masa tersebut orang yang enggan memberi perkhidmatan wajib itu ada mempunyai satu alasan yang kukuh, kita tidak boleh mengatakan bahawa kita boleh membatalkan pendaftarannya tetapi bila dia kembali dan memberi alasan-alasan yang munasabah, maka alasan itu kalau didapati boleh diterima kita akan terima dan memasukkan balik nama pengamal tersebut. Jadi, ini adalah sebagai satu *saving clause*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani telah pun menyentuh tentang tindakan jika ada Ahli Farmasi yang tidak berdaftar membuat diskripsi ataupun menjual ubat. Sebenarnya ini adalah suatu kesalahan. Kesalahan di bawah akta jualan ubat dan maka tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka.

Dan Yang Berhormat juga telah pun memberi atau mengukuhkan lagi alasan-alasan kementerian untuk mengemukakan pindaan kepada rang undang-undang ini. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan pada masa yang sama juga, satu perkara yang disentuh iaitu ubat cara yang baik untuk menentang penyakit. Sebenarnya, di kementerian kita tidak bersetuju. Di Kementerian Kesihatan yang kita katakan ialah amalan atau cara hidup yang sihat adalah cara yang paling baik untuk menentang penyakit.

Dan satu lagi perkara yang dibangkitkan Datuk Lau Yin Pin ialah tentang jualan ubat secara langsung. Sebenarnya kita sedar bahawa ada ubat-ubat tradisi ataupun *traditional dan food supplements* yang dijual secara langsung dan kita sedang memperketat lagi peraturan-peraturan tentang penjualan ubat-ubatan ini. Sebenarnya kita hendak menghentikan penjualan ubat-ubatan ini secara langsung. Jadi, setakat itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya dan saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan dan teguran mereka.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan Selamat Berhari Raya tetapi pada masa yang sama, marilah kita bersama-sama menjaga kesihatan kita semoga kita jumpa lagi dalam keadaan yang lebih sihat dalam persidangan yang akan datang.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Jangan merokok!

Tuan S. G. Sothinathan: Ya, jangan merokok juga. *[Ketawa]* Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum mesyuarat kali ini ditangguhkan, dan sebelum Tuan Yang di-Pertua naik semula, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua pihak terutamanya kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membantu beliau mempengerusikan Mesyuarat-mesyuarat ini sejak daripada 3 November 2003 lagi.

Keduanya, saya juga ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang cukup taat dan setia memberikan sokongan dan kerjasama kepada saya selama saya mempengerusikan Mesyuarat. Sesungguhnya saya tiada masalah dan saya juga percaya Yang Berhormat sekalian pun tiada masalah.

Namun kalau ada yang terlanjur, ada yang tersilap dan apa juga yang tidak terkena, saya mohon ampun dan maaf daripada semua. Akhirnya kepada para pegawai sekalian, saya juga mengucapkan terima kasih di atas segala kerjasama yang diberikan.

Akhir kata, saya bagi pihak keluarga saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Muslimin Muslimat sekalian dan Salam Sejahtera kepada semua. Jangan lupa jemputan saya pada 6 Disember 2003, jemputan ikhlas ini juga ditujukan kepada para pegawai semua, carilah alamat saya, insya-Allah boleh dapat.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mula-mula sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar kerana kesanggupan membantu saya dan beliau telah pun membantu saya dengan cemerlang. Terima kasih Yang Berhormat Datuk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas peranan dan kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menentukan perjalanan Dewan Negara terus baik, sempurna dan memberangsangkan.

Saya amat terharu menyaksikan betapa Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai iltizam untuk menentukan supaya Dewan Negara kekal berwibawa dan relevan dalam konteks pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri sambil memohon maaf zahir dan batin. Terima kasih dan Selamat Sejahtera dan saya tangguhkan persidangan hingga masa yang akan ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.